



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA


TAHUN 2017

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI
KELANTAN

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

NEGERI KELANTAN SIRI 1

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	<u>BAHAGIAN I</u>
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	YAYASAN ISLAM KELANTAN Projek Pembinaan Sekolah Maahad Sains Tok Guru, Pengkalan Chepa, Kota Bharu
26	JABATAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN Program Pembangunan Usahawan Tani dan Industri Asas Tani
53	MAJLIS DAERAH TANAH MERAH Projek Usaha Sama Pembangunan Bandar Tanah Merah
68	PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN Pengendalian dan Penyenggaraan Loji Rawatan Kumbahan Awam di Negeri Kelantan oleh Majaari Services Sdn. Bhd.
83	PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN Kifaalah Sdn. Bhd.
	<u>BAHAGIAN II</u>
	PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI
113	PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)
147	PENGAUDITAN MENGEJUT
157	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpanduan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Bagi Tahun 2017 Siri 1 ini mengandungi dua (2) bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di satu (1) Jabatan, tiga (3) Agensi dan satu (1) Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang dijalankan di 14 Jabatan/Agensi Negeri serta Pengauditan Mengejut di 12 Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos Kerajaan Negeri. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 31 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan terhadap Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan

maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

12 Jun 2018



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

YAYASAN ISLAM KELANTAN

1. *Pembinaan Sekolah Maahad Sains Tok Guru*

- a. Projek pembinaan Sekolah Maahad Sains Tok Guru, Pengkalan Chepa, Kota Bharu (SMSTG) telah dipersetujui pembinaannya dalam mesyuarat Lembaga Yayasan Islam Kelantan (YIK) Bil. 1/2012 pada 10 April 2012. Kos projek keseluruhannya adalah berjumlah RM12.97 juta yang terdiri daripada pembiayaan pinjaman sejumlah RM12 juta dan RM0.97 juta ditanggung oleh YIK. Permohonan pembiayaan pinjaman daripada Kerajaan Negeri telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan pada 3 April 2013. Objektif pembinaan SMSTG adalah untuk mengembangkan lagi sistem pendidikan sekolah agama di Negeri Kelantan yang menawarkan pembelajaran aliran sains sepenuhnya bagi pelajar lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi menampung pertambahan permintaan masyarakat terhadap pembelajaran tersebut.
- b. Pengauditan dijalankan di Bahagian Pembangunan dan Kewangan, YIK dan SMSTG pada bulan September hingga Disember 2017 mendapati objektif pembinaan SMSTG untuk menempatkan pelajar aliran sains sepenuhnya tidak tercapai. Perkara ini berlaku disebabkan pihak YIK tidak meneruskan pengambilan pelajar aliran sains tingkatan empat (4). Sebaliknya, buat permulaan pelajar tingkatan satu (1) seramai 107 orang telah diambil untuk sesi persekolahan tahun 2017. Kesan daripada ini menyebabkan kemudahan yang disediakan tidak dapat digunakan sepenuhnya. Pengurusan projek SMSTG dari aspek pelantikan kontraktor dan pengendalian dokumen kontrak telah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini. Berdasarkan penilaian terhadap aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek, pihak Audit mendapati wujud kelemahan pengurusan projek seperti berikut:
 - i. projek pembinaan dijalankan sebelum mendapat kebenaran merancang dan kelulusan penuh pelan bangunan;
 - ii. pelantikan perunding tanpa kelulusan mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan, Tender, Pembangunan dan Pelaburan (JTKTPP) YIK; bayaran interim pertama berjumlah RM385,500 kepada perunding dibuat sebelum *Memorandum of Agreement* (MoA) ditandatangani;

- iii. enam (6) perubahan kerja dilaksanakan tanpa kelulusan Arahan Perubahan Kerja (APK); denda lewat (LAD) dikenakan tanpa *Certificate of Non-Completion* (CNC); Perakuan Siap Kerja tidak dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa;
 - iv. kerja yang tidak dilaksanakan berjumlah RM258,421 telah dituntut dan dibayar sehingga interim ke 14 berjumlah RM144,991 (56.1%);
 - v. terdapat lima (5) kerja berjumlah RM83,805 yang tidak dibuat mengikut kuantiti yang ditetapkan dalam *bill of quantities* (BQ) telah dibayar; enam (6) jenis kerja lain yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi tetapi telah dibuat bayaran berjumlah RM283,563;
 - vi. kerja pembinaan tidak berkualiti; dan
 - vii. kelemahan pemantauan oleh perunding.
- c. Bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dan bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek lain adalah disyorkan supaya YIK memberi pertimbangan seperti berikut:
- i. mengkaji semula setiap kelemahan di peringkat perancangan dan dijadikan sebagai *lesson learnt* bagi memastikan kelemahan perancangan diminimumkan demi menjaga kepentingan Kerajaan;
 - ii. memastikan bayaran interim ke 15 dan penyediaan akaun muktamad mengambil kira semua kos yang perlu ditanggung oleh kontraktor;
 - iii. mengambil tindakan undang-undang terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawab seperti dipersetujui dalam MoA; dan
 - iv. menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyiasat elemen ketirisan yang berbangkit dalam pengurusan projek-projek YIK.

JABATAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN

2. Program Pembangunan Usahawan Tani dan Industri Asas Tani

- a. Objektif penubuhan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan (JPNK) antaranya adalah untuk mewujudkan pengusaha pertanian yang progresif melalui peningkatan produktiviti ladang dan pengeluaran pertanian negara. Bagi mencapai objektif tersebut, JPNK telah melaksanakan dua (2) program utama iaitu Program Pembangunan Usahawan Tani (PUT) dan Program Industri Asas Tani (PIAT). Objektif program adalah untuk meningkatkan pengeluaran pertanian dan pendapatan usahawan tani serta memastikan pengeluaran pertanian mencukupi,

berkualiti dan selamat dimakan. Bagi melaksanakan kedua-dua program ini, PUT diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Pengembangan, Perundingan dan Pelaburan manakala PIAT diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Industri Asas Tani. Antara bantuan yang disediakan di bawah program PUT adalah penyediaan kemudahan infrastruktur pertanian, sistem pengairan dan peralatan pertanian kepada usahawan. Manakala PIAT adalah program yang memberi bantuan seperti peralatan atau mesin pemprosesan, pengubahsuaian atau penambahbaikan bengkel dan penambahbaikan pembungkusan bagi produk berasaskan pertanian dan aktiviti hiliran kepada usahawan. Bantuan dalam bentuk peralatan atau mesin diberi secara pinjaman kepada usahawan di mana peralatan/mesin adalah hak milik JPNK.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2017 merumuskan perkara berikut:

- i. **Prestasi Program PUT dan PIAT**

Secara keseluruhannya, pencapaian output bagi program PUT dan PIAT telah meningkatkan pengeluaran industri pertanian. Kejayaan program ini diukur berdasarkan sasaran pendapatan yang ditetapkan bagi PUT dan pencapaian nilai pengeluaran bagi PIAT. Bagaimanapun, sasaran pendapatan bagi program PUT hanyalah dapat dicapai antara 4.8% hingga 20% dan perlu dipertingkatkan lagi. Bagi PIAT, nilai pengeluaran telah melebihi sasaran yang ditetapkan antara 0.3% hingga 30%. Selain itu, berdasarkan lawatan fizikal, sebanyak 29 (90.6%) daripada 32 usahawan PUT dan 37 (94.8%) daripada 39 usahawan PIAT masih aktif.

- ii. **Pengurusan Program**

Pengurusan program masih belum mencapai tahap pencapaian dan kecekapan yang optimum kerana bantuan/insentif yang diberi melebihi kadar yang ditetapkan. Selain itu, terdapat 19 usahawan yang belum berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan tindakan terhadap usahawan yang tidak mematuhi tahap penggunaan residu racun/*Maximum Residue Limit* (MRL) belum diambil yang boleh menimbulkan risiko kepada kualiti dan keselamatan makanan.

- c. Penemuan Audit yang penting dan perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. bilangan usahawan tahun semasa yang berjaya mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan bagi program PUT untuk tahun 2015 ialah 14.3%, tahun 2016 sebanyak 15% dan tahun 2017 sebanyak 5%. Bagi PIAT, trend pendapatan

usahawan bagi tahun 2015 menurun 18.7% berbanding tahun 2016 dan meningkat 7.2% tahun 2017.

- ii. sebanyak 19 (51.4%) daripada 37 usahawan PIAT tidak berdaftar dengan KKM dan sebanyak 23 kelulusan projek PUT melebihi kadar pembiayaan maksimum;
 - iii. penghantaran sampel residu racun makhluk perosak bagi tahun 2015 hingga 2016 tidak mencapai sasaran ditetapkan. Sebanyak tujuh (7) usahawan mengguna racun melebihi *Maximum Residue Limit* (MRL) dan belum diambil sampel ulangan bagi kawalan penggunaan racun makhluk perosak untuk tanaman;
 - iv. pencapaian pensijilan *Malaysian Good Agricultural Practices* (MyGAP) adalah di antara 35.6% hingga 85.0% daripada sasaran ditetapkan;
 - v. sebanyak enam (6) perolehan yang dibuat pembelian telah dipecahkecilkan, sebanyak lima (5) peralatan tidak digunakan dan tidak diambil semula serta empat (4) peralatan yang dibekalkan tidak memenuhi spesifikasi keperluan usahawan; dan
 - vi. sasaran pemantauan terhadap usahawan tanaman tidak dicapai oleh dua (2) Pejabat Pertanian Jajahan.
- d. Bagi memastikan pembangunan usahawan tani dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan, beberapa syor dikemukakan untuk penambahbaikan seperti berikut:
- i. memastikan pendedahan usahawan terhadap pensijilan Amalan Pertanian Baik perlu dipertingkatkan dan tindakan pengambilan sampel ulangan terhadap usahawan yang tidak mematuhi MRL perlu diambil dengan segera;
 - ii. menetapkan sasaran pendapatan secara individu bagi peserta Program PIAT sebagai SKT bagi mengukur kejayaan program;
 - iii. memastikan pemantauan terhadap usahawan dipertingkatkan dengan menyediakan rekod/data secara sistematik meliputi data pengeluaran dan pendapatan usahawan; dan
 - iv. mengkaji semula kaedah bagi memperkasakan prosedur pemilihan peserta dan penerima bantuan/insentif.

MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

3. *Projek Usaha Sama Pembangunan Bandar Tanah Merah*

- a. Projek pembangunan di atas Tanah Kerajaan, di bandar Tanah Merah, Daerah Kusial adalah sebuah projek usaha sama di antara Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) dan syarikat 398778-H (pemaju). Kertas Cadangan projek ini telah dikemukakan oleh pemaju kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan pada bulan April 2011 dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan (MMK) pada 2 Mei 2012. Satu (1) perjanjian usaha sama (dokumen kontrak) telah disediakan dan ditandatangani antara MDTM dan pemaju pada 27 Ogos 2012 bagi melaksanakan projek usaha sama (projek) ini. Projek ini dibangunkan di atas tanah Kerajaan seluas 19.5 ekar bernilai RM7 juta di Jalan Pegawai, Bandar Tanah Merah. Objektif projek ini ialah menyediakan lot perniagaan/komersial untuk meningkatkan peluang perniagaan dan pekerjaan bagi penduduk, mewujudkan kemudahan awam untuk kesejahteraan rakyat dan meningkatkan hasil kepada Kerajaan Negeri dan MDTM.
- b. Mengikut Dokumen Kontrak, keseluruhan projek usaha sama ini akan disiapkan dalam tempoh 36 bulan bagi Fasa 1 dan 60 bulan bagi Fasa 2 daripada tarikh kelulusan pelan bangunan. Pemaju bertanggungjawab menyiapkan projek bagi Fasa 1 iaitu sebanyak 95 lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat dan Fasa 2 sebanyak 39 lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat. Bagaimanapun, setelah pengukuran semula pelan susun atur dan saiz bangunan, terdapat pertambahan 18 lot perniagaan/komersial yang perlu dibina menjadi 108 lot di Fasa 1 dan 44 lot di Fasa 2. Walau bagaimanapun perubahan bilangan lot perniagaan/komersial tidak dipinda atau dimasukkan dalam kontrak tambahan.
- c. Projek ini dilaksanakan secara Reka dan Bina di mana semua kos berkaitan pembangunan projek termasuk pembinaan lot perniagaan/komersial, infrastruktur serta balasan kepada MDTM ditanggung oleh pihak pemaju dan pemaju diberi hak milik bagi lot perniagaan/komersial tersebut. Manakala pihak Kerajaan perlu menyerahkan tanah seperti disebut di atas secara pajakan selama 99 tahun kepada pemaju dan pihak pemaju perlu memberi balasan berjumlah RM13.5 juta dalam bentuk *benefit in kind* kepada MDTM dan Kerajaan Negeri.
- d. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2017 mendapati secara keseluruhannya, projek usaha sama telah mencapai objektif yang ditetapkan. Pihak pemaju telah menyiapkan sepenuhnya 108 (100%) lot perniagaan/komersial dalam Fasa 1 dalam tempoh yang ditetapkan. Projek ini telah memberi peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk. Didapati 90 daripada 108 lot perniagaan/komersial yang disiapkan, telah memulakan operasi perniagaan. Projek ini juga telah meningkatkan hasil kepada Kerajaan Negeri dan MDTM iaitu RM11.9 juta daripada RM13.5 (88.15%) juta balasan dari segi lot-lot

serahan dan lain-lain balasan telah diserahkan oleh pemaju kepada MDTM dan Kerajaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Projek ini telah mewujudkan kemudahan awam untuk kegunaan rakyat setempat. Bagi projek Fasa 2, kesemua 44 lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat termasuk dua (2) lot yang perlu diserahkan kepada MDTM masih belum dimulakan pembinaan oleh pihak pemaju kerana kelulusan pelan belum diperolehi.

- e. Pengurusan projek usaha sama dari aspek prestasi fizikal, balasan *in kind* dan pencapaian objektif telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Pengurusan dokumen kontrak dan penyerahan komponen balasan telah mematuhi peraturan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan pengurusan projek usaha sama ini seperti berikut:
 - i. penerimaan Wisma MDTM tanpa kelengkapan menyebabkan pihak MDTM terpaksa membelanjakan sejumlah RM0.5 juta bagi penyediaan perabot dan kelengkapan pejabat bagi membolehkan Wisma MDTM dapat digunakan;
 - ii. pihak MDTM menerima penyerahan Loji Rawatan Kumbahan daripada pemaju menyebabkan MDTM menanggung kos pengendalian loji rawatan kumbahan berjumlah RM29,150 dan kos elektrik sejumlah RM53,803; dan
 - iii. penilaian semula jumlah sumbangan berkaitan pindaan syarat kontrak belum dibuat.
- f. Bagi memastikan projek usaha sama Fasa 2 dilaksanakan dengan lebih cekap, berkesan dan mencapai objektif ditetapkan, beberapa syor dikemukakan untuk penambahbaikan seperti berikut:
 - i. memastikan kontrak tambahan bagi pelaksanaan Fasa 2 dimuktamadkan dengan mengambil kira bayaran balik terhadap penyediaan kelengkapan pejabat Wisma MDTM, kos tambahan yang sepatutnya ditanggung oleh pemaju dan komponen balasan kepada MDTM seperti dipersetujui dalam mesyuarat;
 - ii. memastikan dokumen kontrak adalah lengkap dan jelas supaya tidak wujud pertikaian dan proses penerimaan/penyerahan komponen balasan dan kos dapat diselesaikan dengan cekap; dan
 - iii. memastikan urusan serahan STP segera dimuktamadkan oleh MDTM dan Majaari bagi mengelakkan penyenggaraan dapat terus dilakukan.

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

4. *Pengendalian dan Penyenggaraan Loji Rawatan Kumbahan Awam di Negeri Kelantan oleh Majaari Services Sdn. Bhd.*

- a. Majaari Services Sdn. Bhd. (MSSB) telah ditubuhkan pada 14 Disember 2007 dan merupakan syarikat milik penuh Kelantan Utilities Mubaarak Holdings Sdn. Bhd. (KUMH) yang dimiliki 100% oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Pada 25 Mac 2009, Kerajaan Negeri Kelantan telah melantik Majaari Services Sdn. Bhd (MSSB) untuk mengambil alih pengurusan perkhidmatan pembetungan termasuk lapan (8) LRK awam daripada PBT di Negeri Kelantan. Perkhidmatan pembetungan di Negeri Kelantan terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu sistem pembetungan bersambung terus ke loji rawatan kumbahan (LRK) dan tangki septik individu. LRK adalah tempat di mana influen atau air kumbahan dirawat sebelum dilepaskan ke pengairan. Objektif pengendalian dan penyenggaraan LRK adalah untuk memastikan kualiti pelepasan efluen daripada sistem rawatan kumbahan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Pengendalian LRK dibuat bagi memastikan sistem rawatan kumbahan beroperasi dengan sempurna sepanjang masa mengikut amalan kejuruteraan yang baik. Penyenggaraan LRK pula meliputi penyenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) dan penyenggaraan pembetulan (*corrective maintenance*) yang dilaksanakan semasa tempoh hayat suatu peralatan dengan tujuan untuk mengekalkan fungsi kerja dan operasi bagi mengurangkan kadar kegagalan (*breakdown*) dan kos operasi.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mei 2017 merumuskan perkara seperti berikut:

i. **Prestasi Pengendalian dan Penyenggaraan LRK Awam**

Pengendalian dan penyenggaraan LRK awam di Negeri Kelantan telah diuruskan dengan berkesan kerana kesemua LRK awam yang dilawati menunjukkan komponen rawatan berfungsi dalam julat yang normal dan merekodkan tahap pematuhan standard pelepasan efluen kumbahan hampir 100% bagi tempoh tahun 2015 hingga bulan Januari 2017. Bagaimanapun, MSSB masih bergantung kepada geran kewangan daripada Kerajaan Negeri untuk membiayai kos pengendalian dan penyenggaraan LRK awam di mana tanpa geran tersebut, MSSB akan mengalami kerugian.

ii. **Pengurusan Pengendalian dan penyenggaraan LRK Awam**

Pengendalian dan penyenggaraan LRK awam daripada aspek pengambilalihan LRK awam, kawalan keselamatan serta keselamatan dan kesihatan, pengurusan perolehan dan pemantauan telah diuruskan dengan cekap dan teratur. Bagaimanapun, terdapat kelemahan daripada aspek pengendalian dan

penyenggaraan LRK yang meliputi pengambilan sampel efluen kumbahan, *planned preventive maintenance* dan tunggakan caj pembetulan yang boleh menjejaskan kecekapan pengurusan LRK.

- c. Antara penemuan Audit yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri dan MSSB adalah seperti berikut:
 - i. kebergantungan kepada geran Kerajaan Negeri Kelantan untuk penyenggaraan peralatan LRK awam yang telah diambil alih;
 - ii. pensampelan efluen kumbahan hanya dilaksanakan sebulan sekali berbanding setiap minggu yang ditetapkan dalam peraturan Jabatan Alam Sekitar untuk LRK awam yang mempunyai kapasiti melebihi 5,000 PE;
 - iii. *planned preventive maintenance* untuk peralatan di LRK awam tidak disediakan dan dilaksanakan; dan
 - iv. tunggakan kutipan caj pembetulan yang tinggi iaitu RM272,279 (94.1%) daripada RM289,344 bil pembetulan sehingga akhir tahun 2016.
- d. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan meningkatkan lagi kecekapan pengendalian dan penyenggaraan LRK di negeri Kelantan, adalah disyorkan supaya pihak-pihak yang terlibat mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:
 - i. MSSB perlu mengkaji proses pengendalian dan penyenggaraan LRK awam untuk mengurangkan kos yang meningkat tahun demi tahun melalui penggunaan teknologi yang dapat meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dan mengurangkan penggunaan tenaga buruh supaya kebergantungan kepada geran Kerajaan Negeri untuk penyenggaraan dapat dikurangkan;
 - ii. MSSB perlu menyegerakan pelaksanaan cadangan untuk pembahagian tugas Unit Pengendalian dan Penyenggaraan supaya *planned preventive maintenance* dapat dirancang dan dilaksanakan dengan cekap; dan
 - iii. Kerajaan Negeri Kelantan dan MSSB perlu mempercepatkan langkah pengebilan bersepadu dengan perkhidmatan sistem bekalan air untuk mengatasi masalah tunggakan bil pembetulan yang meningkat.

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

5. Kifaalah Sdn. Bhd.

a. Latar Belakang

- i. Syarikat Kifaalah Sdn. Bhd. (KSB) merupakan syarikat berhad menurut syer yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). KSB ditubuhkan pada 28 Mac 2007 di bawah Akta Syarikat 1965. Modal dibenarkan dan modal berbayar KSB ialah RM100,000. KSB beroperasi di alamat No. 4703-B, Taman Maju, Kota Bharu, Kelantan.
- ii. Tujuan penubuhan KSB adalah sebagai pengendali bagi satu (1) skim perlindungan insurans kepada warga emas. Bagi mencapai tujuan ini, KSB telah berdaftar sebagai ejen kepada Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. dalam mengurus Skim Kifaalah Takaful Warga Emas, Skim Kifaalah Takaful Khaira Ummah dan takaful am.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2017 hingga Disember 2017 merumuskan perkara seperti berikut:

i. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan KSB adalah stabil di mana ia mampu menjana pendapatan daripada aktiviti operasi dengan mencatatkan lebih dana sebelum cukai bagi tiga (3) tahun berturut-turut masing-masing berjumlah RM17,568 pada tahun 2014, RM41,131 pada tahun 2015 dan RM77,833 pada tahun 2016. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar antara 1.09 hingga 1.21 bagi ketiga-tiga tahun menunjukkan syarikat berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman. Selain itu, KSB juga mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM260,568 pada akhir tahun 2016.

ii. Pengurusan Aktiviti

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti Tabung Kifaalah adalah kurang cekap kerana berlaku kelewatan bayaran khairat kematian kepada waris. Skim Kifaalah Takaful Khaira Ummah juga kurang cekap kerana terdapat bayaran yang dibuat kepada pihak yang tidak layak.

iii. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus KSB adalah memuaskan. Namun, masih terdapat keperluan untuk penambahbaikan iaitu penubuhan Jawatankuasa Audit KSB dan pembentangan dan kelulusan rancangan korporat/pelan strategik dan KPI di dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.

- c. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dan tindakan oleh KSB adalah seperti berikut:
- i. bayaran pendahuluan khairat kematian sebanyak RM500 bagi Skim Kifaalah Takaful Warga Emas, tidak dibayar segera kepada waris dan baki khairat kematian RM1,000 lewat/belum dibayar kepada waris;
 - ii. perbelanjaan operasi dan pendahuluan kepada KSB tidak menepati tujuan penubuhan Tabung Kifaalah; dan
 - iii. pembayaran khairat kematian kepada penama bukan waris.
- d. Bagi memastikan objektif penubuhan KSB dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan Lembaga Pengarah serta pengurusan KSB mengambil langkah proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan seperti berikut:
- i. mengeluarkan garis panduan pengurusan wang pendahuluan khairat kematian;
 - ii. memastikan bayaran pampasan dapat disalurkan terus kepada pewaris;
 - iii. membincangkan secara terperinci dan memuktamadkan segera mengenai penggunaan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk perbelanjaan selain daripada objektif pemberian Kerajaan; dan
 - iv. meningkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mematuhi amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan pekeliling Kerajaan terutama dalam aspek perancangan strategik, Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit bagi menjaga kepentingan pemegang saham.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

6. *Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)*

Pada tahun 2017, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 14 Jabatan/Agensi Negeri untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 mengenai Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) menggunakan pendekatan baru iaitu berasaskan risiko, dengan itu pelaporan hanya dibuat berdasarkan prestasi pengurusan kewangan tahun 2017 sahaja tanpa perbandingan dengan prestasi tahun sebelum. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun 2017 menunjukkan sembilan (9) Jabatan/Agensi mencapai tahap Cemerlang, tiga (3) Jabatan/Agensi pada tahap Baik, satu (1) Jabatan pada

tahap Memuaskan dan satu (1) Jabatan pada tahap Kurang Memuaskan. Jabatan/Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah penambahbaikan diambil oleh Jabatan/Agensi. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- i. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
- ii. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
- iii. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
- iv. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;
- v. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;
- vi. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan
- vii. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

7. Pengauditan Mengejut

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di pejabat yang diaudit adalah baik berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi tiga (3) kawalan yang diaudit. Ketua PTJ/PK yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang

dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di PTJ/PK Kerajaan Negeri agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan di masa akan datang. Sehubungan itu, semua PTJ/PK Kerajaan Negeri di setiap Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- i. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- ii. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- iii. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- iv. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- v. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
- vi. Pemeriksaan Mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



BAHAGIAN I

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

YAYASAN ISLAM KELANTAN

1. PEMBINAAN SEKOLAH MAAHAD SAINS TOK GURU, PENGKALAN CHEPA, KOTA BHARU

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Projek pembinaan Sekolah Maahad Sains Tok Guru, Pengkalan Chepa, Kota Bharu (SMSTG) telah dipersetujui pembinaannya dalam mesyuarat Lembaga Yayasan Islam Kelantan (YIK) Bil. 1/2012 pada 10 April 2012. Kos projek keseluruhannya adalah berjumlah RM12.97 juta yang terdiri daripada pembiayaan pinjaman sejumlah RM12 juta dan RM0.97 juta ditanggung oleh YIK. Permohonan pembiayaan pinjaman daripada Kerajaan Negeri telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan pada 3 April 2013. Objektif pembinaan SMSTG adalah untuk mengembangkan lagi sistem pendidikan sekolah agama di Negeri Kelantan yang menawarkan pembelajaran aliran sains sepenuhnya bagi pelajar lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi menampung pertambahan permintaan masyarakat terhadap pembelajaran tersebut.

1.1.2. Projek pembinaan SMSTG telah ditawarkan secara tender terbuka dan kontraktor yang dilantik ialah syarikat 765614-M dengan nilai kontrak berjumlah RM12.97 juta. Tempoh kontrak asal dari 4 November 2013 hingga 12 April 2015 dan diluluskan sebanyak tiga (3) kali lanjutan masa (EOT) sehingga 31 Disember 2015. Walau bagaimanapun, projek sebenar siap pada 15 September 2016. Pegawai Penguasa (P.P) adalah Pengarah YIK dengan dibantu oleh Unit Pembangunan YIK. Pelaksanaan projek ini diterajui oleh perunding arkitek dan lain-lain perunding ialah ukur bahan, mekanikal dan elektrik serta sivil dan struktur yang dilantik oleh YIK. Perunding arkitek merupakan perunding utama yang bertanggungjawab terhadap perancangan, reka bentuk dan pemantauan yang menyeluruh bagi memastikan pembinaan SMSTG dilaksanakan dengan sempurna dan lancar. Butiran kontrak adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.1
BUTIRAN KONTRAK


PERKARA	BUTIRAN
Jenis Perolehan	Tender Terbuka
Kaedah Pelaksanaan	Konvensional
Harga Kontrak Asal	RM12.97 juta
Harga Kontrak Semasa	RM13.42 juta
Tarikh Surat Setuju Terima	28 Oktober 2013
Tarikh Milik Tapak	4 November 2013
Tarikh Kontrak Ditandatangani	4 Mac 2014

PERKARA	BUTIRAN
Tempoh Kontrak	4 November 2013 – 12 April 2015 (75 minggu)
Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT)	13 April 2015 – 31 Disember 2015 (263 hari)
Tarikh Perakuan Siap Kerja (CPC)	15 September 2016
Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)	15 September 2016 hingga 14 September 2017
Tarikh Kelulusan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)	CCC belum dikeluarkan oleh perunding
Tarikh Sebenar Diduduki	2 Januari 2017
Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD)	Tarikh akhir pembaikan pada 28 Disember 2017 (Belum dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa)
Pegawai Penguasa (P.P)	Pengarah YIK
Perunding	i. A/A 83 (<i>Lead Consultant</i>) ii. 1993/FS00003 (<i>Quantity Surveyor</i>) iii. 870591-H(<i>Mechanical & Electrical Engineering</i>) iv. KT0198552-D (<i>Civil & Structural Engineering</i>)

Sumber: Yayasan Islam Kelantan

1.1.3. SMSTG dibangunkan di atas tanah yang dimiliki oleh YIK berkeluasan 5.26 hektar di Pengkalan Chepa, Kota Bharu. Pelan susun atur dan komponen projek pembinaan SMSTG adalah seperti gambar rajah berikut:

**GAMBAR RAJAH 1.1
PELAN SUSUN ATUR PROJEK**



Sumber: Yayasan Islam Kelantan

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek pembinaan SMSTG Pengkalan Chepa, Kelantan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang Audit utama iaitu prestasi dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai berdasarkan tiga (3) perkara iaitu pencapaian output projek, pencapaian *outcome* projek dan prestasi kewangan. Manakala pengurusan projek pula meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek. Di bawah perancangan ianya meliputi kelulusan dasar, keperluan fizikal dan pelantikan perunding. Pelaksanaan projek pula meliputi pelaksanaan kerja, spesifikasi dan kualiti pembinaan serta pentadbiran kontrak. Manakala pemantauan ditumpukan kepada peranan perunding sebagaimana yang telah ditetapkan dalam *Memorandum of Agreement* (MoA).

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan projek pembinaan SMSTG. Lawatan dan pemeriksaan fizikal oleh pasukan Audit bersama pasukan teknikal Jabatan Audit Negara di tapak projek. Temu bual dengan pegawai YIK, SMSTG, pihak perunding serta wakil kontraktor juga telah diadakan. Pengesahan daripada pihak ketiga iaitu Bahagian Perancangan dan Kawalan Bangunan, Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Kelantan juga telah dibuat.

1.5. RUMUSAN AUDIT

1.5.1. Pengauditan dijalankan di Bahagian Pembangunan dan Kewangan, YIK dan SMSTG pada bulan September hingga Disember 2017 mendapati objektif pembinaan SMSTG untuk menempatkan pelajar aliran sains sepenuhnya tidak tercapai. Perkara ini berlaku disebabkan pihak YIK tidak meneruskan pengambilan pelajar aliran sains tingkatan empat (4). Sebaliknya, buat permulaan pelajar tingkatan satu (1) seramai 107 orang telah diambil untuk sesi persekolahan tahun 2017. Kesan daripada ini menyebabkan kemudahan yang disediakan tidak dapat digunakan sepenuhnya.

1.5.2. Pengurusan projek SMSTG dari aspek pelantikan kontraktor dan pengendalian dokumen kontrak telah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari segi perancangan, pelaksanaan dan

pemantauan yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini. Berdasarkan penilaian terhadap aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek, pihak Audit mendapati wujud kelemahan pengurusan projek seperti berikut:

- i. projek pembinaan dijalankan sebelum mendapat kebenaran merancang dan kelulusan penuh pelan bangunan;
- ii. pelantikan perunding tanpa kelulusan mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan, Tender, Pembangunan dan Pelaburan (JTKTPP) YIK; bayaran interim pertama berjumlah RM385,500 kepada perunding dibuat sebelum *Memorandum of Agreement* (MoA) ditandatangani;
- iii. enam (6) perubahan kerja dilaksanakan tanpa kelulusan Arahan Perubahan Kerja (APK); denda lewat (LAD) dikenakan tanpa *Certificate of Non-Completion* (CNC); Perakuan Siap Kerja tidak dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa;
- iv. kerja yang tidak dilaksanakan berjumlah RM258,421 telah dituntut dan dibayar sehingga interim ke 14 berjumlah RM144,991 (56.1%);
- v. terdapat lima (5) kerja berjumlah RM83,805 yang tidak dibuat mengikut kuantiti yang ditetapkan dalam *bill of quantities* (BQ) telah dibayar; enam (6) jenis kerja lain yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi tetapi telah dibuat bayaran berjumlah RM283,563;
- vi. kerja pembinaan tidak berkualiti; dan
- vii. kelemahan pemantauan oleh perunding.

1.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas YIK telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 13 Februari 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

1.6.1. Prestasi Projek

1.6.1.1. Pencapaian Output Projek

- a. Mengikut klausa 2 dalam dokumen kontrak bagi Cadangan Membina dan Menyiapkan Kompleks Sekolah Berasrama Penuh Maahad Sains Tok Guru, "*the contract period shall be for a period of seventy five (75) weeks commencing from 04th November 2013 ending on 12th April 2015*".
- b. Semakan Audit mendapati projek SMSTG tidak dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak asal. Projek ini telah diluluskan tiga (3) EOT bermula dari

13 April 2015 hingga 31 Disember 2015 iaitu selama 263 hari. Bagaimanapun, kontraktor masih tidak dapat menyiapkan projek sehingga tempoh EOT ke-3 berakhir pada 31 Disember 2015. Manakala bagi tempoh 1 Januari 2016 sehingga projek siap pada 15 September 2016, kontraktor sepatutnya dikenakan LAD sejumlah RM621,600 kerana tiada EOT dikeluarkan untuk tempoh ini. Butiran kelulusan EOT adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.2
KELULUSAN PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA

BIL. EOT	TARIKH SIAP ASAL	KELULUSAN		
		TEMPOH EOT	SEBAB LANJUTAN MASA	BILANGAN (Hari)
1.	12.04.2015	13.04.2015 - 10.08.2015	i. Pembinaan pagar sempadan hendaklah disempurnakan sebelum pembinaan dimulakan mengikut arahan Ketua Kem 8 Briged.	71
			ii. Keadaan dan kesan banjir besar tahun 2014.	29
			iii. Kelewatan permohonan dan arahan PBT berkaitan kerja infra dan anjakan bangunan.	20
2.	10.08.2015	11.08.2015 - 09.10.2015	i. Isu kelewatan menerima maklum balas (kelulusan) Pihak Berkuasa Tempatan dan jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan dengan kerja infrastruktur, ketinggian bangunan dan kedudukan bangunan.	46
			ii. isu kelewatan menerima kelulusan <i>colour scheme</i> .	14
3.	09.10.2015	10.10.2015 - 31.12.2015	Kelewatan kelulusan daripada AKSB dan MAJAARI bagi subkontraktor menyediakan <i>shop drawing</i> .	83
JUMLAH HARI				263

Sumber: Yayasan Islam Kelantan


- c. Berdasarkan laporan kemajuan projek, didapati projek pembinaan mula mengalami kelewatan pada bulan Mac 2014 sebanyak 3% berbanding dengan jadual kemajuan kerja asal projek atau *critical path method* (CPM). Kelewatan tersebut terus meningkat kepada 11% pada bulan Jun 2014 dan 31% pada September 2014. Kelewatan terus berlaku dalam bulan Disember 2014 dan Mac 2015 masing-masing lewat 32% dan 22%. Maklumat lanjut adalah seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 1.3
JADUAL ASAL PROJEK DAN PENCAPAIAN KEMAJUAN KERJA

BULAN	CRITICAL PATH METHOD (CPM) (%)	SIAP SEBENAR (%)	KELEWATAN (%)
Mac 2014	18	15	3
Jun 2014	39	28	11
September 2014	69	38	31
Disember 2014	88	56	32
Mac 2015	97	75	22

Sumber: Yayasan Islam Kelantan

CARTA 1.2
JADUAL KEMAJUAN KERJA



Sumber: Yayasan Islam Kelantan

- d. Kesemua kelewatan yang berlaku telah dibincangkan dalam mesyuarat tapak dan sebab-sebab kelewatan adalah munasabah dan diterima menyebabkan tiga (3) permohonan EOT daripada kontraktor telah diluluskan. Semakan Audit selanjutnya terhadap kemajuan projek dalam tempoh EOT 1 hingga EOT 3 mendapati projek tersebut masih mengalami kelewatan antara 5% hingga 13%. Kesannya projek tersebut lewat disiapkan selama 37 minggu selepas tamat tempoh EOT ketiga pada 31 Disember 2015.

1.6.1.2. Prestasi Kewangan

- a. Bagi menampung kos projek sejumlah RM12.97 juta, YIK telah mendapat pinjaman sebanyak RM12 juta daripada Kerajaan Negeri dan RM0.97 juta lagi ditanggung oleh YIK. Projek ini melibatkan satu (1) pelarasan harga kontrak (PHK) yang berjumlah RM446,256 yang terdiri daripada kerja tambahan *water reticulation* berjumlah RM99,850 dan *Goods and Service Tax* (GST) berjumlah RM346,406. Selepas mengambil kira PHK, harga kontrak asal berjumlah RM12.97 juta telah meningkat kepada RM13.42 juta iaitu peningkatan sejumlah RM0.45 juta (3.47%).
- b. Daripada RM13.42 juta sejumlah RM12.65 juta adalah kos kepada kontraktor dan RM0.77 juta adalah kos perkhidmatan perunding. Sebanyak 14 bayaran interim termasuk 50% wang jaminan pelaksanaan (WJP) dan 6% nilai GST berjumlah RM11.37 juta (89.88%) telah dibayar kepada kontraktor dan sebanyak 12 kali bayaran berjumlah RM0.70 juta (90.91%) telah dibayar kepada perunding.

1.6.1.3. Pencapaian *Outcome* Projek

- a. Mengikut Kertas Konsep Cadangan Penubuhan SMSTG dalam Mesyuarat Lembaga Yayasan Islam Kelantan Bil.1/2012, projek pembinaan SMSTG adalah bertujuan untuk mengembangkan lagi sistem pendidikan sekolah agama di Negeri Kelantan yang menawarkan pembelajaran dalam bidang aliran sains sepenuhnya bagi pelajar lepasan PMR. Projek pembinaan akan menyediakan 10 kelas tingkatan empat (4) dan 10 kelas tingkatan lima (5) dengan kapasiti bilangan pelajar seramai 600 orang. Pembinaan SMSTG ini akan mewujudkan Maahad khusus aliran sains berasrama penuh. Peringkat permulaan seramai 24 orang guru dan sembilan (9) orang kakitangan bukan guru diperlukan berdasarkan kapasiti 300 orang pelajar tingkatan empat (4).
- b. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pengambilan pelajar untuk tingkatan empat (4) dalam aliran sains bagi pelajar lepasan PMR sebagaimana yang dirancang tidak dibuat. Keadaan ini berlaku kerana pihak YIK tidak mampu menanggung perbelanjaan emolumen guru dan pekerja yang tinggi berjumlah RM1.61 juta berbanding jika mengambil pelajar tingkatan satu (1) yang hanya RM0.74 juta berdasarkan kajian pelaksanaan pengajian di SMSTG yang dilaksanakan pada tahun 2016. Selain itu, hasil daripada bancian Unit Peperiksaan terhadap pelajar-pelajar YIK yang menduduki Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) tahun 2016 juga mendapati hanya 28 orang daripada 231 pelajar sekolah YIK yang berminat untuk menyambung pengajian aliran sains di SMSTG. Ini menunjukkan kajian mendalam dari segi kewangan dan pelajar yang akan diambil tidak dibuat oleh pihak YIK semasa menyediakan kertas cadangan pembinaan SMSTG.
- c. Selain itu, sebab-sebab lain yang diberi oleh pihak YIK adalah seperti berikut:
 - i. pembentukan jati diri, sahsiah dan kepimpinan melalui usaha yang berterusan dalam jangkamasa lima (5) tahun;
 - ii. penguasaan kitab Turath dapat dilaksanakan lebih efektif dan konsisten dalam tempoh lima (5) tahun;
 - iii. pemikiran yang bercorak integrasi ilmu di antara sains dan Islam dapat diterapkan dalam tempoh yang sesuai; dan
 - iv. penguasaan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris dalam zon yang dibentuk.

- d. Semakan Audit mendapati mesyuarat penyelarasan pengambilan pelajar SMSTG pada 10 Mei 2016 mencadangkan pengambilan pelajar tingkatan satu (1). Selanjutnya mesyuarat Lembaga YIK Bil.2/2016 pada 29 Jun 2016 telah bersetuju untuk pengambilan pelajar tingkatan satu (1) bagi sesi 2017 untuk pengajian di SMSTG.
- e. Kesan akibat perubahan itu menyebabkan 45 kemudahan seperti bilik kuliah, asrama, makmal dan lain-lain kemudahan yang telah disediakan bagi kegunaan 300 orang pelajar tingkatan empat (4) telah tidak digunakan. Kemudahan yang tidak digunakan berbanding dengan kemudahan yang disediakan adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 1.4
KEMUDAHAN YANG TIDAK DIGUNAKAN

BIL.	JENIS KEMUDAHAN	BILANGAN KEMUDAHAN		
		DISEDIAKAN	DIGUNAKAN	TIDAK DIGUNAKAN
1.	Bilik Kuliah	21	9	12
2.	Bilik Asrama	29	8	21
3.	Bilik <i>Television</i>	2	0	2
4.	Bilik Seterika	3	0	3
5.	Bilik Simpanan	2	0	2
6.	Bilik Bacaan	1	0	1
7.	Bilik Makmal Sains	3	1	2
8.	Bilik Bahasa	1	0	1
9.	Bilik Audio	1	0	1
JUMLAH		63	18	45

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 1.1



Makmal Sains Biologi SMSTG
- Makmal yang Tidak Diguna
(03.12. 2017)

GAMBAR 1.2



Makmal Sains Fizik SMSTG
- Makmal yang Tidak Diguna
(24.12.2017)

Maklum Balas YIK yang Diterima pada 27 Februari 2018

Polisi pengambilan pelajar bagi aliran sains masih dikekalkan dan kemudahan yang ada sekarang akan digunakan sepenuhnya secara

berperingkat dalam tempoh lima (5) tahun selepas kemasukan pelajar tahun pertama.

Pada pendapat Audit, perancangan projek yang kurang cekap menyebabkan kemudahan yang disediakan tidak digunakan sepenuhnya.

1.6.2. Perancangan Projek

1.6.2.1. Pelantikan Perunding

- a. Enakmen No. 8 Tahun 1982, Enakmen Yayasan Islam Kelantan seksyen 18, menetapkan JTKTPP diberi kuasa bagi mengatur dan mengawal kewangan Yayasan. JTKTPP bertanggungjawab memastikan pelantikan perunding adalah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pelantikan perunding hendaklah dibuat berasaskan kepada kepakaran, keupayaan profesional, prestasi perkhidmatan, pengalaman dan kriteria yang bersesuaian.
- b. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat JTKTPP YIK bil. 2/2013 bertarikh 3 Julai 2013 mendapati mesyuarat telah mengambil maklum dengan kertas cadangan yang mengemukakan empat (4) arkitek perunding bagi projek pembinaan SMSTG. Empat (4) perunding yang dicadangkan ialah syarikat A/S 39, syarikat A/A 83, syarikat A/S 110 dan syarikat A/S 65. Bagaimanapun, tiada keputusan dibuat mengenai pelantikan arkitek dalam mesyuarat tersebut. Semakan lanjut pihak Audit mendapati surat pelantikan secara lantikan terus telah dikeluarkan pada 28 Julai 2013 oleh Pengarah YIK kepada syarikat A/A 83 bagi projek SMSTG beserta kos siling perkhidmatan sejumlah RM680,200. Asas pelantikan perunding dibuat hanya berdasarkan pengalaman kerja bersama YIK dan perkara ini pernah ditegur dalam LKAN 2013. Syarikat A/A 83 telah bersetuju menerima pelantikan tersebut dengan mengisi borang jawapan yang dihantar oleh YIK. MoA antara YIK dan syarikat A/A 83 (Perunding Utama) telah ditandatangani pada 28 Mei 2014 iaitu selepas projek dilaksanakan lebih enam (6) bulan.

1.6.2.2. Bayaran Kepada Perunding

- a. Merujuk kepada klausa 4.4 dan 5.0 dalam MoA perkhidmatan perunding menyatakan, *an architect/lead consultant and the supporting consultants shall through the formal submit a detail statement of claims for professional fees and out of pocket expenses from time to time according to various stages of completion of the works for the respective consultants. The client shall cause payment to be made to the individual consultants as soon as practicable provided such claim is justified. Regular payment on account of*

the consultant shall be made by the client to the consultant on the presentation of bill.

- b. Semakan Audit mendapati peruntukan yuran perkhidmatan perunding dimasukkan dalam dokumen kontrak dibawah *provisional sum* di dalam *Provisional Bill of Quantities* (BQ) berjumlah RM771,000. Ini menyebabkan bayaran kepada perunding telah dibuat melalui kontraktor sedangkan perunding dilantik oleh YIK untuk memantau projek tersebut sebagai wakil P.P dan ianya tidak mematuhi MoA. Semakan Audit selanjutnya mendapati bayaran interim pertama berjumlah RM385,500 kepada perunding telah dibuat pada 22 Mei 2014 sebelum MoA ditandatangani pada 28 Mei 2014.

Maklum Balas YIK yang Diterima pada 27 Februari 2018

Pihak YIK mengambil maklum tentang kesilapan pelantikan perunding yang tidak mengikut prosedur yang ditetapkan. Manakala bayaran telah dibuat kepada perunding melalui bayaran kepada kontraktor kerana peruntukan provisional sum bawah item profesional fee merupakan sebahagian daripada dokumen kontrak pembinaan projek dan ianya telah dituntut oleh perunding melalui sijil interim kemajuan kerja.

Pada pendapat Audit, pelantikan perunding adalah tidak mematuhi seksyen 18 Enakmen Yayasan Islam Kelantan yang memberi kuasa kepada JTKTPP untuk melantik perunding.

1.6.2.3. Pembinaan Dijalankan Sebelum Mendapat Kelulusan Kebenaran Merancang dan Kelulusan Pelan Bangunan

- a. Seksyen 19(1), Akta 172 (Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) memperuntukkan tiada seseorang pun boleh memulakan, mengusahakan, atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sekiranya pemajuan dijalankan tanpa kebenaran merancang atau pemajuan dijalankan berlawanan dengan kebenaran merancang, pemunya boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 27 dan seksyen 28 Akta 172. Manakala, Seksyen 21(1) akta yang sama juga menyatakan sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang berkenaan dengan suatu pemajuan hendaklah dibuat kepada PBT dan hendaklah mengandungi butiran dan disertakan dengan dokumen, pelan dan fi yang ditetapkan.
- b. Seksyen 70 (21) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) menyatakan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) hanya dapat

dikeluarkan apabila dipastikan pembinaan tersebut dibina dan disiapkan menepati pelan yang telah diluluskan dan memastikan bahawa bangunan tersebut selamat dan layak untuk diduduki.

- c. Semakan Audit terhadap proses kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan sebagaimana **Jadual 1.5** mendapati:

JADUAL 1.5
KRONOLOGI PROSES KEBENARAN MERANCANG DAN KELULUSAN PELAN BANGUNAN

BIL.	PERIHAL	TARIKH
1.	Projek pembinaan SMSTG ini telah dimulakan tanpa kelulusan kebenaran merancang dan pelan bangunan.	4 November 2013
2.	Pihak perunding telah mengemukakan permohonan kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan kepada MPKB-BRI.	10 Ogos 2014
3.	Perunding telah mengemukakan permohonan peringkat pertama berkaitan pelan bangunan melalui MPKB-BRI kepada JBPM, Negeri Kelantan pada 21 Ogos 2014. Permohonan tersebut telah ditolak pada 25 Ogos 2014 kerana keperluan dan syarat yang ditetapkan oleh JBPM, Negeri Kelantan tidak dipatuhi.	21 Ogos 2014
4.	Permohonan kelulusan pelan bangunan bagi cadangan membina dan menyiapkan projek SMSTG telah diberikan kelulusan bersyarat oleh MPKB-BRI dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 12/2014.	7 Oktober 2014
5.	MPKB-BRI telah memberi kelulusan kebenaran merancang dengan syarat hendaklah mendapat kelulusan pelan bangunan terlebih dahulu sebelum sebarang kerja-kerja pembinaan dimulakan.	15 Oktober 2014
6.	Pihak perunding telah mengangkat permohonan semula berkaitan pelan bangunan kepada JBPM selepas pindaan seperti berikut: i. Kali kedua Status: di tolak pada 24 Mac 2016 ii. Kali ketiga Status: di tolak pada 29 Disember 2016 iii. Kali keempat Status: di tolak pada 21 Februari 2017 iv. Kali kelima Status: lulus pada 13 Ogos 2017	7 Mac 2016, 21 Disember 2016 15 Februari 2017 26 Julai 2017
7.	Mesyuarat Lembaga YIK Bil. 3/2016 pada 17 Oktober 2016 memutuskan supaya operasi persekolahan bermula pada 2 Januari 2017.	17 Oktober 2016
8.	Bangunan SMSTG telah diduduki walaupun CCC masih belum dikeluarkan oleh perunding. CCC tersebut masih belum dikeluarkan kerana MPKB-BRI belum memberi kelulusan penuh pelan bangunan.	2 Januari 2017
9.	Pengesahan daripada MPKB-BRI mendapati kelulusan pelan bangunan masih belum diperolehi kerana YIK tidak mematuhi syarat-syarat sebagaimana yang diputuskan dalam mesyuarat OSC bil. 12/2014 termasuk kelulusan dan perakuan daripada JBPM Negeri Kelantan.	18 Disember 2017
10.	Pihak perunding mengemukakan pelan M&E untuk mendapatkan kelulusan daripada JBPM dan telah diberikan perakuan kelulusan pada 3 Januari 2018.	26 Disember 2017
11.	Kelulusan penuh pelan bangunan SMSTG telah diperolehi. Bagaimanapun sehingga akhir Februari 2018, CCC masih belum dikeluarkan oleh perunding.	22 Februari 2018

Maklum Balas YIK yang Diterima pada 27 Februari 2018

Keputusan untuk menduduki bangunan pada masa itu adalah mengambil kira perkara berikut:

- i. Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan oleh perunding pada 15 September 2016;*

- ii. pihak perunding telah melaksanakan kerja pensijilan dan pentauliahan ke atas bangunan kompleks sekolah pada 14 September 2016;*
- iii. pihak perunding telah membuat penyerahan bangunan dan kunci pada 15 September 2016;*
- iv. sesi persekolahan perlu dimulakan pada tahun 2017 memandangkan sesi kemasukan pelajar pada tahun 2016 telah ditunda kerana bangunan masih belum disiapkan oleh kontraktor;*
- v. sekiranya kemasukan pelajar pada tahun 2017 tidak dapat diteruskan, pembaziran kos akan berlaku kerana kemudahan bangunan tidak digunakan sedangkan ianya telah disiapkan pada 15 September 2016; dan*
- vi. pengecualian kenaan denda telah dipohon pada 23 Januari 2018 dan diluluskan oleh MPKB-BRI pada 30 Januari 2018.*

Pada pendapat Audit, kecuai perunding mendapatkan kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan sebelum pembinaan dimulakan tidak sepatutnya berlaku kerana ia perkara asas dan boleh mendatangkan risiko terhadap keselamatan bangunan terutamanya apabila berlaku kebakaran.

1.6.3. Pelaksanaan Projek

Pembinaan projek hendaklah dilaksanakan mengikut syarat kontrak yang ditetapkan dan peraturan yang berkuatkuasa bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan.

1.6.3.1. Perubahan Kerja Tanpa Kelulusan Pegawai Penguasa

- a. Merujuk klausa 7.4.3 dalam MoA bagi perkhidmatan perunding, *the Consultants shall notify the client in advance any variations/omissions/additions on the works and the reason arising from it.* Manakala, klausa 24.1 dalam dokumen kontrak pembinaan SMSTG, *the S.O may issue instructions requiring a variation in a form of a variation order. No variation required by the S.O shall vitiate this contract. Upon the issuance of such variation order, the contractor shall forthwith comply with the variation order issued by the S.O.*
- b. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Projek Bil. 18 bagi bulan Oktober 2015 yang disediakan oleh YIK telah melaporkan enam (6)

perubahan kerja yang telah dilaksanakan dalam tempoh kontrak. Kesemua perubahan tersebut telah dilaksanakan tanpa Arahan Perubahan Kerja (APK) menyebabkan kos perubahan kerja tersebut tidak dapat ditentukan. Perubahan kerja yang dilaksanakan tanpa kelulusan tersebut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 1.6
PERUBAHAN KERJA TANPA KELULUSAN

BIL.	JENIS PERUBAHAN	CATATAN
1.	Penambahan tiga (3) unit tangga bomba [Dua (2) unit di Asrama dan satu (1) unit di Blok Akademik].	Gambar 1.3
2.	Penambahan laluan pejalan kaki antara bangunan asrama dan akademik.	-
3.	Penambahan isipadu tangki air daripada 150 galen kepada 400 galen – dua (2) unit di Kafetaria (bumbung Blok Pentadbiran).	-
4.	Penambahan isipadu tangki air daripada 150 galen kepada 400 galen – dua (2) unit di Dewan Makan.	-
5.	<i>Elevated Water Tank</i> dua (2) unit – Penambahan isipadu tangki daripada 20,000 galen kepada 25,000 galen.	Gambar 1.4
6.	Aluminium <i>Frame Top Hung</i> - 32 unit.	-

Sumber: Yayasan Islam Kelantan

GAMBAR 1.3



Belakang Blok Asrama SMSTG
- Tangga Bomba
(24.12.2017)

GAMBAR 1.4



Bahagian Atas Blok Asrama SMSTG
- Dua (2) Unit *Elevated Water Tank*
(24.12.2017)

Pada pendapat Audit, pihak YIK sepatutnya mengambil tindakan terhadap perunding yang gagal mendapat kelulusan perubahan kerja yang hendak dilaksanakan sebagaimana yang ditetapkan dalam MoA.

1.6.3.2. Denda Dikenakan Tanpa Sijil Tidak Siap Kerja

- a. Merujuk kepada klausa 40.2 dalam dokumen kontrak, *without prejudice to the Government's right to terminate this contract, when the S.O issues the certificate of non-completion (CNC), the government shall be entitled to recover from the contractor, liquidated and ascertained damages (LAD) calculated at the rate of RM2,400 per day.*
- b. Semakan Audit mendapati P.P tidak mengeluarkan CNC selepas tamat tempoh kontrak dibenarkan iaitu pada 31 Disember 2015 (selepas EOT 3).

Sebaliknya, pihak perunding telah mengesyorkan untuk mengenakan LAD sebanyak RM290,000 dengan kadar RM2,500 bagi tempoh kelewatan selama 116 hari (1 Januari 2016 hingga 25 April 2016) kepada kontraktor melalui pemotongan dalam tuntutan bayaran interim ke 13 dan 14. Maklumat LAD yang telah dikenakan sebagaimana jadual berikut:

JADUAL 1.7
DENDA LEWAT YANG DIKENAKAN

BIL.	BAYARAN INTERIM	KADAR LAD DIKENAKAN (RM)	BILANGAN HARI DIKENAKAN LAD	JUMLAH LAD (RM)
1.	13	2,500.00	33	82,500.00
2.	14	2,500.00	83	207,500.00
JUMLAH			116	290,000.00

Sumber: Yayasan Islam Kelantan

- c. Berdasarkan **Jadual 1.7**, pihak YIK telah mengenakan LAD sebanyak RM290,000 bagi 116 hari sahaja berbanding tempoh kelewatan sebenar selama 259 hari (1 Januari hingga 14 September 2016) yang berjumlah RM621,600. Mengikut syarat kontrak LAD hanya boleh dikenakan setelah Sijil Tidak Siap Kerja dikeluarkan oleh P.P. Pemotongan LAD tanpa CNC adalah tidak teratur dan boleh menyebabkan pihak kontraktor mengambil tindakan undang-undang. Bagaimanapun, kontraktor masih meneruskan kerja sehingga siap pada 15 September 2016.

1.6.3.3. Sijil Perakuan Siap Kerja

- a. Merujuk klausa 39.3 dalam Dokumen Kontrak, *the SO shall issued the certificate to the contractors if in his opinion the whole work have reach practical completion and has satisfactorily passed any inspection/test carried out by the SO. The date of such completion shall be certified by the S.O and such date shall be the date of the commencement of the Defects Liability Period (DLP).*
- b. Semakan Audit mendapati surat mengenai serahan kerja siap telah dikemukakan oleh pihak kontraktor pada 15 September 2016 kepada pihak YIK. Seterusnya CPC telah dikeluarkan dan ditandatangani oleh Perunding pada 15 September 2016 yang mana sepatutnya pihak perunding hanya menyediakan dokumen CPC dan mengesyorkan kepada P.P untuk menandatangani CPC.

Maklum Balas YIK yang Diterima pada 27 Februari 2018

a. Perubahan Kerja yang Dilaksanakan tanpa kelulusan

Pihak YIK telah mengemukakan APK untuk kelulusan JTKTPP yang bermesyuarat pada 12 Februari 2018 dan bersetuju dengan semua perubahan kerja tersebut.

b. LAD Dikenakan Tanpa CNC

i. CNC perlu disediakan oleh pihak perunding dan diserahkan kepada pihak YIK untuk ditandatangani oleh P.P. Namun begitu, perunding tidak mengemukakan dokumen tersebut kepada pihak YIK dan tidak memaklumkan kepada pihak YIK secara bertulis;

ii. sehingga kini, pihak YIK masih belum menjelaskan tuntutan bayaran interim ke 15 dan pihak kontraktor telah menuntut bayaran interim tersebut melalui kaedah perundangan kepada YIK;

c. Perakuan Siap Kerja (CPC) Tidak Ditandatangani oleh P.P.

i. Pihak YIK tidak mengeluarkan perakuan siap kerja kerana pihak perunding tidak memaklumkan kepada pihak YIK bahawa Sijil Perakuan Siap Kerja perlu dikeluarkan oleh P.P; dan

ii. bayaran pemulangan 50% WJP kerja telah disediakan dan disyorkan oleh perunding untuk dibuat pembayaran kepada pihak kontraktor.

Pada pendapat Audit, pihak YIK sepatutnya mengambil tindakan terhadap perunding yang gagal menjalankan tanggungjawabnya berdasarkan MoA dan melaporkan kepada Lembaga Arkitek dan Kementerian Kewangan untuk menyenaraihitamkan perunding tersebut.

1.6.4. Kerja Tidak Dilaksanakan

1.6.4.1. Berdasarkan klausa 35.1 dan 35.2 dalam dokumen kontrak, *all materials, goods and workmanship shall be of the respective kinds and standards described in the specification and of good quality and in accordance with the standards of the workmanship in the industry. The contractors shall construct, complete, test and commission the works in accordance with the specifications, contract drawings and any documents specified in the contract documents and perform the works in a proper manner in accordance with good management practice for the best advantage of the Government. All the works*

need to be carried out in accordance to Drawings, Summary of Tender, Provisional Bill of Quantities and specification describing the works.

1.6.4.2. Lawatan dan pemeriksaan Audit bersama perunding dan pegawai YIK mendapati 12 kerja bernilai RM258,421 tidak dilaksanakan tetapi bayaran telah dibuat sehingga interim ke 14 berjumlah RM144,991 (56.1%) dan baki yang belum dibayar telah dituntut oleh kontraktor melalui interim ke 15 berjumlah RM113,430. Kesemua kerja tersebut telah disahkan dan dibuat pengesyoran oleh Perunding Juruukur Bahan di Borang Perakuan Bayaran Interim (JKR66). Kerja yang tidak dilaksanakan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.8
KERJA TIDAK DILAKSANAKAN DAN TELAH DIBUAT BAYARAN SEHINGGA INTERIM KE 14

BIL.	JENIS KERJA	AMAUN TELAH DIBAYAR MELALUI INTERIM KE 14 (RM)	AMAUN YANG DITUNTUT MELALUI INTERIM KE 15 (RM)	CATATAN
1.	<i>External lighting</i>	380.00	20.00	-
2.	<i>Compound lighting</i>	12,065.00	635.00	-
3.	<i>Fire alarm system</i>	-	20,500.00	-
4.	<i>Kitchen hood works</i>	19,000.00	1,000.00	-
5.	Penanaman Rumput di Padang Bola dan Kawasan Terbuka	38,996.10	24,564.90	-
6.	<i>Wet chemical protection system</i>	-	26,860.00	-
7.	<i>Liquidified Petroleum Gas(LPG) Works</i>	44,650.00	2,350.00	-
8.	<i>Testing and Commissioning (T&C)</i>	475.00	26,925.00	<i>Fire Fighting System, Kitchen Hood Works, LPG dan Fume Cupboard tidak dibekalkan.</i>
9.	<i>Visual projection system</i> (Dewan Serbaguna)	-	500.00	Dewan Bangunan dikeluarkan dari kontrak.
10.	<i>Fume Cupboard Systems</i>	22,325.00	1,175.00	-
11.	<i>Service and maintenance</i>	4,750.00	5,250.00	<i>Fire Fighting System, Kitchen Hood Works, LPG dan Fume Cupboard tidak dibekalkan.</i>
12.	<i>As-built drawings</i>	2,350.00	3,650.00	
JUMLAH		144,991.10	113,429.90	

Sumber: Yayasan Islam Kelantan

Maklum Balas YIK yang Diterima pada 27 Februari 2018

Pihak YIK mengambil maklum tentang penemuan ini dan akan membuat penilaian semula ke atas kerja-kerja yang tidak dilaksanakan. Mana-mana kerja yang tidak dilaksana akan ditolak kembali bayaran tersebut melalui bayaran interim nombor 15.

Pada pendapat Audit, pengesahan dan pengesyoran bayaran kepada kontraktor oleh pihak perunding terhadap kerja yang tidak dilaksanakan adalah antara elemen '*improper payment*' yang serius.

1.6.5. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi/Kuantiti

1.6.5.1. Berdasarkan klausa 35.1 dan 35.2 dalam Dokumen Kontrak, semua kerja perlu dilaksanakan mengikut kontrak yang telah dipersetujui. Pemeriksaan fizikal Audit bersama perunding dan pegawai YIK di lokasi projek mendapati sebanyak lima (5) kerja yang bernilai RM236,310 tidak dibekalkan mengikut kuantiti yang ditetapkan. Sejumlah RM94,871 kerja yang tidak dibekalkan telah dibayar berjumlah RM83,805 dan baki sejumlah RM11,066 telah dituntut oleh kontraktor melalui interim ke 15. Semakan Audit mendapati kesemua kerja tersebut telah disahkan dan dibuat pengesyoran oleh perunding di Borang Perakuan Bayaran Interim (JKR66). Kerja yang tidak dilaksanakan mengikut kuantiti adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 1.9
KERJA DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT KUANTITI
DAN TELAH DIBUAT BAYARAN SEHINGGA INTERIM KE 14

BIL.	JENIS KERJA	KUANTITI SEPATUTNYA DIBEKAL		KUANTITI DIBEKAL		KUANTITI TIDAK DIBEKAL		AMAUN DIBAYAR MELALUI INTERIM KE 14 (RM) (b)	TERLEBIH BAYAR (RM) (c= b – a)
		UNIT	AMAUN (RM)	UNIT	AMAUN (RM) (a)	UNIT	AMAUN (RM)		
1.	<i>External Lightning</i>	280	112,390.00	151	60,720.00	129	51,670.00	106,770.50	46,050.50
2.	<i>Fire alarm system</i>	54	16,200.00	42	12,600.00	12	3,600.00	15,390.00	2,790
3.	<i>Brick Fence</i>	53m	12,720.00	27.6m	6,624.00	25.4	6,096.00	12,084.00	5,460
4.	<i>Gates Ditto</i>	3	15,000.00	2	10,000.00	1	5,000.00	15,000.00	5,000
5.	Tempat Letak Kereta Berbumbung	404.6m ²	80,000.00	260.44m ²	51,495.49	144.16m ²	28,504.51	76,000.00	24,504.51
JUMLAH			236,310.00		141,439.49		94,870.51	225,244.50	83,805.01

Sumber: Yayasan Islam Kelantan

GAMBAR 1.5



Pondok Pengawal SMSTG
- *Brick Fence* Dibina Kurang
Sebanyak 25.4 Meter Panjang
(27.12.2017)

GAMBAR 1.6



Tempat Letak Kereta Berbumbung
- Dibina Kurang Sebanyak 144.16m²
(27.12.2017)

1.6.5.2. Pemeriksaan Audit selanjutnya di lokasi projek mendapati sebanyak enam (6) jenis kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi iaitu *fire fighting system*, *drainage*, rumah sampah, pemasangan *tiles*, landskap dan

elevated main tanks dan bayaran telah dibuat berjumlah RM283,563. Manakala baki sejumlah RM22,637 telah dituntut oleh kontraktor melalui interim ke 15. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan nilai sebenar kerja yang tidak mengikut spesifikasi kerana harga ditetapkan secara *lump sum*. Butiran terperinci adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 1.10
KERJA DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI
DAN TELAH DIBUAT BAYARAN SEHINGGA INTERIM KE 14

BIL.	JENIS KERJA	DOKUMEN KONTRAK		PENEMUAN	AMAUN TELAH DIBAYAR MELALUI INTERIM KE 14 (RM)
		SPESIFIKASI SEPATUTNYA	AMAUN (RM)		
1.	Fire fighting system	25mm dia. X 30m long reinforce rubber hose reels completed with swing, type M.S drums, nozzle box and all necessary accessories.	8,000.00	16 unit <i>hose reels</i> telah dibekal dan dipasang tanpa <i>nozzle box</i> .	7,600.00
2.	Drainage	Precast concrete drain, constructed with concrete base, brickworks, finishing works and covered with precast concrete slab.	113,000.00	Sepanjang 298 meter telah dibina tanpa penutup (<i>covered with precast concrete slab</i>).	107,350.00
3.	Rumah Sampah	Construct and complete Rumah Sampah including substructure and super structure works, roof construction, brickworks, doors and windows, finishing works and all necessary works.	7,000.00	Rumah Sampah yang dibina tanpa dinding bata, pintu dan tingkap.	6,650.00
4.	Pemasangan Tiles di Pentadbiran dan Bilik Guru	Floor finishing i. Blok Pentadbiran with size 839.37m ² ii. Kafetaria with size 813.43m ²	88,200.00	Lantai yang dibina di blok pentadbiran dengan ukuran saiz berjumlah 839.37m ² tidak dibekal dan dipasang <i>tiles</i> .	86,463.00
5.	Landskap di Kawasan Terbuka	The following provisional sum are to be included in this contract and to be used in whole or in part as directed by the S.O or to be deducted if not required and no claim for loss profits will be entertained:	40,000.00	<i>Landscape</i> tidak dilaksanakan sepenuhnya.	28,000.00
6.	Elevated Main Tanks	Domestic poly water tank c/w tank support (plinth) and all necessary as indicated in the drawings.	50,000.00	Two unit <i>Elevated Main Tanks</i> dibina tanpa tank support (plinth).	47,500.00
			306,200.00		283,563.00

Sumber: Yayasan Islam Kelantan

GAMBAR 1.7



Padang Bola SMSTG
- Longkang Dibina Tanpa Penutup
(24.12.2017)

GAMBAR 1.8




Blok Pentadbiran SMSTG
- Lantai Tidak Dipasang Tiles
(07.12.2017)

GAMBAR 1.9



GAMBAR 1.10



*Elevated Tank di Blok Asrama SMSTG
- Plinth Tidak Dipasang Pada Tangki
(11.01.2018)*

Maklum Balas YIK yang Diterima pada 31 Januari 2018

Pihak YIK mengambil maklum tentang penemuan ini dan akan membuat penilaian semula ke atas kerja yang tidak mengikut spesifikasi/kuantiti akan ditolak kembali bayaran tersebut melalui bayaran interim nombor 15.

Pada pendapat Audit, kerja-kerja yang dibuat tidak mengikut spesifikasi seperti dalam kontrak menunjukkan pihak perunding gagal dan tidak melaksanakan pemantauan dan ini adalah antara berlakunya '*improper payment*'.

1.6.6. Kualiti Pembinaan

1.6.6.1. Peraturan menetapkan bahawa rekabentuk dan binaan hendaklah mengikut keperluan serta dibina dengan sempurna, kemas, selamat dan sesuai. Pemeriksaan pihak Audit dan Bahagian Teknikal Jabatan Audit Negara mendapati kualiti pembinaan SMSTG adalah tidak sempurna. Antara kerja tersebut seperti berikut:

- a. pembinaan sistem saliran air buangan (longkang) terdiri daripada beberapa jenis iaitu *precast u-drain*, *box culvert*, *earth drain* dan *trapezoidal drain* tidak berfungsi sepenuhnya. Ini kerana *Existing Invert Level* (EIL) di luar premis adalah lebih tinggi daripada *Invert Level* (IL) di dalam premis. Air dari dalam premis tidak dapat keluar manakala air daripada luar akan memasuki premis dan bertakung dalam *earth drain*. Keadaan ini menyebabkan fungsi longkang untuk mengalirkan air keluar ke longkang utama tidak berkesan. Sistem saliran dan keadaan saliran selepas siap adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.11



Earth Drain
- Existing Invert Level (EIL)
(11.01.2018)


GAMBAR 1.12



Earth Drain
- Invert Level (IL)
(11.01.2018)

- b. Juga didapati terdapat kesan tompokan air pada lantai disebabkan kerja meratakan (*leveling*) lantai dengan kemasan *tiles* di kafetaria dan tingkat dua (2) bangunan asrama tidak sempurna. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.13




Kafetaria di SMSTG
- Air Bertakung di Kantin
(03.12.2017)

GAMBAR 1.14



Tingkat 2, Bangunan Asrama SMSTG
- Air Bertakung Tidak Mengalir ke Saluran Keluar
(28.11.2017)

- c. *Flexible Rubber Coupling* tidak dipasang dengan betul kerana saluran paip yang dipasang tidak menegak sejajar (*vertically aligned*) dan boleh memendekkan jangka hayat *flexible rubber coupling* serta mudah rosak. Ini juga boleh menyebabkan kebocoran dan sistem *hose reel* tidak boleh digunakan adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 1.15

Ruang Tangki dan Pam Bomba di SMSTG
- *Flexible Rubber Coupling* Tidak Dipasang
Dengan Betul
(11 .01.2018)

Maklum Balas YIK yang Diterima pada 27 Februari 2018

Pihak YIK akan berunding dengan pihak PBT bagi mengatasi masalah sistem saliran air buangan di luar premis SMSTG.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kerja yang tidak berkualiti dan tidak berfungsi dengan baik berpunca daripada kurang pemantauan pihak perunding.

1.6.7. Pemantauan Kurang Berkesan

1.6.7.1. Peranan dan tanggungjawab perunding adalah sangat penting untuk menentukan kejayaan menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan, kerja mengikut spesifikasi, kuantiti, kualiti serta kemasan yang sempurna bagi mengelakkan berlakunya peningkatan kos. Berdasarkan *Memorandum Of Agreement*, antara tanggungjawab perunding yang dilantik seperti berikut:

- i. *Clause 7.10 - The consultants shall in the execution of their duties at all times comply with prevalling Government policies, procedure, regulations and laws in Malaysia;*
- ii. *Clause 7.1.2 - The consultants shall act at all times in the interest of the client and shall take all reasonable steps to keep all expenses to a minimum consistent with sound economic Architectural and Engineering practices; and*
- iii. *Clause 7.1.4 - The supporting consultants shall work in close coordination with the Architect/Lead Consultant to ensure expeditious implementation of the Project in accordance with the time schedule as agreed by all parties concerned or as amended from time to time.*

1.6.7.2. Semakan Audit mendapati perunding tidak melaksanakan tanggungjawab sepatutnya sebagaimana ringkasan berikut:

- a. lewat memohon kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan sebelum pembinaan dimulakan; lambat mengambil tindakan terhadap syarat dan keperluan yang dikehendaki oleh jabatan teknikal menyebabkan CCC masih belum dapat dikeluarkan;
- b. perunding mengesyorkan LAD dikenakan walaupun CNC tidak dikeluarkan oleh P.P kepada kontraktor;
- c. perunding mengesahkan kerja-kerja di tapak binaan telah sempurna dan mengesyorkan tuntutan bayaran oleh kontraktor walaupun kerja tidak dilaksana atau dilaksana tidak mengikut kuantiti/spesifikasi kontrak serta kerja yang tidak berkualiti; dan
- d. perunding menandatangani CPC yang sepatutnya ditandatangani oleh P.P.

1.6.7.3. Semakan terhadap Laporan Ketua Audit Negara tahun 2013 bagi pembinaan asrama Sekolah Maahad Tahfiz Al-Quran Asriah, Banggol Chicha Pasir Mas, SMU (A) Nahdatul Ulum Jeli dan SMU (A) Maahad Rahmaniah Kuala Krai mendapati perunding yang sama dilantik bagi projek SMSTG dan menunjukkan isu yang sama berlaku seperti kerja lewat disiapkan; pembinaan dilakukan tanpa kelulusan pelan bangunan daripada PBT; dan bangunan diduduki tanpa CCC.

Maklum Balas YIK yang Diterima pada 27 Februari 2018

Pihak YIK akan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. menyenarai hitam perunding;*
- ii. melaporkan kepada Lembaga Arkitek di atas prestasi perunding yang tidak memuaskan; dan*
- iii. mengambil tindakan perundangan ke atas perunding.*

Pada pendapat Audit, pelantikan perunding hendaklah dibuat secara tender terbuka melalui proses penilaian bagi memastikan perunding yang dilantik dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dan profesional.

1.7. SYOR AUDIT

Berdasarkan kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dan sebagai pengajaran bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek lain adalah disyorkan supaya YIK memberi pertimbangan seperti berikut:

1.7.1. mengkaji semula setiap kelemahan di peringkat perancangan dan dijadikan sebagai *lesson learnt* bagi memastikan kelemahan perancangan diminimumkan demi menjaga kepentingan Kerajaan;

1.7.2. memastikan bayaran interim ke 15 dan penyediaan akaun muktamad mengambil kira semua kos yang perlu ditanggung oleh kontraktor;

1.7.3. mengambil tindakan undang-undang terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawab seperti dipersetujui dalam MoA; dan

1.7.4. menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyiasat elemen ketirisan yang berbangkit dalam pengurusan projek-projek YIK.


JABATAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN

2. PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN TANI DAN INDUSTRI ASAS TANI

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Objektif penubuhan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan (JPNK) antaranya adalah untuk mewujudkan pengusaha pertanian yang progresif melalui peningkatan produktiviti ladang dan pengeluaran pertanian negara. Bagi mencapai objektif tersebut, JPNK telah melaksanakan dua (2) program utama iaitu Program Pembangunan Usahawan Tani (PUT) dan Program Industri Asas Tani (PIAT).

2.1.2. Objektif program adalah untuk meningkatkan pengeluaran pertanian dan pendapatan usahawan tani serta memastikan pengeluaran pertanian mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan. Bagi melaksanakan kedua-dua program ini, PUT diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Pengembangan, Perundingan dan Pelaburan manakala PIAT diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Industri Asas Tani. Carta fungsi JPNK adalah seperti berikut:



Sumber: JPNK

2.1.3. Antara bantuan yang disediakan di bawah program PUT adalah penyediaan kemudahan infrastruktur pertanian, sistem pengairan dan peralatan pertanian kepada usahawan. Manakala PIAT adalah program yang memberi bantuan seperti peralatan atau mesin pemprosesan, pengubahsuaian atau penambahbaikan bengkel dan penambahbaikan pembungkusan bagi produk berasaskan pertanian dan aktiviti hiliran kepada usahawan. Bantuan dalam bentuk peralatan atau mesin

diberi secara pinjaman kepada usahawan di mana peralatan/mesin adalah hak milik JPNK.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada program PUT dan PIAT telah dijalankan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

2.3.1. Pengauditan ini meliputi tempoh tahun 2015 hingga 2017 melibatkan 47 (77.1%) daripada 61 fail permohonan bantuan/insentif PUT dan 91 (66.5%) daripada 137 fail permohonan bantuan/insentif PIAT di Pejabat Pertanian Jajahan Kota Bharu, Pasir Puteh, Pasir Mas, Tanah Merah, Machang, Kuala Krai dan Gua Musang. Semakan juga dijalankan terhadap pendapatan dan pengeluaran produk yang dihasilkan bagi usahawan di semua Jajahan. Asas pemilihan Jajahan adalah berdasarkan bilangan peserta paling ramai mendapat atau diluluskan bantuan.

2.3.2. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama iaitu prestasi program dan pengurusan program. Prestasi program dinilai berdasarkan pencapaian kewangan, output program dan pencapaian *outcome*. Manakala pengurusan program pula meliputi pemilihan peserta, kawalan penggunaan racun makhluk perosak terhadap hasil pertanian, pensijilan Amalan Pertanian Baik, pematuhan peraturan dan pemantauan terhadap usahawan.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan melalui kaedah berikut:

- i. menyemak dokumen seperti permohonan usahawan PIAT dan PUT, penyata kemajuan perbelanjaan, Buku Rekod Usahawan Tani, Laporan Pendapatan Usahawan PIAT, fail latihan, Laporan Suku Tahun Aktiviti Perkhidmatan Pengembangan, Laporan Pemantauan Residu Racun Makhluk Perosak dan lain-lain dokumen yang berkaitan. Selain itu semakan terhadap maklumat usahawan di Sistem AgriS Geoportal juga dijalankan;
- ii. temubual dengan pegawai-pegawai dan usahawan yang terlibat; dan
- iii. lawatan fizikal ke 32 lokasi usahawan PUT dan 41 lokasi usahawan PIAT bagi tujuan pengesahan pemberian bantuan/insentif pada bulan Oktober 2017 hingga Januari 2018.

2.5. RUMUSAN AUDIT

2.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2017 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Program PUT dan PIAT

Secara keseluruhannya, pencapaian output bagi program PUT dan PIAT telah meningkatkan pengeluaran industri pertanian. Kejayaan program ini diukur berdasarkan sasaran pendapatan yang ditetapkan bagi PUT dan pencapaian nilai pengeluaran bagi PIAT. Bagaimanapun, sasaran pendapatan bagi program PUT hanyalah dapat dicapai antara 4.8% hingga 20% dan perlu dipertingkatkan lagi. Bagi PIAT, nilai pengeluaran telah melebihi sasaran yang ditetapkan antara 0.3% hingga 30%. Selain itu, berdasarkan lawatan fizikal, sebanyak 29 (90.6%) daripada 32 usahawan PUT dan 37 (94.8%) daripada 39 usahawan PIAT masih aktif.

ii. Pengurusan Program

Pengurusan program masih belum mencapai tahap pencapaian dan kecekapan yang optimum kerana bantuan/insentif yang diberi melebihi kadar yang ditetapkan. Selain itu, terdapat 19 usahawan yang belum berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan tindakan terhadap usahawan yang tidak mematuhi tahap penggunaan residu racun/*Maximum Residue Limit* (MRL) belum diambil yang boleh menimbulkan risiko kepada kualiti dan keselamatan makanan.

2.5.2. Penemuan Audit yang penting dan perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. bilangan usahawan tahun semasa yang berjaya mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan bagi program PUT untuk tahun 2015 ialah 14.3%, tahun 2016 sebanyak 15% dan tahun 2017 sebanyak 5%. Bagi PIAT, trend pendapatan usahawan bagi tahun 2015 menurun 18.7% berbanding tahun 2016 dan meningkat 7.2% tahun 2017.
- ii. sebanyak 19 (51.4%) daripada 37 usahawan PIAT tidak berdaftar dengan KKM dan sebanyak 23 kelulusan projek PUT melebihi kadar pembiayaan maksimum;
- iii. penghantaran sampel residu racun makhluk perosak bagi tahun 2015 hingga 2016 tidak mencapai sasaran ditetapkan. Sebanyak tujuh (7) usahawan mengguna racun melebihi *Maximum Residue Limit* (MRL) dan belum diambil sampel ulangan bagi kawalan penggunaan racun makhluk perosak untuk tanaman;

- iv. pencapaian pensijilan *Malaysian Good Agricultural Practices* (MyGAP) adalah di antara 35.6% hingga 85.0% daripada sasaran ditetapkan;
- v. sebanyak enam (6) perolehan yang dibuat pembelian telah dipecahkecilkan, sebanyak lima (5) peralatan tidak digunakan dan tidak diambil semula serta empat (4) peralatan yang dibekalkan tidak memenuhi spesifikasi keperluan usahawan; dan
- vi. sasaran pemantauan terhadap usahawan tanaman tidak dicapai oleh dua (2) Pejabat Pertanian Jajahan.

2.6 PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas JPNK telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 13 Februari 2018. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

2.6.1. Prestasi Program

2.6.1.1. Pencapaian Kewangan

- a. Peruntukan bagi program PUT dan PIAT diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan pembangunan secara tahunan. Bagi tempoh tahun 2015 hingga tahun 2017, sejumlah RM250,000 diluluskan bagi program PUT setiap tahun. Manakala peruntukan bagi PIAT sejumlah RM250,000 telah diluluskan bagi tahun 2015 dan 2016 serta meningkat kepada RM300,000 pada tahun 2017.
- b. Semakan Audit mendapati perbelanjaan PUT pada tahun 2015 dan 2016 adalah 99.9% dan 100% bagi tahun 2017. Manakala bagi PIAT perbelanjaan adalah 100% pada tahun 2015 hingga 2017. Peruntukan dan perbelanjaan PUT dan PIAT bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PUT DAN PIAT BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
TAHUN 2015			
Pembangunan Usahawan Tani	250,000	249,993	99.9
Industri Asas Tani	250,000	250,000	100
JUMLAH	500,000	499,993	99.9
TAHUN 2016			
Pembangunan Usahawan Tani	250,000	249,999	99.9
Industri Asas Tani	250,000	250,000	100
JUMLAH	500,000	499,999	99.9

PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
TAHUN 2017			
Pembangunan Usahawan Tani	250,000	249,999	100
Industri Asas Tani	300,000	300,000	100
JUMLAH	550,000	549,999	100
JUMLAH KESELURUHAN	1,550,000	1,549,991	100

Sumber: JPNK

2.6.1.2. Pencapaian Output

- Berdasarkan Mesyuarat Pemantauan Sasaran Kerja Tahunan peringkat negeri, JPNK telah menetapkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) bagi PUT dan PIAT berdasarkan kepada bilangan usahawan yang diberi bantuan pada setiap tahun. Selain daripada bilangan usahawan, SKT bagi PIAT juga berdasarkan nilai pengeluaran tahunan.
- Semakan Audit terhadap SKT PUT mendapati sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2015 adalah 21 usahawan, tahun 2016 adalah 20 usahawan dan tahun 2017 adalah 20 usahawan. Penetapan bilangan sasaran ini adalah berasaskan peruntukan yang diluluskan bagi setiap tahun. Perbandingan antara SKT dengan bilangan usahawan yang diberi bantuan oleh JPNK mendapati sasaran tersebut telah dicapai bagi ketiga-tiga tahun tersebut.
- Semakan Audit terhadap bilangan usahawan dan nilai pengeluaran PIAT juga telah mencapai sasaran tahunan yang ditetapkan. Bilangan usahawan PIAT mencapai sasaran antara 100% hingga 233% bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Manakala nilai pengeluaran telah mencapai sasaran tahunan antara 100.4 % hingga 130%. Penetapan SKT berbanding pencapaian bagi kedua-dua program bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.2
PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN
PUT DAN PIAT BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	BILANGAN USAHAWAN			NILAI PENGELUARAN (RM Juta)		
	SASARAN TAHUNAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)	SASARAN TAHUNAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)
TAHUN 2015						
PUT	21	21	100	-	-	-
PIAT	35	44	125.7	50	64.99	130.0
TAHUN 2016						
PUT	20	20	100	-	-	-
PIAT	44	44	100	70	70.26	100.4

TAHUN	BILANGAN USAHAWAN			NILAI PENGELUARAN (RM Juta)		
	SASARAN TAHUNAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)	SASARAN TAHUNAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)
TAHUN 2017						
PUT	20	20	100	-	-	-
PIAT	21	49	233	70	74.73	106.8

Sumber: JPNK

2.6.1.3. Pencapaian *Outcome*

- a. Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan Bantuan Peruntukan Kerajaan Negeri Kelantan menetapkan matlamat program PUT adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan sasar dengan pendapatan bersih RM5,000 sebulan bagi setiap usahawan. Pendapatan RM5,000 sebulan ditetapkan bermula pada tahun 2016 manakala tahun 2015 dan sebelum, sasaran pendapatan adalah RM3,000 sebulan. Bagi PIAT, matlamat program adalah untuk meningkatkan nilai pengeluaran atau hasil jualan yang perlu mencapai tahap yang ditetapkan. JPNK telah menetapkan tahap nilai pengeluaran bagi keseluruhan negeri Kelantan bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah sejumlah RM50 juta, RM70 juta dan RM70 juta masing-masing.
- b. JPNK telah membangunkan Sistem AgriS Geoportal bagi mengumpul data berkaitan maklumat tanaman, pengeluaran pertanian, maklumat usahawan, nilai pengeluaran pertanian dan pendapatan usahawan. Pendapatan dan nilai pengeluaran setiap usahawan direkodkan setiap bulan oleh Pejabat Pertanian Jajahan di dalam sistem. Semakan Audit terhadap laporan Sistem AgriS Geoportal bagi usahawan PUT dan PIAT mendapati perkara berikut:

i. Pencapaian Usahawan PUT

- Pada tahun 2015, seramai 21 usahawan telah diluluskan bantuan/insentif. Manakala pada tahun 2016 dan 2017 masing-masing seramai 20 usahawan telah diluluskan bantuan/insentif. Bantuan/insentif tersebut adalah meliputi penanaman cili, timun, petola, cendawan tiram, durian kunyit dan pemeliharaan lebah.
- Berdasarkan penerimaan bantuan bagi setiap tahun didapati pada tahun 2015, tiga (3) daripada 21 (14.3%) usahawan memperoleh pendapatan bersih RM3,000 sebulan. Pada tahun 2016, seramai lima (5) usahawan yang terdiri daripada dua (2) usahawan tahun 2015 (9.6%) dan tiga (3) usahawan tahun 2016 (15.0%) memperoleh pendapatan RM5,000 sebulan. Pada tahun 2017, seramai enam (6)

usahawan yang terdiri daripada seorang usahawan tahun 2015 (4.8%), empat (4) orang usahawan tahun 2016 (20.0%) dan seorang (1) usahawan tahun 2017 (5.0%) memperoleh pendapatan RM5,000 sebulan. Bilangan dan pencapaian sasaran pendapatan usahawan bagi tahun 2015 hingga tahun 2017 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.3
PENCAPAIAN SASARAN PENDAPATAN USAHAWAN TAHUN 2015 HINGGA TAHUN 2017

PENDAPATAN BULANAN	USAHAWAN TAHUN 2015	USAHAWAN TAHUN 2016	USAHAWAN TAHUN 2017	JUMLAH
TAHUN 2015				
≥ RM3,000	3	-	-	3
< RM3,000	18	-	-	18
JUMLAH	21	-	-	21
TAHUN 2016				
≥ RM5,000	2	3	-	5
< RM5,000	19	17	-	36
JUMLAH	21	20	-	41
TAHUN 2017				
≥ RM5,000	1	4	1	6
< RM5,000	20	16	19	55
JUMLAH	21	20	20	61

Sumber: JPNK

- Berdasarkan laporan pendapatan tahunan usahawan PUT dalam Sistem AgrIS Geoportal, terdapat 26 jenis tanaman yang diusahakan oleh usahawan PUT. Daripada 26 jenis tanaman ini, didapati tanaman yang mencapai sasaran pendapatan ditetapkan adalah tanaman giliran lada hijau/terung dengan jumlah pengeluaran tahunan 31,700 kg hingga 33,600 kg, tanaman giliran tembikai/labu dengan jumlah pengeluaran tahunan dari 62,364 kg hingga 265,500 kg, tanaman giliran tembikai/timun dengan jumlah pengeluaran tahunan 120,000 kg, tanaman tembikai dengan jumlah pengeluaran tahunan dari 27,320 kg hingga 84,000 kg, tanaman betik dengan jumlah pengeluaran tahunan 129,500 kg dan pemeliharaan lebah dengan jumlah pengeluaran tahunan 985 kg. Pengeluaran tanaman yang mencapai sasaran pendapatan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.4
PENGELUARAN TANAMAN YANG MENCAPAI SASARAN PENDAPATAN

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH PENGELUARAN (kg)	BILANGAN USAHAWAN		
			TAHUN 2015	TAHUN 2016	TAHUN 2017
1.	Lada hijau/terung	31,700 hingga 33,600	1	1	1
2.	Tembikai/labu	62,364 hingga 265,500	-	1	2
3.	Tembikai/timun	120,000	1		-

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH PENGELUARAN (kg)	BILANGAN USAHAWAN		
			TAHUN 2015	TAHUN 2016	TAHUN 2017
4.	Tembikai	27,320 hingga 84,000	-	1	1
5.	Betik	129,500	1		-
6.	Ternakan lebah	985	-	1	-
7.	Durian kunyit	5,000 hingga 29,000	-	1	1
8.	Tapak semailan	5,793	-	-	1
JUMLAH			3	5	6

Sumber: JPNK

- Bantuan kepada usahawan diberi oleh JPNK berdasarkan permohonan mengikut keluasan kawasan penanaman. Semakan Audit mendapati terdapat usahawan yang tidak mengusahakan kawasan tanaman sebagaimana permohonan yang telah diluluskan. Terdapat lima (5) usahawan yang diluluskan kawasan tanaman seluas 0.1 hektar hingga 1.0 hektar tetapi didapati kawasan tanaman sebenar hanyalah seluas 0.1 hektar hingga 0.5 hektar. Keadaan ini telah memberi kesan kepada kuantiti pengeluaran dan pendapatan tahunan usahawan iaitu hanya RM4,800 hingga RM23,000 sahaja diperoleh. Selain itu, temubual bersama Pegawai Pertanian Jajahan dan usahawan mendapati antara sebab-sebab lain usahawan tidak mencapai sasaran pendapatan ialah kerana faktor harga pasaran, cuaca tidak menentu yang mempengaruhi hasil pertanian, usahawan berhenti menjalankan penanaman kerana masalah kesihatan dan penyewaan tanah dibatalkan.

ii. Pencapaian Usahawan PIAT

- Berdasarkan Laporan Pendapatan Tahunan PIAT daripada sistem AgriS Geoportal, jumlah terkumpul usahawan PIAT sehingga tahun 2017 adalah seramai 728 orang. Bagi tahun 2015 sehingga 2017, seramai 131 usahawan telah menerima bantuan/insentif dari peruntukan PIAT. Bantuan/insentif tersebut antaranya adalah untuk perniagaan makanan sejuk beku, kerepek, sos, herba, roti dan kek. JPNK telah menetapkan sasaran nilai pengeluaran atau hasil jualan setiap tahun dan dijadikan Sasaran Kerja Tahunan bagi PIAT.
- Semakan Audit terhadap Laporan Pendapatan Tahunan Usahawan PIAT mendapati usahawan yang diberi bantuan telah mencapai nilai pengeluaran ditetapkan. Pada tahun 2015 nilai pengeluaran sebenar adalah berjumlah RM64.99 juta berbanding sasaran nilai pengeluaran ditetapkan berjumlah RM50 juta. Manakala bagi tahun 2016 dan sehingga bulan Oktober 2017, nilai pengeluaran sebenar

adalah berjumlah RM70.26 juta dan RM74.73 juta berbanding sasaran nilai pengeluaran ditetapkan berjumlah RM70 juta.

- Semakan Audit terhadap nilai pengeluaran dan kos pengeluaran bagi setiap Jajahan mendapati trend pendapatan bersih tahunan bagi usahawan yang diberi bantuan pada tahun 2015 adalah RM1.80 juta, RM1.46 juta pada tahun 2016 dan RM1.56 juta sehingga bulan Oktober tahun 2017. Manakala trend pendapatan bersih usahawan yang diberi bantuan tahun 2016 adalah RM0.76 juta dan RM1.38 juta sehingga bulan Oktober tahun 2017. Trend pendapatan bersih usahawan mengikut Jajahan dan tahun adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.5
TREND PENDAPATAN BERSIH USAHAWAN MENGIKUT JAJAHAN DAN TAHUN

BIL.	JAJAHAN	PENDAPATAN BERSIH TAHUNAN TAHUN 2015 (RM)	PENDAPATAN BERSIH TAHUNAN TAHUN 2016 (RM)	PENDAPATAN BERSIH TAHUNAN SEHINGGA OKTOBER TAHUN 2017 (RM)
USAHAWAN TAHUN 2015				
1.	Bachok	101,703.86	92,181.36	84,028.74
2.	Gua Musang	142,940.00	117,232.00	173,839.00
3.	Jeli	27,941.00	23,865.00	28,335.88
4.	Kota Bharu	69,956.50	288,769.00	209,683.00
5.	Kuala Krai	76,542.60	85,754.40	228,167.20
6.	Machang	41,411.00	48,838.28	78,481.37
7.	Pasir Mas	101,904.00	135,790.56	111,634.00
8.	Pasir Puteh	17,340.00	47,604.00	35,420.00
9.	Tanah Merah	1,187,369.50	570,007.40	553,920.85
10.	Tumpat	28,350.00	49,800.00	60,900.00
JUMLAH		1,795,458.40	1,459,841.90	1,564,410.00
USAHAWAN TAHUN 2016				
1.	Bachok	-	9,209.60	8,061.60
2.	Gua Musang	-	124,306.00	148,208.00
3.	Jeli	-	19,317.00	25,860.24
4.	Kota Bharu	-	123,472.00	155,883.00
5.	Kuala Krai	-	58,161.20	117,663.20
6.	Machang	-	101,180.27	361,729.49
7.	Pasir Mas	-	115,960.44	141,170.00
8.	Pasir Puteh	-	42,466.00	85,456.00
9.	Tanah Merah	-	90,967.80	157,344.90
10.	Tumpat	-	76,090.00	182,000.00
JUMLAH		-	761,130.31	1,383,376.40

Sumber: JPNK

- Trend pendapatan bersih tahunan menunjukkan pendapatan bersih usahawan bagi tahun 2015 menurun pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 sejumlah RM0.34 juta (18.7%). Walau bagaimanapun, pendapatan usahawan tersebut meningkat pada tahun 2017

sejumlah RM0.10 juta (7.2%). Manakala pendapatan bersih tahunan usahawan yang bermula pada tahun 2016 meningkat pada tahun 2017 sejumlah RM0.62 juta (81.8%). Semakan Audit mendapati, penurunan pendapatan bersih usahawan tahun 2015 pada tahun 2016 disebabkan seorang (1) usahawan di Tanah Merah telah memindahkan perniagaan ke negeri lain menyebabkan nilai pendapatan bersih tahunan menurun.

iii. Keberkesanan Program PUT dan PIAT

- Berdasarkan *key performance indicator* (KPI) JPNK, pengeluaran industri sub sektor mengikut jenis hasil pertanian menunjukkan pencapaian KPI bagi industri buah, sayur, madu dan cendawan di antara 10 hingga 111,036 tan metrik bagi tahun 2015 hingga bulan Jun tahun 2017. Pencapaian pengeluaran tanaman makanan di Kelantan bagi tahun 2015 hingga bulan Jun 2017 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.6
PENGELUARAN HASIL PERTANIAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA JUN 2017

Bil.	Jenis Tanaman Makanan	Tahun 2015			Tahun 2016			Tahun 2017		
		Sasaran	Pencapaian		Sasaran	Pencapaian		Sasaran	Pencapaian	
		(Tan Metrik)	(Tan Metrik)	(%)	(Tan Metrik)	(Tan Metrik)	(%)	(Tan Metrik)	(Tan Metrik)	(%)
1.	Pembangunan Industri Buah	84,100	78,879	93.8	117,700	111,036	94.4	121,050	27,001	22.3
2.	Pembangunan Industri Sayur	68,234	56,963	83.5	76,900	45,194	58.8	80,100	31,821	39.8
3.	Pembangunan Industri Madu	350	300	85.8	8	10	130.7	12	18	150.0
4.	Pembangunan Industri Cendawan	-	-	-	53	101	191.7	140	118	84.7

Sumber: JPNK

Maklum Balas JPNK yang Diterima pada 7 Februari 2018

Pihak JPNK memberikan khidmat nasihat yang berterusan kepada usahawan PUT dan memberi kursus yang bersesuaian dengan jenis tanaman yang dijalankan pengusaha bagi memastikan penanaman pengusaha dapat mencapai hasil pengeluaran yang optimum selain meningkatkan pendapatan usahawan.

Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan dan output telah membantu memberi sumbangan kepada peningkatan pengeluaran pertanian. Bagaimanapun, usaha untuk meningkatkan pendapatan usahawan PUT perlu dipertingkatkan kerana hanya 4.8% hingga 20% sahaja usahawan yang berjaya mencapai sasaran pendapatan.

2.6.2. Pengurusan Program

2.6.2.1. Pemilihan Peserta

a. Prosedur Permohonan Bantuan/Insentif

- i. Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan Bantuan Peruntukan Kerajaan Negeri Kelantan menetapkan permohonan bantuan PUT dan PIAT dipohon melalui Pejabat Pertanian Jajahan. Setiap permohonan akan disiasat oleh Pegawai Pertanian Jajahan bagi memastikan pemohon adalah layak untuk disyorkan kepada Jawatankuasa Pembangunan Jabatan Pertanian Peringkat Negeri (JPJPPN) untuk kelulusan. Perkara 9.4 dan 9.5 garis panduan tersebut juga menetapkan JPJPPN dikehendaki mengadakan mesyuarat dan membuat pertimbangan sama ada permohonan tersebut diluluskan, diluluskan dengan pengubahsuaian cadangan projek atau permohonan tidak diluluskan serta ulasan.
- ii. Semakan Audit terhadap 47 fail permohonan bantuan/insentif PUT dan 91 fail permohonan bantuan/insentif PIAT mendapati kelulusan permohonan dan pemberian bantuan/insentif telah dibuat dengan teratur. Bagaimanapun, minit mesyuarat JPJPPN tidak disediakan dan tiada rekod bagi ulasan permohonan yang tidak diluluskan. Semakan Audit mendapati sebanyak 52 daripada 60 permohonan yang dikemukakan telah diluluskan oleh JPJPPN bagi tahun 2015, bagi tahun 2016 sebanyak 64 daripada 84 permohonan telah diluluskan dan bagi tahun 2017 sebanyak 60 daripada 96 permohonan telah diluluskan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati terdapat pertambahan usahawan yang diluluskan bantuan iaitu 13 usahawan tahun 2015, sembilan (9) usahawan pada tahun 2017 dan pertukaran dua (2) usahawan pada tahun 2016 yang dilakukan tanpa melalui JPJPPN adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.7
PERMOHONAN DAN KELULUSAN PERMOHONAN BANTUAN PIAT DAN PUT

TAHUN	BANTUAN PUT (Bilangan Projek)		BANTUAN PIAT (Bilangan Projek)		JUMLAH (Bilangan Projek)		TAMBAHAN/ PERTUKARAN
	PERMOHONAN	DILULUSKAN	PERMOHONAN	DILULUSKAN	PERMOHONAN	DILULUSKAN	
2015	23	21	37	31	60	52	13 usahawan tambahan
2016	21	20	63	44	84	64	Pertukaran 2 usahawan
2017	33	20	63	40	96	60	9 usahawan tambahan
Jumlah	77	61	163	115	240	176	

Sumber: JPNK

Maklum Balas JPNK yang Diterima pada 6 Jun 2018

Pihak JPNK memandang berat tentang teguran ini dan telah menyediakan minit mesyuarat JPJPPN bagi Cadangan Kelulusan Projek Tahun 2018.

Pada pendapat Audit, keputusan pemilihan JPJPPN bagi setiap permohonan bantuan/insentif PUT dan PIAT adalah tidak teratur kerana minit mesyuarat jawatankuasa tersebut tidak disediakan.

b. Kriteria Kelayakan Usahawan

i. Kriteria Kelayakan Usahawan PUT

- Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan Bantuan Peruntukan Kerajaan Negeri Kelantan menetapkan pemberian bantuan/insentif PUT perlu memenuhi kriteria projek/kawasan dan kriteria kelayakan pemohon. Antara kriteria projek/kawasan adalah pemilikan tanah, tanah *temporary occupational lease* (TOL) atau tanah Kerajaan yang telah mendapat kelulusan diusahakan serta mempunyai sumber air mencukupi, bersih dan terdapat bekalan elektrik bagi projek fertigasi. Selain itu, kawasan tersebut perlu mempunyai kemudahan dan infrastruktur asas seperti jalan masuk dan bukan kawasan banjir. Manakala, kriteria kelayakan pemohon antaranya adalah usahawan telah menghadiri kursus dan bersedia menyumbang tambahan kos projek selain kos projek diperuntukkan oleh JPNK.
- Semakan Audit terhadap fail usahawan di tujuh (7) Pejabat Pertanian Jajahan mendapati semua usahawan yang mendapat bantuan telah memenuhi kriteria yang ditetapkan. Lawatan Audit terhadap 32 lokasi usahawan PUT terdiri daripada 12 usahawan tanaman secara fertigasi, tujuh (7) usahawan pemeliharaan lebah, tiga (3) usahawan cendawan dan 10 usahawan lain mengesahkan bahawa semua usahawan tersebut layak menerima insentif PUT.

ii. Kriteria Kelayakan Usahawan PIAT

Garis Panduan Bantuan Peruntukan Industri Asas Tani JPNK menetapkan kelulusan permohonan usahawan PIAT adalah bergantung kepada kelayakan pemohon dan kelayakan syarat bantuan peralatan/mesin. Kelayakan pemohon antaranya menetapkan usahawan perlu memiliki premis/bengkel perusahaan yang berasingan daripada rumah kediaman, berdaftar dengan KKM

dan perlu mendapatkan vaksin serta kad pengendali makanan. Syarat permohonan peralatan/mesin pula menetapkan usahawan perlu mempunyai satu (1) mesin semasa permohonan dan mesin dipohon perlu berharga melebihi RM500 serta mempunyai jaminan satu (1) tahun.

- Lawatan Audit terhadap 37 usahawan yang masih beroperasi mendapati 19 usahawan tidak memenuhi syarat kelayakan iaitu tidak berdaftar dengan KKM. Semakan Audit mendapati tiada tindakan diambil oleh pihak JPNK terhadap 19 usahawan yang belum berdaftar dengan KKM. **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2** menunjukkan premis yang dilawati menjalankan pemprosesan makanan yang tidak berdaftar dengan KKM.

GAMBAR 2.1



Peniagaan Karipap Kecil
Machang
(19.11.2017)

GAMBAR 2.2



Perniagaan Sos
Pasir Puteh
(23.11.2017)

- Hasil temubual Audit bersama Pegawai Pertanian Bahagian PIAT mendapati usahawan telah dipilih walaupun tidak berdaftar dengan KKM dengan alasan untuk memberi peluang kepada usahawan mengembangkan bidang perniagaan mereka. Usahawan perlu berdaftar dengan KKM selepas dipilih dan menghadiri kursus kesedaran berkaitan bidang diceburi supaya hasil pengeluaran mencapai standard dan syarat ditetapkan KKM. Bagaimanapun, JPNK tidak menetapkan tempoh masa bagi pendaftaran usahawan dengan KKM selepas kelulusan JPJPPN.

Maklum Balas JPNK yang Diterima pada 7 Februari 2018 dan 6 Jun 2018

Pihak JPNK telah membuat siasatan mengenai perkara ini dan surat peringatan bertarikh 21 Januari 2018 telah dikeluarkan. Berdasarkan siasatan pihak JPNK, 12 daripada 19 usahawan yang terlibat telah mendapatkan suntikan vaksin pengendali makanan namun hanya 10

usahawan sahaja telah mendapat Kad Pengendali Makanan manakala selebihnya belum mendapat Kad Pengendali Makanan kerana mereka belum menghadiri kursus sehari anjuran KKM berikutan kekangan masa.

Pada pendapat Audit, kriteria kelayakan untuk pemilihan usahawan PUT telah memenuhi Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan Bantuan Peruntukan Kerajaan Negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, kriteria kelayakan usahawan PIAT bagi pendaftaran KKM masih tidak dipatuhi.

c. Kelulusan Bantuan/Insentif PUT Melebihi Kadar Pembiayaan Maksimum

- i. Garis panduan juga menetapkan kadar pembiayaan bagi usahawan PUT adalah berdasarkan jenis tanaman/komoditi yang dijalankan.
- ii. Semakan Audit terhadap laporan keputusan JPJPPN bagi 47 bantuan PUT mendapati 23 permohonan telah diluluskan bantuan melebihi kadar pembiayaan dan tidak selaras dengan garis panduan yang ditetapkan. Bantuan melebihi kadar ditetapkan bagi tahun 2015 hingga tahun 2017 adalah berjumlah RM163,930. Bagi tahun 2015 sejumlah RM52,410 telah diluluskan melebihi kadar ditetapkan manakala pada tahun 2016 dan tahun 2017 adalah berjumlah RM46,000 dan RM65,520. Bilangan usahawan yang mendapat bantuan melebihi kadar pembiayaan ditetapkan mengikut Jajahan dan tahun seperti jadual berikut:

JADUAL 2.8
BILANGAN USAHAWAN YANG MENDAPAT BANTUAN MELEBIHI
KADAR PEMBIAYAAN DITETAPKAN MENGIKUT JAJAHAN DAN TAHUN

BIL.	LOKASI USAHAWAN	LUAS TERLIBAT DENGAN INFRA-STRUKTUR (Ha)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	KADAR PEMBIAYAAN DITETAPKAN (RM)	BANTUAN MELEBIHI KADAR YANG DITETAPKAN (RM)
TAHUN 2015					
1.	Kemumin	0.10	5,150	1,000	4,150
2.	Kuala Krai	0.50	10,650	tiada	10,650
3.	Kg. Paloh Rawa	0.10	12,650	1,000	11,650
4.	Kg. Temangan	0.20	11,110	2,000	9,110
5.	Sg. Batu	0.20	12,000	10,000	2,000
6.	Kg. Jeram	0.40	14,200	4,000	10,200
7.	Kg. Belimbing	0.20	14,650	10,000	4,650
JUMLAH					52,410
TAHUN 2016					
1.	Kg. Paya Zaman, Beta	1.00	14,750	10,000	4,750
2.	Telekong	1.00	10,700	10,000	700

BIL.	LOKASI USAHAWAN	LUAS TERLIBAT DENGAN INFRA-STRUKTUR (Ha)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	KADAR PEMBIAYAAN DITETAPKAN (RM)	BANTUAN MELEBIHI KADAR YANG DITETAPKAN (RM)
3.	Kg. Mengketil	0.20	14,200	2,000	12,200
4.	Lebai Akil, Chicha Tinggi	0.10	13,500	1,000	12,500
5.	Kg. Telosan	0.20	4,550	2,000	2,550
6.	Kg. Felcra Teratak Batu	0.20	4,580	2,000	2,580
7.	Kg. Telipot	0.50	15,720	5,000	10,720
JUMLAH					46,000
TAHUN 2017					
1.	Kg. Setek	1.00	17,350	10,000	7,350
2.	Chenulang	0.20	15,000	10,000	5,000
3.	Kg. Lapan Jenut	0.20	10,000	tiada	10,000
4.	Kg. Gosong, Panyit	0.20	15,000	2,000	13,000
5.	Gaal	0.40	11,000	4,000	7,000
6.	Gaal	0.40	5,840	4,000	1,840
7.	Kg. Gong Jering	1.00	18,160	10,000	8,160
8.	Kg. Jelatok	0.25	15,570	2,500	13,070
9.	Kg. Kusial Baru	0.40	10,100	10,000	100
JUMLAH					65,520
JUMLAH KESELURUHAN					163,930

Sumber: JPNK

- iii. Kelulusan bantuan melebihi kadar ditetapkan adalah disebabkan JPNK melalui Mesyuarat Pemeriksaan Projek Pembangunan Negeri dan Persekutuan menetapkan perluasan skop bagi kawasan yang tidak mempunyai keluasan mencukupi tetapi menggunakan teknologi berimpak tinggi seperti fertigasi, cendawan, lebah dan tapak semaian diberikan peruntukan melebihi RM10,000. Namun pihak Audit tidak dapat mengesahkan bahawa kelulusan melebihi kadar adalah mematuhi peraturan atau sebaliknya. Pihak JPNK menjelaskan bahawa satu (1) bengkel pindaan Garis Panduan akan diadakan pada bulan April 2018. Kesan akibat kelulusan melebihi kadar ini menyebabkan bilangan usahawan yang mendapat bantuan PUT adalah terhad.

Maklum Balas JPNK yang Diterima pada 6 Jun 2018

Peluasan skop bagi projek ini akan mengunapakai penetapan garis panduan baru dalam Buku Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan di Bawah Peruntukan Negeri Jabatan Pertanian Kelantan yang mana telah diluluskan dalam Mesyuarat Penyelarasan Garis Panduan Projek Pembangunan Negeri pada 6 Mac 2018 dan seterusnya akan diedarkan untuk makluman Ketua Bahagian dan Pegawai Pertanian Jajahan.

Pada pendapat Audit, kelulusan bantuan/insentif yang tidak mematuhi Garis Panduan ditetapkan telah mempengaruhi jumlah bilangan usahawan PUT yang boleh diberi bantuan.

2.6.2.2. Kawalan Penggunaan Racun Makhluk Perosak

- Amalan Pertanian Baik (APB) memastikan hanya racun perosak yang berdaftar digunakan mengikut jenis tanaman, kadar bancuhan, kekerapan dan teknik semburan serta tempoh larangan mengutip hasil tanaman.
- Berdasarkan Buku Panduan Pelaksanaan Program Pemantauan Penggunaan Racun Perosak Dalam Hasil Pertanian 2012 yang dikeluarkan oleh JPNK, pemantauan terhadap residu racun perosak dibuat setiap bulan melalui ujian makmal terhadap sampel hasil tanaman di setiap jajahan.
- Pada bulan Ogos 2017, Jabatan Pertanian telah mengadakan kerjasama bersama KKM di bawah Program Pemantauan Residu Racun Perosak Hasil-hasil Pertanian. Kerjasama ini menetapkan perubahan prosedur operasi standard pelanggaran residu racun perosak iaitu bagi pelanggaran kali kedua, penyerahan nama usahawan akan diberikan kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kelantan dan sampel ulangan kedua diambil oleh pegawai JKN. Pelanggaran kali ketiga menyebabkan tindakan pendakwaan diambil oleh KKM di bawah Akta Makanan 1983.
- Semakan Audit mendapati JPNK telah menetapkan sasaran pemeriksaan residu racun bagi tahun 2015 hingga tahun 2017. Pemantauan yang dijalankan adalah bagi pemantauan biasa yang merangkumi semua jenis hasil tanaman dan pemantauan ke atas hasil usahawan yang memperoleh pensijilan MyGAP seperti jadual berikut:

JADUAL 2.9
SASARAN DAN PENCAPAIAN UJIAN MAKMAL TERHADAP SAMPEL
RESIDU RACUN MAKHLUK PEROSAK BAGI TAHUN 2015 HINGGA SEPTEMBER 2017

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN TIDAK DICAPAI	
	(Bil. Sampel)	(Bil. Sampel)	(Bil. Sampel)	(%)
TAHUN 2015				
Pemantauan Biasa	110	132	-	-
Pemantauan MyGAP	34	28	6	17.6
JUMLAH KECIL	144	160	6	-
TAHUN 2016				
Pemantauan Biasa	144	157	-	-
Pemantauan MyGAP	48	44	4	8.3
JUMLAH KECIL	192	201	4	-

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN TIDAK DICAPAI	
	(Bil. Sampel)	(Bil. Sampel)	(Bil. Sampel)	(%)
TAHUN 2017				
Pemantauan Biasa	84	73	11	13.1
Pemantauan MyGAP	64	41	23	35.9
JUMLAH KECIL	148	114	34	23.0

Sumber: JPNK

- e. Semakan Audit mendapati JPNK tidak mencapai sasaran ujian sampel residu bagi sampel MyGAP antara 8.3% hingga 35.9% dan bagi sampel biasa sebanyak 13.1%. Ujian terhadap sampel hasil tanaman yang tidak mencapai sasaran boleh menjejaskan ketepatan laporan Ringkasan Laporan Penghantaran Sampel Residu Racun Perosak pada Tanaman Makanan.
- f. Semakan selanjutnya ke atas Ringkasan Laporan Penghantaran Sampel Residu Racun Perosak pada Tanaman Makanan mendapati lapan (8) daripada 160 (5.0%) sampel tanaman telah melanggar *Maximum Residue Limit* (MRL) bagi sampel yang diuji kali pertama pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, setelah penghantaran sampel ulangan bagi kali kedua didapati tiada pelanggaran.
- g. Bagi tahun 2016, sebanyak 16 daripada 201 (8.0%) pelanggaran MRL. Sehingga Disember tahun 2016, masih terdapat empat (4) usahawan yang melanggar MRL bagi ujian terhadap sampel ulangan iaitu satu (1) sampel ulangan kali ketiga, dua (2) sampel ulangan kali kedua dan satu (1) sampel ulangan kali pertama. Semakan Audit mendapati tiada laporan dihantar ke KKM untuk tindakan penguatkuasaan terhadap usahawan yang telah melanggar MRL kali ketiga. Selain itu, tindakan mengambil sampel ulangan masih belum dibuat oleh pegawai JPNK bagi ketidakpatuhan MRL kali pertama dan kedua tahun 2016. **Jadual 2.10** menunjukkan sampel ulangan yang belum diambil tindakan.
- h. Bagi ujian terhadap sampel pada tahun 2017 didapati sehingga bulan Jun 2017, semakan mendapati enam (6) daripada 114 (5.3%) melanggar MRL. Selepas penghantaran sampel ulangan didapati masih terdapat dua (2) usahawan belum membuat penghantaran sampel kali kedua dan satu (1) usahawan juga masih belum menghantar sampel kali ketiga. Sampel ulangan yang belum diambil tindakan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.10
SAMPEL ULANGAN BELUM DIAMBIL TINDAKAN

TAHUN PELANGGARAN MRL	JAJAHAN	JENIS TANAMAN	PELANGGARAN
2016	Gua Musang	Tomato Ceri	Pelanggaran MRL Kali Ketiga
	Gua Musang	Cili	Pelanggaran Kali Kedua
	Pasir Puteh	Petola Segi	Pelanggaran Kali Kedua
	Bachok	Petola Segi	Pelanggaran Kali Pertama
2017	Jeli	Cili	Pelanggaran Kali Kedua
	Bachok	Timun	Pelanggaran Kali Pertama
	Gua Musang	Kailan	Pelanggaran Kali Pertama

Sumber: JPNK

- i. Berdasarkan temubual bersama Pegawai Pertanian Bahagian Pengembangan, Perundingan dan Pelaburan memaklumkan pencapaian penghantaran sampel tidak mencapai sasaran ditetapkan kerana tempoh pengambilan sampel adalah bukan masa tuaian hasil usahawan.
- j. Semakan Audit selanjutnya telah dijalankan terhadap lima (5) sampel hasil pertanian usahawan PUT melalui pemilihan secara rawak dari Jajahan berlainan. Sampel tersebut telah dikemukakan kepada Unit Makmal Residu Wilayah Timur dan analisisnya mendapati kesemuanya tiada pelanggaran terhadap MRL. Bagaimanapun, hanya satu (1) daripada lima (5) sampel telah menggunakan racun yang tidak disyorkan untuk tanaman petola. Inisiatif yang diambil oleh JPNK sepanjang tahun 2015 hingga 2017 sebanyak lima (5) kursus kawalan penggunaan racun telah dijalankan oleh Bahagian Latihan Teknikal JPNK dan 85 kursus kawalan perosak telah dijalankan di peringkat Pejabat Pertanian Jajahan.

Maklum Balas JPNK yang Diterima pada 7 Februari 2018 dan 6 Jun 2018

Pihak JPNK telah menjalankan pemantauan dan sehingga bulan Jun tahun 2018, enam (6) daripada tujuh (7) pelanggaran telah diambil tindakan dan usahawan berkenaan telah mematuhi tahap residu dibenarkan. Manakala satu (1) daripada tujuh (7) pelanggaran tersebut masih terdapat pelanggaran dan perlu menunggu kitaran tanaman seterusnya untuk ulangan.

Pada pendapat Audit, JPNK dan KKM perlu bekerjasama dalam memantau penggunaan racun oleh usahawan dan mengambil tindakan tegas terhadap pelanggaran residu racun bagi memastikan hasil pertanian selamat digunakan.

2.6.2.3. Pensijilan Amalan Pertanian Baik

- a. JPNK memperkenalkan pensijilan *Malaysian Good Agricultural Practices* (MyGAP) dan Skim Organik Malaysia (MyOrganic) bagi menggalakkan usahawan PUT menghasilkan produk yang memenuhi piawaian umum. MyGAP adalah skim pensijilan yang diberikan kepada petani berkaitan aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial supaya produk yang dihasilkan selamat dan berkualiti. Manakala MyOrganic adalah pengiktirafan kepada ladang yang mengamalkan peladangan organik iaitu pengeluaran ladang tidak menggunakan bahan kimia sintetik seperti baja kimia sebatian, racun perosak dan hormon penggalak tumbesaran.
- b. JPNK mensasarkan 59 penerima Sijil MyGAP bagi tahun 2015. Manakala bagi tahun 2016 dan tahun 2017 sasaran ditetapkan masing-masing sejumlah 45 dan 80 penerima. Bagi pensijilan MyOrganic sasaran hanya ditetapkan pada tahun 2017 untuk tiga (3) penerima sahaja.
- c. Semakan Audit mendapati pencapaian penerima pensijilan MyGAP bagi tahun 2015 hingga 2017 tidak mencapai sasaran ditetapkan. Bagi pensijilan MyOrganic tiada sasaran ditetapkan bagi tahun 2015 dan 2016. Manakala bagi tahun 2017 jumlah penerima pensijilan adalah tidak mencapai sasaran ditetapkan. Sasaran dan pencapaian pensijilan MyGAP dan MyOrganic bagi tahun 2015 hingga tahun 2017 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.11
SASARAN DAN PENCAPAIAN PENSIJILAN MYGAP
DAN MYORGANIC BAGI TAHUN 2015 HINGGA TAHUN 2017

TAHUN	PENERIMA PENSIJILAN			
	MYGAP		MYORGANIC	
	SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN
2015	59	21	0	0
2016	45	19	0	1
2017	80	68	3	1

Sumber: JPNK

- d. Seterusnya, temubual bersama Penolong Pengarah Bahagian Pengembangan, Perundingan dan Pelaburan JPNK, penerima pensijilan tidak dapat mencapai sasaran ditetapkan kerana kelemahan penyediaan rekod MyGAP yang sempurna oleh usahawan dan tempoh peralihan bagi tanaman sayur buah untuk MyOrganic adalah tiga (3) tahun. Semakan Audit pada Daftar MyGAP Bahagian Pengembangan mendapati masih terdapat 33 usahawan dalam proses kelulusan pensijilan MyGAP dan tiga (3) permohonan untuk pensijilan MyOrganic bagi tahun 2017.

- e. Bagi meningkatkan penerima pensijilan, sejumlah 116 kursus telah dilaksanakan oleh Bahagian Latihan Teknikal JPNK terdiri daripada 74 kursus cara penanaman, 31 kursus usahawan PIAT, enam (6) kursus pensijilan dan lima (5) kursus penggunaan racun. JPNK juga menjalankan kursus di peringkat Pejabat Pertanian Jajahan. Sejumlah 289 kursus telah dilaksanakan di peringkat Pejabat Pertanian Jajahan yang terdiri daripada 85 kursus kawalan perosak, 45 kursus pensijilan, 97 kursus cara penanaman, 21 kursus PIAT dan 41 lain-lain kursus.

Pada pendapat Audit, sasaran penerima pensijilan MyOrganic hendaklah mengambilkira tempoh peralihan tanaman dan memberi kesedaran kepada usahawan untuk menyediakan dokumen berkaitan pensijilan bagi memastikan hasrat pensijilan Amalan Pertanian Baik tercapai.

2.6.2.4. Perolehan Secara Pecah Kecil

- a. Berdasarkan Tatacara Perolehan Kerajaan PK2 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia melarang pecah kecil perolehan tahunan dilakukan.
- b. Semakan Audit mendapati surat penurunan kuasa meluluskan pembelian dan penerimaan barang serta tatacara perolehan telah dipatuhi kecuali bagi tiga (3) perolehan PUT dan tiga (3) perolehan PIAT. Perolehan tersebut telah dijalankan secara pecah kecil yang melibatkan perolehan bagi pembaikan Pusat Pengumpulan Hasil PIAT di Machang yang berjumlah RM25,975 dan perolehan haif dan koloni (sarang) lebah di Jajahan Pasir Mas yang mana berjumlah RM26,400. Perolehan sepatutnya dibuat secara sebutharga. **Jadual 2.12, Gambar 2.3 dan Gambar 2.4** menunjukkan perolehan yang telah dijalankan.

JADUAL 2.12
PEROLEHAN SECARA PECAH KECIL BAGI TAHUN 2015 HINGGA TAHUN 2017

BIL.	NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH BAUCAR BAYARAN	KONTRAKTOR	PERIHAL	JUMLAH (RM)
1.	V0000427	19.03.2017	Syarikat KT0137334-P	Kerja-kerja mengecat semula atap bangunan Pusat Pengumpulan Hasil PIAT di Jajahan Machang.	7,990
2.	V0000429	19.03.2017	Syarikat KT0137334-P	Kerja-kerja menukar semula atap bangunan Pusat Pengumpulan Hasil PIAT di Jajahan Machang.	7,995
3.	V0000574	05.04.2017	Syarikat KT0137334-P	Bayaran simen, batu-bata, papan, pintu, pasir dan kayu untuk Bangunan Pusat Pengumpulan Hasil PIAT.	9,990
JUMLAH					25,975
4.	V0001441	18.07.2017	Syarikat KT0140658-X	Bayaran haif dan koloni lebah untuk PUT di Jajahan Pasir Mas.	8,800
5.	V0001440	18.07.2017	Syarikat KT0140658-X	Bayaran haif dan koloni lebah untuk PUT di Jajahan Pasir Mas.	8,800

BIL.	NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH BAUCAR BAYARAN	KONTRAKTOR	PERIHAL	JUMLAH (RM)
6.	V0001439	18.07.2017	Syarikat KT0140658-X	Bayaran haif dan koloni lebah untuk PUT di Jajahan Pasir Mas.	8,800
JUMLAH					26,400
JUMLAH KESELURUHAN					52,375

Sumber: JPNK

GAMBAR 2.3



**Pusat Pengumpulan Hasil PIAT
Machang
(08.11.2017)**

GAMBAR 2.4



**Haif dan Koloni Madu Kelulut
Pasir Mas
(01.11.2017)**

- c. Lawatan Audit ke Pusat Pengumpulan Hasil PIAT di Machang mendapati kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan. Temubual bersama Pegawai Pertanian Jajahan mendapati pembaikan pusat tersebut adalah untuk kemudahan pengumpulan produk PIAT dan PUT di Jajahan Machang. Lawatan Audit selanjutnya ke Pasir Mas juga mendapati pembekalan haif dan koloni kelulut bagi tiga (3) usahawan telah dijalankan. Berdasarkan temubual bersama Pegawai Pertanian Jajahan didapati perolehan haif dan koloni kelulut dijalankan secara pembelian terus kerana JPNK berpendapat kerja ini adalah kerja yang berbeza. Perolehan tersebut tidak dibuat secara sebut harga kerana terdapat kesukaran dalam menentukan spesifikasi haif dan koloni yang diperlukan oleh usahawan.

Maklum Balas JPNK yang Diterima pada 6 Jun 2018

Pemantauan telah dilaksanakan dari semasa ke semasa. JPNK akan terus melakukan pemantauan yang lebih teliti bagi memastikan perkara ini tidak akan berulang lagi.

Pada pendapat Audit, spesifikasi haif dan koloni (sarang) lebah boleh diklasifikasikan mengikut saiz sarang bagi memastikan perolehan dilakukan mematuhi peraturan kewangan ditetapkan.

2.6.2.5. Bantuan Peralatan/Mesin

Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan Bantuan Peruntukan Kerajaan Negeri Kelantan dan Garis Panduan Bantuan Peruntukan Industri Asas Tani JPNK menetapkan syarat dan tatacara bantuan peralatan/mesin dipinjamkan kepada usahawan. Berdasarkan kelulusan oleh JPJPPN dan permohonan oleh Pejabat Pertanian Jajahan, perolehan pembelian peralatan serta mesin dilaksanakan oleh Unit Kewangan JPNK. Pembekalan peralatan dihantar ke lokasi projek usahawan yang mendapat bantuan.

a. Peralatan Tidak Digunakan

- i. Para 8 surat akujanji bantuan pinjaman mesin dan peralatan menetapkan JPNK berhak mengambil semula peralatan jika usahawan tidak menggunakan mesin dan peralatan selama tempoh tiga (3) bulan atau projek tersebut tidak beroperasi.
- ii. Lawatan Audit ke lokasi bagi 41 usahawan PIAT dan 32 usahawan PUT pada bulan Oktober dan November 2017 mendapati empat (4) mesin dan peralatan yang melibatkan dua (2) usahawan PIAT dan satu (1) peralatan bagi seorang usahawan PUT bernilai RM13,136 tidak digunakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati usahawan tersebut tidak aktif dan telah berhenti daripada program PUT dan PIAT. Senarai mesin dan peralatan yang tidak digunakan dan tidak diambil semula oleh JPNK adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.13
SENARAI MESIN DAN PERALATAN YANG
TIDAK DIGUNAKAN DAN TIDAK DIAMBIL SEMULA


BIL.	JAJAHAN	TAHUN PEROLEHAN	TAHUN PENARIKAN DIRI	JENIS PERALATAN	HARGA (RM)
USAHAWAN PIAT					
1.	Machang	2015	2016	i. Meja Kerja ii. Pemerah Santan	1,300 4,700
2.	Machang	2016	2016	i. 2- Deck Gas Oven ii. Fermentation box	4,200 1,980
JUMLAH					12,180
USAHAWAN PUT					
3.	Kota Bharu	2015	-	Motorise Knapsack Power Sprayer	956
JUMLAH					956
JUMLAH KESELURUHAN					13,136

Sumber: JPNK

- iii. Temubual bersama Pegawai Pertanian Jajahan mendapati dua (2) orang usahawan PIAT di Jajahan Machang tidak menjalankan perusahaan sejak awal tahun 2016 dan seorang (1) usahawan PUT Jajahan Kota Bharu tidak menjalankan perusahaan sejak awal tahun 2017. Usahawan

ini telah menghantar surat penarikan diri daripada menyertai program, namun peralatan/mesin yang dipinjamkan masih belum diambil semula sehingga tarikh lawatan Audit. Lawatan Audit mengesahkan premis perniagaan usahawan yang tidak beroperasi dan peralatan yang tidak digunakan seperti **Gambar 2.5** dan **Gambar 2.6**.

GAMBAR 2.5



Premis Perniagaan yang Tidak Beroperasi,
Machang, Kelantan
-Usahawan Akok dan Baulu
(19.11.2017)

GAMBAR 2.6



Mesin yang Tidak Digunakan
Motorise Knapsack Power Sprayer, Kota Bharu
-Usahawan Timun
(17.10.2017)

b. Mesin dan Peralatan Dibekalkan Tidak Memenuhi Keperluan Usahawan

- i. Garis Panduan Bantuan Peruntukan Industri Asas Tani JPNK menetapkan kriteria kelayakan permohonan oleh usahawan adalah berdasarkan keperluan projek dan usahawan masih aktif menjalankan perusahaan seperti dinyatakan dalam borang permohonan. Jawatankuasa meluluskan bantuan setelah mengambilkira kelayakan pemohon dan kelayakan syarat bantuan peralatan/mesin.
- ii. Lawatan Audit dan temubual bersama 37 usahawan PIAT mendapati terdapat empat (4) peralatan yang tidak memenuhi keperluan perniagaan tiga (3) usahawan. Semakan Audit terhadap borang permohonan usahawan dan Laporan Kelulusan terdapat perbezaan peralatan yang dipohon berbanding peralatan yang diluluskan dan dibekalkan kepada usahawan. **Jadual 2.14** menunjukkan perbezaan senarai peralatan dipohon dan diluluskan bagi tiga (3) usahawan PIAT. Perbezaan peralatan yang dibekalkan menyebabkan peralatan tersebut tidak digunakan seperti di **Gambar 2.7** hingga **Gambar 2.10**.

JADUAL 2.14

PERBEZAAN PERALATAN YANG DIPOHON BERBANDING DILULUSKAN/DIBEKALKAN

BIL.	JAJAHAN	JENIS PERNIAGAAN	PERALATAN DIPOHON	MESIN/ PERALATAN DIBEKALKAN	HARGA (RM)	CATATAN
1.	Pasir Puteh	Kerepek Bilis	i. Papan tanda	i. Freezer 450L (Tidak Digunakan)	1,600	Peralatan freezer dan oven masih belum digunakan sejak tahun 2015 kerana peralatan tersebut tidak sesuai digunakan untuk
			ii. Meja Kerja			
			iii. Vegetable Cutter	ii. Oven 1 Deck (Tidak Digunakan)	2,500	
			iv. Meja Kerja			

BIL.	JAJAHAN	JENIS PERNIAGAAN	PERALATAN DIPOHON	MESIN/ PERALATAN DIBEKALKAN	HARGA (RM)	CATATAN
			Kecil (4'x4')	iii. Dapur 3 lingkar (Digunakan)	200	perusahaan makanan ringan seperti kerepek bilis. Sebaliknya ia lebih sesuai untuk perusahaan penghasilan produk sejuk beku.
				iv. Kualiti 26" (Digunakan)	100	
2.	Pasir Mas	Kerepek Gegetas	i. Sticker Kerepek dan Lidah Buaya ii. Mesin Pengadun iii. Mesin Mee	i. Noodle Cutting Machine (Tidak Digunakan)	3,150	Peralatan <i>noodle cutting machine</i> tidak digunakan sejak tahun 2016 kerana spesifikasi mesin tersebut tidak sesuai digunakan untuk menghasilkan kerepek gegetas memandangkan mata mesin tersebut terlalu kecil. Peserta telah menggantikan dengan mata yang baru tetapi masih tidak boleh digunakan.
				ii. Mesin Pengadun (Digunakan)	2,550	
3.	Pasir Mas	Kerepek Pisang	i. Baiki Bengkel ii. Meja Kerja iii. Mesin Kerepek Ubi iv. Kualiti Dapur	i. Pemotong Pisang Serbaguna (Tidak Digunakan)	5,950	Mesin yang dibekalkan kepada peserta tidak dapat digunakan untuk memotong pisang kerana spesifikasi mata mesin yang tebal. Peserta terpaksa memotong secara manual. Namun begitu mesin tersebut masih boleh digunakan untuk memotong ubi.
				ii. Dapur 4 Lingkar (Digunakan)	200	
				iii. Meja Kerja (Digunakan)	1,300	

Sumber: JPNK

GAMBAR 2.7



Oven 1 Deck Tidak Digunakan
- Pasir Puteh
- Usahawan Kerepek Bilis
(23.10. 2017)

GAMBAR 2.8



Freezer 450L Tidak Digunakan
- Pasir Puteh
- Usahawan Kerepek Bilis
(23.10. 2017)

GAMBAR 2.9



Noodle Cutting Machine Tidak Sesuai
- Pasir Mas
- Usahawan Kerepek Gegetas
(01.11.2017)

GAMBAR 2.10



Mata Mesin Pemotong Pisang Terlalu Tebal Tidak Sesuai
- Pasir Mas
- Usahawan Kerepek Pisang
(01.11.2017)

- iii. Pembekalan peralatan yang tidak sesuai adalah disebabkan JPNK tidak menyedari masalah dihadapi usahawan kerana usahawan masih menjana pendapatan daripada sumber yang lain dalam tempoh tersebut. Pemantauan terhadap pendapatan bulanan usahawan dijalankan oleh Pejabat Pertanian Jajahan. Temubual bersama Pegawai Pertanian Jajahan, pemantauan ke premis dijalankan secara rawak namun tiada rekod disediakan menyebabkan peralatan yang tidak digunakan oleh usahawan tidak dapat dikesan.

Maklum Balas JPNK yang Diterima pada 7 Februari 2018

Surat Penarikan balik mesin/peralatan yang dipinjamkan telah dikeluarkan kepada dua (2) usahawan pada 22 Januari 2018 oleh Pejabat Pertanian Jajahan Machang. Selain itu, pihak Pejabat Pertanian Jajahan Machang telah mengambil semula peralatan tersebut dan dalam proses untuk mencari usahawan lain yang memerlukan peralatan berkaitan. Manakala peralatan yang digunakan oleh usahawan PUT telah diserahkan kepada usahawan ganti.

Surat makluman telah dikeluarkan kepada tiga (3) usahawan di Pasir Puteh dan Pasir Mas melalui Pejabat Pertanian Jajahan masing-masing dan dua (2) peralatan yang tidak digunakan telah ditarik balik serta dalam proses tapisan usahawan gantian oleh ibu pejabat. Manakala dua (2) peralatan telah digunakan oleh usahawan berkenaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman peralatan oleh JPNK adalah tidak cekap menyebabkan terdapat peralatan yang tidak digunakan oleh usahawan dan peralatan yang dibekal tidak sesuai dengan keperluan usahawan.

2.6.2.6. Pemantauan Terhadap Usahawan

- a. Sasaran pemantauan tahunan terhadap usahawan PUT ditetapkan oleh Pegawai Pertanian Jajahan setiap jajahan dan direkodkan di dalam Buku Catatan Pegawai Pertanian Jajahan serta dilaporkan di dalam Mesyuarat Bahagian Pengembangan JPNK secara suku tahun. Manakala pemantauan bagi usahawan PIAT juga dijalankan oleh Pegawai Pertanian Jajahan di setiap jajahan dan direkodkan dalam sistem AgrIS Geoportal.
- b. Semakan Audit terhadap tujuh (7) Pejabat Pertanian Jajahan mendapati pemantauan berkala telah dijalankan oleh Pegawai Pertanian Jajahan, direkodkan pada Buku Catatan Pegawai Pertanian Jajahan dan dilaporkan

secara suku tahun dalam Mesyuarat Bahagian Pengembangan JPNK. Pemantauan dijalankan terbahagi kepada tiga (3) iaitu pemantauan terhadap usahawan berpendapatan RM2,000 ke atas, petani Luar Kelompok (pengusaha tidak mendapat bantuan JPNK dan hanya khidmat nasihat) serta petani dalam Kelompok (pengusaha yang menerima bantuan JPNK). Antara perkara dibincangkan di dalam Mesyuarat Bahagian Pengembangan JPNK adalah analisis penilaian Pegawai Pertanian Jajahan, laporan kajian keberkesanan latihan dan perancangan aktiviti perkhidmatan pengembangan. Bilangan pemantauan yang dijalankan oleh Pegawai Pertanian Jajahan bagi tahun 2015 hingga bulan September tahun 2017 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.15
SASARAN DAN PENCAPAIAN PEMANTAUAN
PEGAWAI PERTANIAN JAJAHAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA SEPTEMBER 2017

JAJAHAN	KAWASAN PERKHID. (Bil. Kaw.)	PEMANTAUAN (Bilangan Lawatan)					
		USAHAWAN		LUAR KELOMPOK		KELOMPOK	
		SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN
TAHUN 2015							
Gua Musang	5	150	157	1,050	1,089	1,800	1,840
Kota Bharu	7	32	38	1,400	1,483	2,800	2,936
Kuala Krai	5	22	22	622	622	2,356	2,356
Machang	6	12	14	540	627	1,248	1,325
Pasir Mas	8	120	134	800	914	2,400	4,331
Pasir Puteh	8	30	30	1,440	1,506	3,360	3,622
Tanah Merah	6	11	11	889	1,019	2,700	2,920
TAHUN 2016							
Gua Musang	5	150	157	1,050	1,067	1,800	1,818
Kota Bharu	7	36	36	1,200	1,200	2,400	2,400
Kuala Krai	4	24	15	200	86	576	360
Machang	5	14	14	504	739	1,120	1,562
Pasir Mas	5	100	184	500	919	1,500	2,770
Pasir Puteh	8	30	27	1,440	1,552	3,360	3,735
Tanah Merah	4	10	10	590	795	1,800	1,938
TAHUN 2017							
Gua Musang	5	150	132	1,050	660	1,800	925
Kota Bharu	7	46	46	1,200	882	2,400	1,664
Kuala Krai	4	95	73	95	70	95	70
Machang	5	14	12	1,600	1,306	800	685
Pasir Mas	5	100	75	500	550	2,400	2,496
Pasir Puteh	8	30	23	1,440	1,115	3,360	2,524
Tanah Merah	4	17	9	649	527	2,000	1,764

Sumber: JPNK

- c. Sasaran pemantauan usahawan, kelompok dan luar kelompok pada tahun 2015 dapat dicapai oleh semua Pejabat Pertanian Jajahan yang dilawati. Pada tahun 2016, sasaran pemantauan usahawan tersebut tidak dicapai oleh Pejabat Pertanian Jajahan Kuala Krai dan Pejabat Jajahan Pasir Puteh. Perbandingan jumlah kawasan perkhidmatan pada tahun 2015 dan 2017 mendapati terdapat perubahan bilangan kawasan perkhidmatan bagi Pejabat Jajahan Kuala Krai, Machang, Pasir Mas dan Tanah Merah. Perubahan bilangan kawasan perkhidmatan adalah mengambilkira perjawatan semasa JPNK.
- d. Semakan Audit mendapati JPNK tidak menyediakan rekod bagi sasaran dan pemantauan yang dilakukan terhadap usahawan PIAT. Mengikut penjelasan pegawai JPNK, pemantauan yang dilaksanakan adalah untuk mendapatkan maklumat pengeluaran dan pendapatan serta dikemaskini dalam sistem AgriS Geoportal.

Maklum Balas JPNK yang Diterima pada 7 Februari 2018 dan 6 Jun 2018

Pemantauan bagi peserta kelompok dan luar kelompok serta usahawan telah ditambah baik dengan pengisian perjawatan G29 seramai 16 orang di JPNK. Dua (2) pegawai telah ditempatkan di Jajahan Kuala Krai.

Pada pendapat Audit, JPNK perlu meningkatkan pemantauan terhadap usahawan dengan menyediakan jadual lawatan berdasarkan bilangan pegawai yang sedia ada untuk memberi khidmat nasihat dan menilai prestasi pencapaian usahawan tersebut.

2.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pembangunan usahawan tani dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan, beberapa syor dikemukakan untuk penambahbaikan seperti berikut:

- 2.7.1. memastikan pendedahan usahawan terhadap pensijilan Amalan Pertanian Baik perlu dipertingkatkan dan tindakan pengambilan sampel ulangan terhadap usahawan yang tidak mematuhi MRL perlu diambil dengan segera;
- 2.7.2. menetapkan sasaran pendapatan secara individu bagi peserta Program PIAT sebagai SKT bagi mengukur kejayaan program;
- 2.7.3. memastikan pemantauan terhadap usahawan dipertingkatkan dengan menyediakan rekod/data secara sistematik meliputi data pengeluaran dan pendapatan usahawan; dan
- 2.7.4. mengkaji semula kaedah bagi memperkasakan prosedur pemilihan peserta dan penerima bantuan/insentif.

3. PROJEK USAHA SAMA PEMBANGUNAN BANDAR TANAH MERAH

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Projek pembangunan di atas Tanah Kerajaan, di bandar Tanah Merah, Daerah Kusial adalah sebuah projek usaha sama di antara Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) dan syarikat 398778-H (pemaju). Kertas Cadangan projek ini telah dikemukakan oleh pemaju kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan pada bulan April 2011 dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan (MMK) pada 2 Mei 2012. Satu (1) perjanjian usaha sama (dokumen kontrak) telah disediakan dan ditandatangani antara MDTM dan pemaju pada 27 Ogos 2012 bagi melaksanakan projek usaha sama (projek) ini. Projek ini dibangunkan di atas tanah Kerajaan seluas 19.5 ekar bernilai RM7 juta di Jalan Pegawai, Bandar Tanah Merah.

3.1.2. Objektif projek ini ialah menyediakan lot perniagaan/komersial untuk meningkatkan peluang perniagaan dan pekerjaan bagi penduduk, mewujudkan kemudahan awam untuk keselesaan rakyat dan meningkatkan hasil kepada Kerajaan Negeri dan MDTM.

3.1.3. Mengikut Dokumen Kontrak, keseluruhan projek usaha sama ini akan disiapkan dalam tempoh 36 bulan bagi Fasa 1 dan 60 bulan bagi Fasa 2 daripada tarikh kelulusan pelan bangunan. Pemaju bertanggungjawab menyiapkan projek bagi Fasa 1 iaitu sebanyak 95 lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat dan Fasa 2 sebanyak 39 lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat. Bagaimanapun, setelah pengukuran semula pelan susun atur dan saiz bangunan, terdapat pertambahan 18 lot perniagaan/komersial yang perlu dibina menjadi 108 lot di Fasa 1 dan 44 lot di Fasa 2. Bagaimanapun, perubahan bilangan lot perniagaan/komersial tidak dipinda atau dimasukkan dalam kontrak tambahan.

3.1.4. Projek ini dilaksanakan secara Reka dan Bina di mana semua kos berkaitan pembangunan projek termasuk pembinaan lot perniagaan/komersial, infrastruktur serta balasan kepada MDTM ditanggung oleh pihak pemaju dan pemaju diberi hak milik bagi lot perniagaan/komersial tersebut. Manakala pihak Kerajaan perlu menyerahkan tanah seperti disebut di atas secara pajakan selama 99 tahun kepada pemaju dan pihak pemaju perlu memberi balasan berjumlah RM13.5 juta dalam bentuk *benefit in kind* kepada MDTM dan Kerajaan Negeri seperti di **Jadual 3.1**. Pegawai Penguasa bagi projek ini ialah Yang Dipertua Majlis Daerah Tanah Merah.

JADUAL 3.1
BALASAN *IN KIND* YANG PERLU
DIBERIKAN KEPADA MDTM DAN KERAJAAN NEGERI

BIL.	KETERANGAN	NILAI (RM Juta)	BENTUK BALASAN
1.	i. Satu (1) Unit Wisma MDTM (Pejabat) Termasuk Kelengkapan	6.5	Fizikal
	ii. Dua (2) Unit Lot Perniagaan/Komersial Tiga (3) Tingkat		Fizikal
2.	Satu (1) Unit Dewan Serbaguna/Sukan	3.5	Fizikal
3.	Satu (1) Unit Gelanggang Sukan Integrasi	0.5	Fizikal
4.	i. Kediaman Pegawai Satu (1)	1.0	Fizikal
	ii. Kediaman Pegawai Dua (2)		Fizikal
	iii. Satu (1) Unit Rumah Tamu		Fizikal
5.	Satu (1) Unit Masjid (Naik Taraf)	0.3	Tunai
6.	Satu (1) Unit Kantin MDTM dan Satu (1) Unit Rumah Perkumpulan Perempuan Tanah Melayu (Gantian)	0.3	Tunai
7.	Tiga (3) Unit Kenderaan (Dua (2) Unit Hilux dan Satu (1) Unit Lori <i>Tailift</i>)	0.3	Tunai
8.	Bayaran Premium Tanah	1.1	Tunai
JUMLAH		13.5	

Sumber: Dokumen Kontrak

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada projek usaha sama Pembangunan Bandar Tanah Merah Daerah Kusial diuruskan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi tiga (3) bidang utama (*key area*) iaitu prestasi projek, pelaksanaan kontrak dan pasca kontrak bagi projek usaha sama Pembangunan Bandar Tanah Merah Daerah Kusial oleh MDTM. Skop pengauditan bermula dari kelulusan kertas cadangan iaitu pada bulan April 2011 hingga Disember 2017.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan projek usaha sama di UPEN dan MDTM. Lawatan dan pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan di lokasi projek iaitu premis perniagaan/komersial, Wisma MDTM, Dewan Serbaguna, Gelanggang Sukan Integrasi, kediaman pegawai, rumah tamu dan masjid. Temu bual dengan pegawai, peniaga dan pekerja yang terlibat juga telah dilaksanakan bagi mendapatkan penjelasan dan maklum balas kajian yang dijalankan.

3.5. RUMUSAN AUDIT

3.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2017 mendapati secara keseluruhannya, projek usaha sama telah mencapai objektif yang ditetapkan. Pihak pemaju telah menyiapkan sepenuhnya 108 (100%) lot perniagaan/komersial dalam Fasa 1 dalam tempoh yang ditetapkan. Projek ini telah memberi peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk. Didapati 90 daripada 108 lot perniagaan/komersial yang disiapkan telah memulakan operasi perniagaan. Projek ini juga telah meningkatkan hasil kepada Kerajaan Negeri dan MDTM iaitu RM11.9 juta daripada RM13.5 (88.15%) juta balasan dari segi lot-lot serahan dan lain-lain balasan telah diserahkan oleh pemaju kepada MDTM dan Kerajaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Projek ini telah mewujudkan kemudahan awam untuk kegunaan rakyat setempat. Bagi projek Fasa 2, kesemua 44 lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat termasuk dua (2) lot yang perlu diserahkan kepada MDTM masih belum dimulakan pembinaan oleh pihak pemaju kerana kelulusan pelan belum diperoleh.

3.5.2. Pengurusan projek usaha sama dari aspek prestasi fizikal, balasan *in kind* dan pencapaian objektif telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Pengurusan dokumen kontrak dan penyerahan komponen balasan telah mematuhi peraturan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan pengurusan projek usaha sama ini seperti berikut:

- i. penerimaan Wisma MDTM tanpa kelengkapan menyebabkan pihak MDTM terpaksa membelanjakan sejumlah RM0.5 juta bagi penyediaan perabot dan kelengkapan pejabat bagi membolehkan Wisma MDTM dapat digunakan;
- ii. pihak MDTM menerima penyerahan Loji Rawatan Kumbahan daripada pemaju menyebabkan MDTM menanggung kos pengendalian loji rawatan kumbahan berjumlah RM29,150 dan kos elektrik sejumlah RM53,803; dan
- iii. penilaian semula jumlah sumbangan berkaitan pindaan syarat kontrak belum dibuat.

3.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas MDTM telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 13 Februari 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan adalah seperti di perenggan berikut:

3.6.1. Prestasi Projek

3.6.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Mengikut dokumen kontrak, pihak pemaju perlu menyiapkan 134 lot perniagaan/komersial yang terdiri daripada 95 lot perniagaan komersial tiga (3) tingkat dalam Fasa 1 dan 39 lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat dalam Fasa 2. Selepas pengukuran semula pelan pindaan, bilangan lot perniagaan/komersial bertambah sebanyak 18 lot menjadi 152 lot yang melibatkan 108 lot di Fasa 1 dan 44 lot di Fasa 2. Bagi Fasa 1, 108 lot perniagaan/komersial perlu disiapkan dalam tempoh 36 bulan dari tarikh kelulusan pelan. Tarikh kelulusan pelan ialah pada 13 Ogos 2013 manakala tarikh siap projek ialah pada 12 Ogos 2016. Bagi projek Fasa 2, 44 lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat perlu disiapkan dalam tempoh 60 bulan dari tarikh kelulusan pelan. Bagaimanapun, ia belum dimulakan kerana pelan projek Fasa 2 masih belum diluluskan.
- b. Semakan Audit pada bulan Disember 2017 mendapati kesemua 108 (100%) lot perniagaan/komersial dalam Fasa 1 telah disiapkan sepenuhnya pada 1 Februari 2016 iaitu lebih awal dari tempoh yang ditetapkan. Didapati *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) bagi 108 lot perniagaan/komersial telah dikeluarkan oleh pihak arkitek pada 1 Februari 2016. Lot perniagaan/komersial yang telah siap di Fasa 1 seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.1



Blok C, D, E Dan F
-Sebahagian Daripada 108 Lot Perniagaan/
Komersial Fasa 1 yang Telah Siap
(15.01.2018)

GAMBAR 3.2



Blok M Dan G
-Sebahagian Daripada 108 Lot Perniagaan/
Komersial Fasa 1 yang Telah Siap
(15.01.2018)

- c. Semakan Audit terhadap komponen balasan sehingga Disember 2017 mendapati enam (6) balasan fizikal dapat disiapkan dan diserahkan kepada MTDM dan telah beroperasi. Enam (6) komponen yang telah disiapkan oleh pemaju dan telah diserahkan kepada MDTM ialah Wisma MDTM, Dewan Serbaguna/Sukan, Gelanggang Sukan Integrasi, Rumah Tamu, Kediaman Pegawai Satu (1) dan Kediaman Pegawai Dua (2). Wisma MDTM dan Dewan Serbaguna/Sukan telah dikeluarkan CCC oleh pihak Arkitek pada 13

Jun 2016 manakala empat (4) komponen balasan lagi dikeluarkan CCC pada 13 November 2017. Komponen balasan kepada MDTM dan status siap sehingga bulan Disember 2017 adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 3.2
KOMPONEN PROJEK FASA 1 DAN FASA 2

BIL.	KOMPONEN BALASAN	STATUS KEMAJUAN (%)	STATUS SERAHAN HAK MILIK	TARIKH CCC
PROJEK FASA 1				
1.	108 Lot Perniagaan/Komersial	100	Hak Milik Pemaju	1 Februari 2016
2.	Satu (1) Unit Wisma MDTM (Pejabat) Termasuk Kelengkapan	100	Telah Diserahkan Kepada MDTM	13 Jun 2016
3.	Dewan Serbaguna/Sukan	100	Telah Diserahkan Kepada MDTM	13 Jun 2016
4.	Gelanggang Sukan Intergrasi	100	Telah Diserahkan Kepada MDTM	13 November 2017
5.	Rumah Tamu	100	Telah Diserahkan Kepada MDTM	13 November 2017
6.	Kediaman Pegawai Satu (1)	100	Telah Diserahkan Kepada MDTM	13 November 2017
7.	Kediaman Pegawai Dua (2)	100	Telah Diserahkan Kepada MDTM	13 November 2017
PROJEK FASA 2				
1.	44 Lot Perniagaan/Komersial	Belum Dibina	-	-
2.	Dua (2) Lot Perniagaan/ Komersial	Belum Dibina	-	-

Sumber: Laporan Kemajuan Projek

GAMBAR 3.3



Wisma MDTM
-Telah Diterima oleh MDTM
(15.01.2018)

GAMBAR 3.4



Dewan Serbaguna MDTM
-Telah Diterima oleh MDTM
(15.01.2018)

GAMBAR 3.5



Gelanggang Sukan Integrasi
-Telah Diterima oleh MDTM
(15.01.2018)

GAMBAR 3.6



Kediaman Pegawai 1
-Telah Diterima oleh MDTM
(15.01.2018)

GAMBAR 3.7



Rumah Tamu
-Telah Diterima oleh MDTM
(15.01.2018)

GAMBAR 3.8



Kediaman Pegawai 2
-Telah Diterima oleh MDTM
(15.01.2018)

- d. Mengikut dokumen kontrak, projek pembangunan Fasa 2 yang terdiri daripada pembinaan 44 lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat dan komponen balasan kepada MDTM iaitu dua (2) lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat perlu disiapkan dalam tempoh 60 bulan daripada tarikh kelulusan pelan bangunan. Semakan Audit sehingga bulan Disember 2017 mendapati projek Fasa 2 masih belum dimulakan. Didapati tarikh memulakan projek Fasa 2 tidak dapat ditentukan kerana pelan bangunan masih belum dikemukakan untuk kelulusan. Berdasarkan keputusan mesyuarat antara pihak pemaju, MDTM dan UPEN yang diadakan pada 6 Disember 2017, projek Fasa 2 hanya akan dimulakan setelah kontrak tambahan dimuktamadkan. Tapak projek Fasa 2 adalah seperti di gambar berikut.

GAMBAR 3.9



Tapak Projek Fasa 2
-Lokasi Tapak Bagi Pembinaan Bangunan
Perniagaan/Komersial
(15.01.2018)

GAMBAR 3.10



Tapak Projek Fasa 2
-Lokasi Tapak Bagi Pembinaan Bangunan
Perniagaan/Komersial
(15.01.2018)

3.6.1.2. Pencapaian Prestasi Balasan Kepada MDTM

- a. Mengikut Dokumen Kontrak, sebagai balasan kepada MDTM, pemaju perlu membayar premium tanah kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM1.1 juta yang akan dibayar pada tarikh kontrak ditandatangani bersekali dengan penyerahan tiga (3) unit kenderaan iaitu dua (2) unit jenis Hilux dan satu (1) unit jenis lori *Tailift*. Pemaju juga bersetuju untuk menyerahkan lot-lot serahan kepada MDTM dan lain-lain balasan dalam bentuk *in kind* kepada MDTM seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.3
BALASAN *IN KIND* YANG PERLU DITERIMA OLEH MDTM

BIL.	KETERANGAN	NILAI (RM Juta)	STATUS PENYERAHAN NILAI BALASAN (RM Juta)	CATATAN
1.	Satu (1) Unit Wisma MDTM (Pejabat) Termasuk Kelengkapan	4.9	4.9	CCC pada 13.06.2016
2.	Dua (2) Unit Lot Perniagaan/Komersial Tiga (3) Tingkat	1.6	-	-
3.	Satu (1) Unit Dewan Serbaguna/Sukan	3.5	3.5	CCC pada 13.06.2016
4.	Satu (1) Unit Gelanggang Sukan Integrasi	0.5	0.5	CCC pada 13.11.2017
5.	Satu (1) Unit Masjid (Naik Taraf)	0.3	0.3	Dibayar pada 04.09.2012
6.	Dua (2) Unit Kediaman Pegawai dan Satu (1) Unit Rumah Tamu (Gantian)	1.0	1.0	CCC pada 13.11.2017
7.	Satu (1) Unit Kantin MDTM dan Satu (1) Unit Rumah Perkumpulan Perempuan Tanah Melayu (Gantian)	0.3	0.3	Dibayar pada 04.09.2012
8.	Tiga (3) Unit Kenderaan (Dua (2) Unit Hilux dan Satu (1) Unit Lori <i>Tailift</i>)	0.3	0.3	Dibayar pada 04.09.2012
9.	Bayaran Premium Tanah	1.1	1.1	Dibayar pada 03.09.2012
JUMLAH		13.5	11.9	

Sumber: Dokumen Kontrak dan Laporan Kemajuan Kerja

- b. Semakan Audit terhadap pencapaian prestasi balasan sehingga bulan Disember 2017 mendapati sejumlah RM11.9 juta daripada RM13.5 juta (88.15%) nilai balasan telah diterima oleh MDTM/Kerajaan Negeri. Didapati balasan yang diterima oleh MDTM dalam Fasa 1 adalah Wisma MDTM bernilai RM4.9 juta, Dewan Serbaguna MDTM bernilai RM3.5 juta, Gelanggang Sukan Integrasi bernilai RM0.5 juta, dua (2) unit kediaman pegawai dan satu (1) unit rumah tamu bernilai RM1.0 juta
- c. Bagi bayaran bentuk tunai, nilai premium tanah sejumlah RM1.1 juta, nilai gantian bagi satu (1) unit Masjid (dinaik taraf) bernilai RM0.3 juta, nilai gantian satu (1) unit Kantin MDTM dan satu (1) unit Rumah Perkumpulan Perempuan Tanah Melayu bernilai RM0.3 juta dan tiga (3) unit kenderaan [dua (2) unit jenis Hilux dan satu (1) unit jenis Lori *Tailift*] bernilai RM0.3 juta telah dibayar kepada MDTM. Perolehan bagi tiga (3) unit kenderaan telah dibuat oleh MDTM dan digunakan untuk Unit Penguatkuasaan dan Jabatan Perancangan Pembangunan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.11



**Kenderaan Jenis Hilux
-Balasan yang Diterima oleh MDTM
(13.12.2017)**

GAMBAR 3.12



**Kenderaan Jenis Hilux
-Balasan yang Diterima oleh MDTM
(13.12.2017)**



GAMBAR 3.13

**Lori Jenis Tailift
-Balasan yang Diterima oleh MDTM
(13.12.2017)**

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga bulan Disember 2017 komponen balasan kepada MDTM yang belum dibina adalah dua (2) lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat bernilai RM1.6 juta. Komponen balasan ini perlu diserahkan setelah siap projek Fasa 2. Bagaimanapun, projek Fasa 2 masih belum dimulakan menyebabkan balasan ini belum diperolehi oleh MDTM.

Maklum Balas MDTM yang Diterima pada 6 Februari 2018

Mesyuarat antara MDTM, pemaju dan UPEN telah diadakan pada 6 Disember 2017 dan bersetuju supaya pemaju menyempurnakan penyerahan dua (2) lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat atau nilai semasa yang bersamaan dengannya kepada MDTM sebagaimana perjanjian asal yang ditandatangani. Balasan ini akan diserahkan dalam projek Fasa 2 dan pemaju dikehendaki menyediakan pindaan Kebenaran Merancang.

Pada pendapat Audit, pencapaian prestasi fizikal dan *in kind* projek telah dilaksana secara cekap kerana projek Fasa 1 telah disiapkan dan kesemua komponen *in kind* telah diserahkan kepada MDTM.


3.6.1.3. Pencapaian Objektif Projek

Objektif projek usaha sama ini ialah menyediakan lot perniagaan/komersial untuk meningkatkan peluang perniagaan dan pekerjaan bagi penduduk, mewujudkan kemudahan awam untuk keselesaan rakyat dan meningkatkan hasil kepada Kerajaan Negeri dan MDTM.

3.6.1.4. Status Operasi Lot Perniagaan/Komersial

Semakan Audit pada bulan Disember 2017 mendapati kesemua komponen balasan kepada pemaju dalam Fasa 1 iaitu 108 lot perniagaan/komersial telah disiapkan di mana 90 lot perniagaan/komersial sudah memulakan operasi perniagaan seperti bank, hotel, kedai serbaneka, kedai runcit dan lain-lain. Keadaan ini telah mewujudkan pelbagai kemudahan dari segi infrastruktur, peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat Negeri Kelantan. Manakala, 18 lot perniagaan/komersial lagi dalam proses pengubahsuaian untuk beroperasi. Lot-lot perniagaan/komersial yang telah disiapkan dan beroperasi adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.14



Blok E Dan F
-Premis Perniagaan/Komersial yang Telah Beroperasi
(15.01.2018)

GAMBAR 3.15



Blok I
-Premis Perniagaan/Komersial yang Telah Beroperasi
(15.01.2018)

3.6.1.5. Penggunaan Kemudahan

Semakan Audit sehingga bulan Disember 2017 mendapati komponen balasan kepada MDTM dari segi ruang pejabat dan kemudahan sukan iaitu Wisma MDTM, Dewan Serbaguna dan Gelanggang Sukan Integrasi telah disiapkan dan diterima dalam tempoh yang ditetapkan. Kakitangan MDTM telah pun berpindah ke Wisma MDTM. Dewan Serbaguna dan Gelanggang Sukan Integrasi telah digunakan oleh penduduk sekitar dan kakitangan jabatan/agensi kerajaan untuk pelbagai acara sosial dan sukan.

3.6.1.6. Peningkatan Hasil Kerajaan

Semakan Audit terhadap rekod MDTM dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan mendapati sehingga bulan Disember 2017, MDTM/Kerajaan Negeri mula mendapat manfaat daripada projek usaha sama ini seperti kutipan cukai,

lesen perniagaan dan tempat letak kereta. Didapati projek usaha sama ini telah mewujudkan tambahan sumber pendapatan kepada MDTM dari segi cukai taksiran, lesen perniagaan dan tempat letak kereta dengan anggaran hasil berjumlah RM613,750 setahun. Pihak MDTM dapat mewujudkan pertambahan 135 lot tempat letak kereta baru yang dapat menjana hasil dianggarkan sejumlah RM311,040 setahun, lesen premis perniagaan RM21,230 setahun, cukai taksiran sejumlah RM241,020 setahun dan hasil sewaan Dewan Serbaguna berjumlah RM25,260. Manakala, kutipan hasil cukai tanah mengikut syarat nyata bangunan perniagaan dianggarkan bertambah sejumlah RM15,200 setahun adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.4
HASIL TAHUNAN KERAJAAN NEGERI DAN MDTM

BIL.	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Tempat Letak Kereta	311,040
2.	Lesen Premis Perniagaan	21,230
3.	Cukai Taksiran	241,020
4.	Sewaan Dewan Serbaguna	25,260
5.	Cukai Tanah	15,200
JUMLAH		613,750

Sumber: MDTM dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan

Pada pendapat Audit, projek usaha sama ini telah mencapai objektif yang ditetapkan di mana MDTM, peniaga, penduduk setempat dan pihak kerajaan telah mendapat manfaat.

3.6.2. Pengurusan Projek

3.6.2.1. Penerimaan Wisma MDTM Tanpa Kelengkapan

- a. Mengikut Jadual Ketiga Dokumen Kontrak, antara komponen balasan oleh pemaju kepada MDTM adalah bangunan Wisma MDTM dan bangunan Dewan Serbaguna. Bangunan Wisma MDTM perlu diserahkan oleh pemaju adalah termasuk kelengkapan, manakala Dewan Serbaguna tidak dinyatakan perlu dilengkapi dengan kelengkapan.
- b. Semakan Audit mendapati CCC bagi Wisma MDTM dan Dewan Serbaguna telah dikeluarkan oleh pihak arkitek pada 13 Jun 2016 dan pada masa yang sama kedua-dua bangunan ini diserahkan kepada MDTM. Bagaimanapun, Wisma MDTM diserahkan tanpa kelengkapan seperti perabot dan kelengkapan pejabat.
- c. Mengikut penjelasan oleh Pegawai Penguasa projek, pemaju menganggap butiran kelengkapan yang dimaksudkan adalah kelengkapan bangunan

seperti pendawaian, *plug point* dan suis. Perkataan kelengkapan ditafsir secara berbeza kerana wujud kelemahan di dalam dokumen kontrak yang tidak menyatakan secara spesifik item-item kelengkapan yang perlu disediakan oleh pemaju bagi Wisma MDTM. Pihak MDTM menerima penyerahan Wisma MDTM kosong tanpa kelengkapan dan berpindah dari pejabat lama.

- d. Penerimaan Wisma MDTM tanpa kelengkapan perabot menyebabkan pihak MDTM membelanjakan sejumlah RM0.5 juta untuk penyediaan kelengkapan pejabat dan alat penghawa dingin bagi membolehkan Wisma MDTM digunakan pada bulan Mac 2017.

Maklum Balas MDTM yang Diterima pada 6 Februari 2018

Berdasarkan keputusan mesyuarat yang diadakan pada 6 Disember 2017, pemaju bersetuju untuk membayar kos kelengkapan pejabat dan persetujuan ini dimasukkan dalam kontrak tambahan bagi Fasa 2.

Pada pendapat Audit, pihak MDTM perlu berusaha bagi memastikan pihak pemaju membayar kos penyediaan kelengkapan sebagaimana yang telah dipersetujui dan Dokumen Kontrak Tambahan perlu segera dimuktamadkan dan ditandatangani.

3.6.2.2. Penerimaan Loji Rawatan Kumbahan

- a. Mengikut seksyen 47, Akta 655 iaitu Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, *Sewerage Treatment Plant* (STP) hendaklah dikendalikan oleh badan yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Mengikut Seksyen 28, Penyerahan Sistem Pembentukan, Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Perancangan, Reka Bentuk dan Pembinaan Sistem Pembentukan dan Tangki Septik) 2013, apabila CCC ke atas STP dikeluarkan, pemaju hendaklah menyerahkan STP tersebut kepada badan yang diiktiraf. Mengikut Para 8.3 Artikel VIII Dokumen Kontrak, apabila infrastruktur tersebut siap dibina dan diadakan pemaju hendaklah mengusahakan supaya infrastruktur berkenaan diambil alih oleh pihak berkuasa dan sehingga ia diambil alih, pemaju hendaklah bertanggung jawab bagi menyenggara, mengendali dan memperbaikinya. Berdasarkan dokumen kontrak ini menunjukkan kos pengendalian, penyenggaraan, kerosakan atau kecacatan dan penjagaan STP perlu ditanggung oleh pemaju sehingga sempurna penyerahan kepada badan yang diiktiraf iaitu syarikat Majaari Services Sdn. Bhd. (Majaari).

- b. Semakan Audit mendapati CCC bagi STP projek telah dikeluarkan oleh pihak Arkitek pada 1 Februari 2016. Pemaju tidak menyerahkan STP tersebut kepada Majaari sebaliknya telah menyerahkan kepada MDTM. Keputusan ini diambil kerana Majaari hanya mendapat kelayakan sebagai operator daripada SPAN bermula 1 Julai 2016 dan lanjutan daripada mesyuarat pada 13 Ogos 2015 yang memutuskan supaya STP diambil alih sementara oleh MDTM sehingga Majaari mendapat kelayakan sebagai operator daripada SPAN.
- c. Sehingga bulan Disember 2017, MDTM masih lagi belum menyerahkan STP tersebut kepada Majaari kerana belum memenuhi syarat Majaari iaitu menukar status tanah milik kepada tanah rizab. Kelewatan proses perizaban ini disebabkan pihak MDTM telah memohon status hak milik pada 23 Januari 2014 dan MDTM perlu memohon pembatalan hak milik terlebih dahulu sebelum boleh memohon status rizab seperti yang disyaratkan oleh Majaari. MDTM telah memohon pembatalan permohonan hak milik pada 6 Julai 2017 dan seterusnya memohon perizaban pada tapak STP pada 23 Julai 2017. Status terkini permohonan perizaban masih dalam proses kelulusan Mesyuarat Hal Ehwal Tanah Negeri.
- d. Memandangkan MDTM menerima penyerahan STP ini, MDTM perlu menanggung kos penyenggaraan bulanan STP dan kos elektrik bagi tempoh penerimaan STP sehingga proses penyerahan kepada Majaari selesai. Bagi tempoh bermula bulan April 2016 hingga Februari 2017, MDTM telah membayar sejumlah RM29,150 kepada Majaari sebagai kos penyenggaraan bulanan. Manakala kos elektrik bagi pengendalian operasi STP bagi tempoh dari bulan Mac 2016 hingga Disember 2017 sejumlah RM53,803 ditanggung oleh MDTM. MDTM telah memutuskan untuk menghentikan bayaran kepada Majaari bagi perkhidmatan penyenggaraan bermula bulan Mac 2017 kerana tidak berpuas hati dengan mutu kerja penyenggaraan berbanding bayaran yang dibuat. Setelah penyenggaraan bulanan dihentikan menyebabkan peralatan seperti pam, *belting* dan *mixer* telah dikesan rosak oleh Majaari pada bulan September 2017 semasa pemeriksaan untuk tujuan penyerahan.

Maklum Balas MDTM yang Diterima pada 6 Februari 2018

Pihak MDTM bercadang memasukkan kos ganti rugi ini kepada pemaju dalam kontrak tambahan Fasa 2.

Pada pendapat Audit, pihak MDTM wajar menerima serahan STP oleh pemaju. Bagaimanapun MDTM perlu mengenakan caj perkhidmatan pembentungan kepada pengguna dan memastikan perizaban tanah tapak

STP diselesaikan dengan segera supaya penyerahan loji rawatan kumbahan kepada Majaari dapat dilaksanakan.

3.6.2.3. Pindaan Syarat Kontrak Selepas Projek Dilaksanakan

- a. Mengikut Dokumen Kontrak yang ditandatangani pada 27 Ogos 2012, Kerajaan Negeri dan MDTM akan menerima lot-lot serahan dan lain-lain balasan *in kind* bernilai RM13.5 juta daripada pemaju sebagai balasan menyerahkan tanah seluas 19.5 ekar di mana pemaju akan membangunkan sebanyak 134 lot perniagaan/komersial.
- b. Semakan Audit terhadap kelulusan pelan susun atur yang diluluskan pada 13 Ogos 2013 mendapati jumlah lot perniagaan/komersial yang boleh dibina telah bertambah sebanyak 18 lot kepada 152 lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat berbanding 134 lot dalam Dokumen Kontrak. Bagaimanapun, pertambahan 18 lot perniagaan/komersial ini tidak disediakan kontrak tambahan.
- c. Didapati pada 30 April 2013, pihak MDTM telah membuat permohonan penilaian semula balasan pemaju kepada Kerajaan Negeri dan MDTM. Penilaian semula yang dipohon oleh MDTM berdasarkan keuntungan jualan 18 lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat yang merupakan lot tambahan mengikut nisbah 30:70 daripada nilai jualan di mana 30% adalah untuk MDTM dan 70% adalah untuk pemaju.
- d. Selain itu, MDTM juga memohon pertambahan balasan iaitu empat (4) lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat berjumlah RM3.2 juta (RM0.8 juta x 4 lot) serta bayaran tunai sebanyak RM1.1 juta. Bagaimanapun, pihak pemaju tidak bersetuju mempertimbangkan perkara tersebut dengan alasan telah membayar tambahan premium tanah sebanyak RM0.73 juta disebabkan pertambahan 18 lot perniagaan/komersial tersebut.
- e. Berdasarkan keputusan mesyuarat antara pemaju, MDTM dan UPEN yang telah diadakan pada 6 Disember 2017, perubahan balasan perlu dimuktamadkan semula melalui perjanjian tambahan yang akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Mengikut keputusan mesyuarat, perjanjian tambahan perlu mengambil kira:
 - i. pengurangan lot perniagaan Fasa 2 iaitu jumlah pembinaan lot perniagaan/komersial daripada 44 kepada 40 lot menjadikan jumlah pertambahan lot Fasa 1 dan 2 berkurangan daripada 18 lot kepada 14 lot;

- ii. perubahan pelan bangunan di Fasa 2 daripada lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat kepada dua (2) tingkat;
 - iii. bayaran berupa balasan bagi kelengkapan pejabat Wisma MDTM berjumlah RM500,000;
 - iv. dua (2) unit lot perniagaan/komersial tiga (3) tingkat atau balasan tunai sama nilai dengannya mengikut harga semasa; dan
 - v. kos pembaikan bagi kerosakan sebelum dan semasa tempoh kecacatan bagi STP ditanggung oleh pemaju.
- f. Sehingga tarikh *exit conference* pada 13 Februari 2018, jumlah balasan pemaju kepada MDTM dan Kerajaan Negeri belum dimuktamadkan dalam bentuk kontrak tambahan. Pihak Audit telah menyemak status tapak projek Fasa 2 dengan Pentadbir Tanah dan mendapati ianya masih dimiliki oleh MDTM. Oleh itu, MDTM mempunyai kelebihan dalam memastikan pihak pemaju bersetuju dengan permohonan tersebut memandangkan MDTM berkuasa ke atas tanah ini.

Maklum Balas MDTM yang Diterima pada 6 Februari 2018

Berdasarkan keputusan mesyuarat pada 6 Disember 2017, pengiraan baru akan dibuat dengan mengambil kira perubahan komponen dan akan dimuktamadkan dalam kontrak tambahan projek Fasa 2.

Pada pendapat Audit, MDTM perlu tegas bagi memastikan balasan kepada MDTM dimuktamadkan dalam kontrak tambahan dengan pemaju berdasarkan persetujuan yang dicapai pada mesyuarat yang diadakan pada 6 Disember 2017.

3.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan projek usaha sama Fasa 2 dilaksanakan dengan lebih cekap, berkesan dan mencapai objektif ditetapkan, beberapa syor dikemukakan untuk penambahbaikan seperti berikut:

- 3.7.1. memastikan kontrak tambahan bagi pelaksanaan Fasa 2 dimuktamadkan dengan mengambil kira bayaran balik terhadap penyediaan kelengkapan pejabat Wisma MDTM, kos tambahan yang sepatutnya ditanggung oleh pemaju dan komponen balasan kepada MDTM seperti dipersetujui dalam mesyuarat;

3.7.2. memastikan dokumen kontrak adalah lengkap dan jelas supaya tidak wujud pertikaian dan proses penerimaan/penyerahan komponen balasan dan kos dapat diselesaikan dengan cekap; dan

3.7.3. memastikan urusan serahan STP segera dimuktamadkan oleh MDTM dan Majaari bagi mengelakkan penyenggaraan dapat terus dilakukan.

4. PENGENDALIAN DAN PENYENGGARAAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN AWAM DI NEGERI KELANTAN OLEH MAJAARI SERVICES SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Perkhidmatan pembetungan di Negeri Kelantan terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu sistem pembetungan bersambung terus ke loji rawatan kumbahan (LRK) dan tangki septik individu. LRK adalah tempat di mana influen atau air kumbahan dirawat sebelum dilepaskan ke pengairan. Objektif pengendalian dan penyenggaraan LRK adalah untuk memastikan kualiti pelepasan efluen daripada sistem rawatan kumbahan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

4.1.2. Pengendalian LRK dibuat bagi memastikan sistem rawatan kumbahan beroperasi dengan sempurna sepanjang masa mengikut amalan kejuruteraan yang baik. Penyenggaraan LRK pula meliputi penyenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) dan penyenggaraan pembetulan (*corrective maintenance*) yang dilaksanakan semasa tempoh hayat suatu peralatan dengan tujuan untuk mengekalkan fungsi kerja dan operasi bagi mengurangkan kadar kegagalan (*breakdown*) dan kos operasi.

4.1.3. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah diberi kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk memberikan perkhidmatan perbandaran termasuk perkhidmatan pembetungan awam. Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) telah mengambil alih semua sistem pembetungan awam daripada PBT kecuali di Negeri Kelantan, Sabah, Sarawak, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan PBT Pasir Gudang sebaik sahaja Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 (Akta 508) diluluskan.

4.1.4. Majaari Services Sdn. Bhd. (MSSB) telah ditubuhkan pada 14 Disember 2007 dan merupakan syarikat milik penuh Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd. (KUMH) yang dimiliki 100% oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Pada 25 Mac 2009, Kerajaan Negeri Kelantan telah melantik Majaari Services Sdn. Bhd (MSSB) untuk mengambil alih pengurusan perkhidmatan pembetungan termasuk lapan (8) LRK awam daripada PBT di Negeri Kelantan. Antara fungsi dan skop perkhidmatan MSSB adalah mengurus dan menyenggara semua loji rawatan kumbahan awam di seluruh negeri Kelantan, perkhidmatan pengosongan tangki septik, Agensi Perakuan Pembetungan (APP) bagi pihak

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan perkhidmatan membersihkan sumbatan.

4.1.5. Pada bulan Januari 2010, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pinjaman mudah (*soft loan*) berjumlah RM30 juta kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Kerajaan Negeri kemudiannya telah menandatangani perjanjian dengan KUMH dan MSSB untuk membiayai projek membaik pulih lapan (8) LRK yang kritikal. MSSB telah melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja baik pulih dan naik taraf LRK ini dan siap sepenuhnya pada tahun 2013. Pengendalian dan penyenggaraan LRK dilaksanakan oleh kontraktor sepanjang tempoh tanggungan kecacatan. Senarai LRK yang terlibat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.1
SENARAI LOJI RAWATAN KUMBAHAN
AWAM YANG SIAP DIBAIK PULIH PADA TAHUN 2013

BIL.	NAMA LOJI RAWATAN KUMBAHAN	JENIS RAWATAN	KAPASITI (PE*)	
			REKA BENTUK	SEMASA
1.	Taman Desa Kemumin	<i>Aerated Lagoon (AL)</i>	12,500	7,695
2.	Perumahan Jabatan Perumahan Negara (JPN) Padang Tembak	<i>Idea System</i>	3,000	2,945
3.	Taman Kurnia Jaya	<i>Hi-Kleen System</i>	5,000	5,060
4.	Taman Bendahara	<i>Hi-Kleen System</i>	2,500	1,200
5.	Taman Tanjung Chat	<i>Extended Aeration (EA)</i>	3,000	1,700
6.	Bandar Baru Kubang Kerian	<i>Extended Aeration (EA)</i>	11,500	10,480
7.	Taman Desa Darul Naim	<i>Aerated Lagoon (AL)</i>	5,000	3,800
8.	Flat Buluh Kubu	<i>Conventional Activated Sludge (CAS)</i>	5,000	2,190

Sumber: MSSB

Nota: PE - *Population Equivalent*

4.1.6. Pada tahun 2014, MSSB telah menjalankan kerja-kerja pengendalian dan penyenggaraan di lapan (8) LRK berkenaan bagi pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) tanpa boleh mengenakan bayaran atas perkhidmatan tersebut. Pada 29 Jun 2016, SPAN telah meluluskan Lesen Individu (Perkhidmatan Pembetulan) kepada MSSB berkuat kuasa dari tarikh 1 Julai 2016 hingga 30 Jun 2019. Dengan adanya lesen ini, MSSB boleh mengenakan bayaran kepada pihak yang membuat penyambungan LRK awam yang diselia oleh MSSB.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengendalian dan penyenggaraan loji rawatan kumbahan awam di Negeri Kelantan telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini tertumpu kepada pengendalian dan penyenggaraan LRK awam di Negeri Kelantan bagi tempoh dari tahun 2014 hingga bulan Februari 2017. Pengauditan ini telah dijalankan di Pejabat MSSB meliputi dua (2) bidang utama (*key area*) iaitu prestasi pengendalian dan penyenggaraan LRK awam, tarif dan caj pembedaan serta pemantauan. Lawatan fizikal telah dijalankan di tiga (3) LRK awam iaitu LRK Perumahan JPN Padang Tembak, LRK Taman Desa Kemumin dan LRK Taman Tanjung Chat.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan pengendalian dan penyenggaraan LRK awam. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang berkaitan serta lawatan fizikal juga turut diadakan untuk mendapat gambaran yang jelas mengenai perkara-perkara yang diaudit.

4.5. RUMUSAN AUDIT

4.5.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mei 2017 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Prestasi Pengendalian dan Penyenggaraan LRK Awam

Pengendalian dan penyenggaraan LRK awam di Negeri Kelantan telah diuruskan dengan berkesan kerana kesemua LRK awam yang dilawati menunjukkan komponen rawatan berfungsi dalam julat yang normal dan merekodkan tahap pematuhan standard pelepasan efluen kumbahan hampir 100% bagi tempoh tahun 2015 hingga bulan Januari 2017. Bagaimanapun, MSSB masih bergantung kepada geran kewangan daripada kerajaan negeri untuk membiayai kos pengendalian dan penyenggaraan LRK awam di mana tanpa geran tersebut, MSSB akan mengalami kerugian.

b. Pengurusan Pengendalian dan Penyenggaraan LRK Awam

Pengendalian dan penyenggaraan LRK awam daripada aspek pengambilalihan LRK awam, kawalan keselamatan serta keselamatan dan kesihatan, pengurusan perolehan dan pemantauan telah diuruskan dengan cekap dan teratur. Bagaimanapun, terdapat kelemahan daripada aspek pengendalian dan penyenggaraan LRK yang meliputi pengambilan sampel efluen kumbahan, *planned preventive maintenance* dan tunggakan caj pembedaan yang boleh menjejaskan kecekapan pengurusan LRK.

4.5.2. Antara penemuan Audit yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri dan MSSB adalah seperti berikut:

- a. kebergantungan kepada geran Kerajaan Negeri Kelantan untuk penyenggaraan peralatan LRK awam yang telah diambil alih;
- b. pensampelan efluen kumbahan hanya dilaksanakan sebulan sekali berbanding setiap minggu yang ditetapkan dalam peraturan Jabatan Alam Sekitar untuk LRK awam yang mempunyai kapasiti melebihi 5,000 PE;
- c. *planned preventive maintenance* untuk peralatan di LRK awam tidak disediakan dan dilaksanakan; dan
- d. tunggakan kutipan caj pembetulan yang tinggi iaitu RM272,279 (94.1%) daripada RM289,344 bil pembetulan sehingga akhir tahun 2016.

4.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas MSSB telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 21 Ogos 2017. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan berikut:

4.6.1. Prestasi Pengendalian dan Penyenggaraan Loji Rawatan Kumbahan Awam

Prestasi pengendalian dan penyenggaraan LRK awam telah dinilai berdasarkan tiga (3) komponen utama iaitu kualiti pelepasan efluen kumbahan, prestasi fungsi rawatan dan prestasi kewangan. Semakan dan analisis Audit terhadap tiga (3) komponen utama ini mendapati perkara seperti berikut:

4.6.1.1. Kualiti Pelepasan Efluen Kumbahan

- a. Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 (PPKAS) telah menetapkan dua (2) standard untuk pelepasan efluen untuk LRK awam yang dibina antara tahun 1999 hingga 2009 seperti **Jadual 4.2**. Standard A merujuk kepada efluen kumbahan yang dilepaskan ke hulu sungai sebelum tempat pengambilan air mentah untuk rawatan air minum dan Standard B pula merujuk kepada efluen kumbahan yang dilepaskan ke hilir sungai selepas tempat pengambilan air mentah untuk rawatan air minum. Kesemua LRK awam di bawah kendalian MSSB adalah tertakluk kepada Standard B.

JADUAL 4.2
STANDARD PELEPASAN EFLUEN KUMBAHAN YANG PERLU
DIPATUHI BAGI LRK AWAM YANG DIBINA ANTARA TAHUN 1999 HINGGA 2009

PARAMETER	STANDARD (mg/L)	
	A	B
<i>Biological Oxygen Demand (BOD)</i>	20	50
<i>Chemical Oxygen Demand (COD)</i>	120	200
Pepejal Terampai (TSS)	50	100
Minyak dan Gris (O&G)	20	20
<i>Nitrogen Ammonia (AN)</i>	50	50

Sumber: Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 (Pelepasan Efluen ke Sungai/Saluran Air)

- b. Semakan Audit terhadap 200 keputusan ujian pensampelan yang telah dijalankan oleh makmal berakreditasi yang dilantik oleh MSSB bagi tempoh dari tahun 2015 hingga bulan Januari 2017 mendapati tahap pencapaian pematuhan kualiti pelepasan efluen adalah 100% kecuali 99.8% pada tahun 2015 seperti jadual berikut:

JADUAL 4.3
PENCAPAIAN PEMATUHAN KUALITI EFLUEN LRK AWAM
BAGI TEMPOH DARI TAHUN 2015 HINGGA BULAN JANUARI 2017

TAHUN	PENCAPAIAN PEMATUHAN PARAMETER					BIL. PENSAMPELAN	KESELURUHAN (%)
	BOD (%)	COD (%)	TSS (%)	O & G (%)	AN (%)		
2015	100	100	100	99	100	96	99.8
2016	100	100	100	100	100	96	100
Januari 2017	100	100	100	100	100	8	100

Sumber: MSSB

- c. MSSB menjelaskan ketidakpatuhan kualiti efluen bagi parameter minyak dan gris telah berlaku pada bulan Mac 2015 di LRK Taman Kurnia Jaya di mana bacaan adalah 188.00 mg/L berbanding standard yang ditetapkan iaitu 20 mg/L. Bagaimanapun, ketidakpatuhan terhadap parameter minyak dan gris tidak berlaku bermula bulan April 2015 hingga Januari 2017 di mana bacaan normal sepanjang tahun adalah antara 0.50 mg/L hingga 5.30 mg/L. Punca sebenar ketidakpatuhan ini masih tidak dapat dikenal pasti.

4.6.1.2. Prestasi Fungsi Rawatan

- a. Peraturan 5(1), PPKAS menetapkan pemunya atau penghuni mana-mana premis hendaklah menyenggara sistem pengolahan kumbahan mengikut amalan kejuruteraan yang baik iaitu ciri-ciri pengendalian disenggarakan dalam nilai julat normal yang biasa digunakan dan memastikan bahawa semua komponen sistem pengolahan dalam keadaan yang baik. Pematuhan kualiti efluen LRK awam perlu diawasi setiap masa dengan penggunaan alat pengukuran *in-house*. Pemerhatian keadaan proses rawatan juga mampu memberikan petunjuk prestasi pengendalian loji.

- b. Semakan Audit terhadap *Inspection Feedback Report* bagi LRK Taman Desa Kemumin, LRK Perumahan JPN Padang Tembak dan LRK Taman Tanjung Chat mendapati pengawalan fungsi rawatan LRK awam tidak dilaksanakan mengikut amalan yang baik kerana parameter kawalan proses seperti Aras Air, *Mixed Liquor Suspended Solid* (MLSS), *Sludge Volume Index*, Lapisan Kedalaman *Sludge*, *Food and Microbiology* (F/M) serta *Sludge Age* tidak direkodkan. Bagaimanapun, lawatan Audit ke LRK berkenaan mendapati kesemua komponen rawatan berfungsi dalam julat yang normal di mana warna air di tangki pengudaraan adalah normal (coklat) dan warna efluen adalah jernih, tiada bau yang tidak menyenangkan terhasil semasa proses rawatan dan aduan terhadap fungsi rawatan LRK awam tidak diterima seperti gambar berikut:

GAMBAR 4.1



LRK Perumahan JPN Padang Tembak
- Warna Kumbahan yang Normal di Tangki Pengudaraan
(28.02.2017)

GAMBAR 4.2



LRK Taman Tanjung Chat
- Warna Air yang Jernih di Kebuk Efluen
(28.02.2017)

Maklum Balas MSSB yang Diterima pada 5 September 2017

MSSB telah menambah baik sistem pengoperasian LRK awam dengan menyediakan peralatan untuk mengukur Sludge Volume Index, Mixed Liquor Suspended Solid, Dissolved Oxygen, pH, suhu dan Conductivity. Inspection Feedback Report juga telah ditambahbaik dengan menambah kolum untuk "In Situ Test". MSSB juga bercadang untuk memulakan kawalan proses bagi LRK awam yang berkapasiti melebihi 10,000 PE dahulu sebelum dibuat secara meluas ke LRK awam lain.

Pada pendapat Audit, pengendalian dan penyenggaraan LRK awam telah diuruskan dengan cekap dan berkesan kerana kesemua komponen rawatan berfungsi dalam julat yang normal dan mampu merawat kumbahan mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

4.6.1.3. Prestasi Kewangan

MSSB telah menerima geran daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM1.76 juta dan telah membelanjakan sejumlah RM1.78 juta untuk kos pengendalian dan penyenggaraan LRK awam bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 seperti **Jadual 4.4**. Pada tahun 2014 dan 2016, geran yang diterima oleh MSSB tidak mencukupi bagi menampung kos penyenggaraan di mana MSSB telah menggunakan sumber kewangannya sendiri untuk menampung kekurangan tersebut.

JADUAL 4.4
KOS PENGENDALIAN DAN PENYENGGAARAAN
LOJI BAGI TEMPOH DARI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	GERAN KERAJAAN NEGERI (RM)	KOS PENYENGGAARAAN (RM)	LEBIHAN/(KURANGAN) (RM)
2014	558,817	576,539	(17,722)
2015	599,000	579,994	19,006
2016	599,000	619,704	(20,704)
JUMLAH	1,756,817	1,776,237	(19,420)

Sumber: MSSB

- a. **Jadual 4.4** menunjukkan kos pengendalian dan penyenggaraan LRK awam menunjukkan trend yang meningkat dari tahun ke tahun di mana telah meningkat sejumlah RM43,165 (7.5%) iaitu daripada RM576,539 pada tahun 2014 kepada RM619,704 pada tahun 2016. Kos pengendalian dan penyenggaraan LRK awam meliputi kos elektrik, air, pensampelan, alat ganti dan peralatan, insurans, kawalan keselamatan serta pembaikan dan ubah suai. Analisis Audit selanjutnya mendapati komponen kos pengendalian dan penyenggaraan yang paling tinggi adalah kos elektrik dan tenaga kerja yang terdiri daripada purata 60.4% dan 16.8% masing-masing bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.5
KOS TERPERINCI PENGENDALIAN DAN
PENYENGGAARAAN LRK AWAM BAGI TEMPOH DARI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	KOS ELEKTRIK (RM)	KOS TENAGA KERJA (RM)	KOS PENSAMPELAN DAN PENYENGGAARAAN (RM)	KOS AIR DAN KAWALAN KESELAMATAN (RM)	JUMLAH (RM)
2014	374,542	93,364	40,738	67,895	576,539
2015	313,671	90,167	96,740	79,416	579,994
2016	383,802	115,593	45,886	74,423	619,704
JUMLAH	1,072,015 (60.4%)	299,124 (16.8%)	183,364 (10.3%)	221,734 (12.5%)	1,776,237

Sumber: MSSB

- b. Menurut MSSB, geran daripada Kerajaan Negeri digunakan untuk membiayai kos pengendalian dan penyenggaraan LRK awam. Keuntungan

hanya mampu dicapai oleh MSSB melalui aktiviti lain seperti perkhidmatan pengosongan tangki septik (*desludging*), Agensi Perakuan Pembetungan, penyenggaraan loji rawatan kumbahan persendirian dan juga pembersihan sumbatan. MSSB telah memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM164,850, RM22,586 dan RM290,262 masing-masing pada tahun 2014, 2015 dan 2016.

Pada pendapat Audit, peruntukan Kerajaan Negeri untuk membiayai kos pengendalian dan penyenggaraan LRK awam telah dibelanjakan mengikut tujuan asal pemberian. Bagaimanapun, dengan kos pengendalian dan penyenggaraan yang meningkat tahun demi tahun, MSSB masih bergantung kepada bantuan geran kerajaan negeri.

4.6.2. Pengendalian Loji Rawatan Kumbahan Awam

Peraturan 5(1), PPKAS telah menetapkan supaya pengendalian dan penyenggaraan LRK hendaklah dibuat mengikut amalan kejuruteraan yang baik. Komponen pengendalian dan kawalan proses LRK secara umumnya melibatkan beberapa jenis pengukuran seperti pengukuran aras air, kandungan oksigen terlarut, bacaan pH dan sebagainya. Selain daripada itu, prestasi keadaan rawatan juga dapat dikenal pasti melalui pemerhatian terhadap warna kumbahan dalam loji pengudaraan.

4.6.2.1. Rekod Inventori dan Maklumat LRK Awam

Peraturan 20, PPKAS menetapkan pemunya atau penghuni premis yang dilengkapi dengan sistem pengolahan kumbahan hendaklah menyelenggara rekod pengendalian, penyenggaraan dan pemantauan prestasi sistem pengolahan kumbahan. Bagi melengkapi rekod tersebut, daftar aset dan inventori yang lengkap perlu disediakan terlebih dahulu. Semakan Audit di tiga (3) LRK awam yang dilawati mendapati MSSB telah menyelenggara Daftar Aset dan Inventori dengan lengkap dan kemas kini dengan maklumat seperti nombor aset dan inventori, nombor pendaftaran, lokasi peralatan dan PE semasa.

4.6.2.2. Proses Pengendalian

- a. Seksyen 43, Akta 655 memperuntukkan pemegang lesen pembetungan awam mempunyai kewajipan untuk mengendali dan menyelenggarakan sistem pembetungan awam. Bagi mengendali LRK dengan baik, perancangan melalui prosedur pengendalian perlu dibuat terlebih dahulu. Pengendalian adalah kawalan proses LRK yang perlu dijalankan mengikut amalan kejuruteraan berpandukan *Manual Standard of Operating Procedure* (SOP) bagi tujuan pemantauan. *Proposal, Design, Construction* (PDC) 8f

(dokumentasi) dalam *Malaysian Sewerage Industries Guidelines Vol. 2* telah menggariskan semua LRK yang telah siap dibina disediakan Manual SOP bagi tujuan pengendalian dan penyenggaraan.

- b. Semakan Audit mendapati secara umumnya, MSSB sebagai pemegang lesen pembetulan awam di Negeri Kelantan telah mengendalikan LRK awam melalui lawatan rutin dengan menggunakan *Inspection Feedback Report* yang meliputi pemeriksaan peralatan, pemeriksaan proses dan keadaan umum LRK. Operator LRK telah menyemak keadaan peralatan, proses rawatan dan keadaan umum LRK semasa lawatan rutin iaitu sebanyak dua (2) kali seminggu dan disahkan oleh penyelia. Semakan Audit juga mendapati kerja lawatan rutin dan penyeliaan di tiga (3) LRK awam yang dilawati telah dilaksanakan oleh kakitangan yang berwibawa dan kompeten bagi memastikan semua komponen sistem rawatan dalam keadaan baik.

4.6.2.3. Kekerapan Pensampelan Efluen

- a. Peraturan 10, PPKAS menghendaki pemunya yang membuang kumbahan ke atas atau ke dalam mana-mana tanah atau ke dalam mana-mana perairan hendaklah dengan perbelanjaan sendiri memantau kepekatan parameter dan mengemukakan rekod data pemantauan tersebut kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS). Jadual Kelima, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 telah memperuntukkan kekerapan pensampelan untuk loji yang melebihi 5,000 PE adalah setiap minggu. Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini telah melakukan suatu kesalahan dan JAS boleh mengenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih lima (5) tahun boleh dikenakan terhadap pihak berkenaan di bawah Peraturan 26, PPKAS.
- b. MSSB telah melaksanakan pensampelan untuk setiap LRK awam dengan menggunakan khidmat makmal berakreditasi dan keputusan pensampelan dimaklumkan kepada JAS. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap rekod pensampelan bagi LRK Taman Desa Kemumin, LRK Taman Kurnia Jaya dan LRK Bandar Baru Kubang Kerian yang berkapasiti semasa melebihi 5,000 PE didapati pensampelannya hanya dilaksanakan satu (1) kali sahaja untuk setiap bulan bagi tempoh dari tahun 2015 hingga bulan Januari 2017. Ini adalah disebabkan oleh kekangan kewangan di mana pihak MSSB memaklumkan anggaran kos pensampelan bagi enam (6) LRK dengan kekerapan empat (4) kali sebulan adalah berjumlah RM6,360 berbanding RM1,590 sebulan sekiranya dibuat sekali sahaja dalam sebulan. Dengan kadar empat (4) kali sebulan akan melibatkan pertambahan perbelanjaan

sebanyak RM57,240 setahun untuk enam (6) LRK awam yang melebihi 5,000 PE ini.

Pada pendapat Audit, pengendalian LRK awam masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan dengan mematuhi kekerapan ujian pensampelan efluen seperti yang ditetapkan dalam PPKAS. Kegagalan untuk mematuhi peraturan tersebut boleh menyebabkan MSSB dikenakan denda atau penjara.

4.6.3. Penyenggaraan Loji Rawatan Kumbahan Awam

Aktiviti penyenggaraan LRK awam merangkumi pelbagai aspek bermula dari kawasan penerimaan kumbahan di pra-rawatan hingga pelepasan efluen. Semakan Audit terhadap penyenggaraan LRK awam yang dilawati mendapati perkara seperti berikut:

4.6.3.1. *Standard Operating Procedure* Penyenggaraan

Peraturan 5(1), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 memperuntukkan seseorang pemunya atau penghuni mana-mana premis hendaklah mengendalikan dan menyenggara sistem pengolahan kumbahan mengikut amalan kejuruteraan yang baik bagi pengolahan kumbahan dan memastikan bahawa semua komponen sistem pengolahan dalam keadaan yang baik. Pada 29 Mac 2017, melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Syarikat MSSB, *Standard Operating Procedure* (SOP) Penyenggaraan LRK awam dan Stesen Pam telah diluluskan.

4.6.3.2. Penyenggaraan Pencegahan

Berdasarkan SOP MSSB perenggan 1, bilangan MSSB/OPS/SPK-05 menyatakan supaya penyenggaraan LRK dilaksanakan mengikut jadual penyenggaraan yang dirancang (*planned preventive maintenance*) bagi memastikan LRK dapat beroperasi dan berfungsi dengan baik. Penyenggaraan pencegahan perlu dibuat terhadap setiap peralatan dan komponen LRK. Melalui penyenggaraan pencegahan, kerosakan dapat dikenal pasti sebelum terjadi dan mampu mengurangkan kos pembaikan. Setiap peralatan akan disenggara mengikut tempoh *hour run counter* ataupun selama mana digunakan. Semakan Audit mendapati MSSB tidak menyediakan dan melaksanakan *planned preventive maintenance* (PPM) terhadap peralatan mahupun komponen yang terdapat dalam LRK walaupun terdapat rekod *hour run counter* di dalam *Inspection Feedback Report*. Kegagalan MSSB melaksanakan PPM berpotensi mengurangkan jangka hayat dan meningkatkan risiko kerosakan peralatan LRK.

Maklum Balas MSSB yang Diterima pada 5 September 2017

MSSB bercadang untuk menyusun semula pasukan pengendalian dan penyenggaraan LRK. Terdapat satu (1) unit di bawah penyusunan semula ini yang akan bertanggungjawab untuk menyenggara setiap peralatan mekanikal dan elektrik. Sebagai permulaan, pihak MSSB telah menyediakan Senarai Semak Penyenggaraan Peralatan.

Pada pendapat Audit, walaupun LRK awam yang diambil alih dapat mematuhi standard pelepasan kualiti efluen kerana telah menjalani kerja baik pulih dan naik taraf pada tahun 2013, namun *planned preventive maintenance* yang tidak disedia dan dilaksanakan berpotensi menjejaskan fungsi kerja dan jangka hayat komponen peralatan serta kecekapan pengendalian dan penyenggaraan LRK awam pada masa akan datang.

4.6.3.3. Penyenggaraan Pembetulan

- a. Definisi umum penyenggaraan pembetulan (*corrective maintenance*) adalah proses tindakan pembaikan, pembetulan atau pemulihan untuk mengembalikan fungsi asal apabila berlaku kerosakan/kegagalan. Penyenggaraan pembetulan dilaksanakan bila berlaku kerosakan atau kegagalan berfungsi pada mana-mana aset, fasiliti, komponen bangunan atau kemudahan-kemudahan yang berkaitan. MSSB telah menyediakan dua (2) kaedah penyaluran maklumat untuk tindakan penyenggaraan pembetulan iaitu daripada sumber dalaman dan orang awam.
- b. Tindakan penyenggaraan pembetulan daripada sumber dalaman adalah berdasarkan kepada maklumat kerosakan yang dilaporkan dalam *Inspection Feedback Report* oleh Penyelia LRK hasil pemeriksaan rutin yang dijalankan. Semakan Audit terhadap *Inspection Feedback Report* di tiga (3) LRK awam yang dilawati bagi tempoh dari tahun 2015 hingga bulan Februari 2017 secara rambang mendapati kerosakan yang dilaporkan telah diambil tindakan pembaikan. Sampel Audit bagi kerosakan terhadap *Aspirating Aerator No. 5* yang dilaporkan dalam *Inspection Feedback Report* bertarikh 4, 11, 18 dan 25 Ogos 2016 untuk LRK Taman Desa Kemumin telah dibaiki pada 4 September 2016. Tempoh masa yang diambil untuk membaiki kerosakan ini adalah selama 31 hari.
- c. Lawatan Audit ke LRK awam Taman Desa Kemumin, Taman Tanjung Chat, Perumahan JPN Padang Tembak dan Taman Kurnia Jaya pada 28 Februari 2017 mendapati penyenggaraan terhadap struktur bangunan dan loji tidak dilaksanakan secara menyeluruh kerana LRK awam berkenaan

telah dibaiki pulih dan naik taraf dengan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2013. Lawatan Audit mendapati berlaku kerosakan yang perlu dibaiki bagi mengelakkan halangan terhadap pengendalian LRK awam seperti di **Gambar 4.3**, **Gambar 4.5**, **Gambar 4.7**, **Gambar 4.9** dan **Gambar 4.11**. Bagaimanapun selepas teguran Audit, MSSB telah mengambil tindakan pembaikan terhadap perkara yang berbangkit seperti di **Gambar 4.4**, **Gambar 4.6**, **Gambar 4.8**, **Gambar 4.10** dan **Gambar 4.12**. Seterusnya, bagi kerosakan bumbung *Sludge Drying Bed* sejak bulan Januari 2015 di LRK JPN Padang Tembak seperti **Gambar 4.13** masih belum dibaiki. MSSB bercadang untuk menggantikan Bumbung *Sludge Drying Bed* dengan menggunakan *metal deck* yang menelan belanja berjumlah RM33,003. Penggantian akan dibuat setelah peruntukan bagi tahun 2016 oleh Kerajaan Negeri diterima.

GAMBAR 4.3




LRK JPN Padang Tembak
- Kebocoran Air Kumbahan yang Tidak
Dirawat pada Tangki *Grit and Grease*
(28.02.2017)

GAMBAR 4.4



LRK JPN Padang Tembak
- Kebocoran pada Tangki
Grit and Grease Telah Dibaiki
(14.07.2017)
(Sumber: MSSB)

GAMBAR 4.5



LRK JPN Padang Tembak
- Lumut di *Effluent Sump*
(28.02.2017)

GAMBAR 4.6



LRK JPN Padang Tembak
- Lumut di *Effluent Sump*
Telah Dibersihkan
(14.07.2017)
(Sumber: MSSB)

GAMBAR 4.7



LRK Taman Tanjung Chat
- Kawasan LRK Dipenuhi Daun dan Struktur Mekanikal yang Telah Berkarat
(28.02.017)

GAMBAR 4.8



LRK Taman Tanjung Chat
- Kawasan LRK yang Telah Dibersihkan
(14.07.2017)
(Sumber: MSSB)

GAMBAR 4.9



LRK JPN Padang Tembak
- Sampah dan Pasir Dari *Primary Screen* dan *Oil and Grease Chamber* Tidak Dikumpul dan Dilupuskan Dengan Baik
(28 .02.2017)

GAMBAR 4.10



LRK JPN Padang Tembak
- *Primary Screen* dan *Oil and Grease Chamber* Telah Dibersihkan
(14.07.2017)
(Sumber: MSSB)

GAMBAR 4.11



LRK JPN Padang Tembak
- Paip *Desludging* yang Tidak Dipakai/Rosak Tidak Dikemaskan atau Dilupuskan
(28 .02.2017)

GAMBAR 4.12



LRK JPN Padang Tembak
- *Housekeeping* Telah Dibuat
(14.07.2017)
(Sumber: MSSB)



GAMBAR 4.13
LRK JPN Padang Tembak
- Bumbung *Sludge Drying Bed* Berlubang
(28 Februari 2017)

- d. Pihak Audit mendapati MSSB juga telah menyediakan Daftar Aduan untuk merekodkan aduan orang awam berkaitan LRK awam di bawah kendaliannya. Semakan Audit terhadap Daftar Aduan dan fail berkaitan aduan orang awam mendapati tiada aduan diterima berkaitan pengendalian tiga (3) LRK yang dilawati bagi tempoh dari tahun 2015 hingga bulan Februari 2017.

Pada pendapat Audit, kecekapan penyenggaraan LRK awam boleh dipertingkatkan lagi dengan melaksanakan *planned preventive maintenance*.

4.6.4. Tarif dan Caj Pembetulan

4.6.4.1. Seksyen 86, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 memperuntukkan bahawa pemegang lesen berhak untuk menuntut, mengutip dan memegang simpan semua kadar dan caj ditetapkan berkenaan dengan penyediaan perkhidmatan pembetulan ke mana-mana premis pengguna. MSSB yang telah diluluskan Lesen Individu (Perkhidmatan Pembetulan) oleh SPAN pada 29 Jun 2016 berkuat kuasa dari 1 Julai 2016 hingga 30 Jun 2019 boleh mengenakan caj terhadap pengguna. MSSB telah mula mengeluarkan bil pembetulan mulai bulan Julai 2016 dengan kadar yang selaras dengan tarif yang ditetapkan oleh SPAN.

4.6.4.2. Mengikut rekod MSSB, purata sebanyak 5,516 bil telah dikeluarkan sebulan kepada pengguna yang berdaftar dengan jumlah RM289,344 bagi tempoh dari bulan Julai hingga Disember 2016. Ini termasuk 1,596 (28.9%) pengguna di LRK Taman Desa Kemumin, 368 (6.7%) pengguna di LRK Perumahan JPN Padang Tembak dan 265 (4.8%) pengguna di LRK Taman Tanjung Chat. Analisis Audit mendapati hanya RM17,065 (5.9%) daripada jumlah bil yang dikeluarkan dibayar oleh pengguna dengan tunggakan sejumlah RM272,279 (94.1%) pada akhir tahun 2016. Kegagalan pengguna untuk menjelaskan bil pembetulan akan menjejaskan perancangan MSSB dalam pengurusan aktiviti syarikat.

Maklum Balas MSSB yang Diterima pada 5 September 2017

MSSB berdepan kekangan dari segi perundangan dalam mengambil tindakan terhadap pengguna yang tidak menjelaskan bil pembetulan. Namun, pelbagai cara telah dilaksanakan bagi meningkatkan jumlah kutipan seperti berikut:

- *melantik agen kutipan seperti Bank Simpanan Nasional (EB-BSN), Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) dan Pangsapuri Bandar Baru Kubang Kerian;*
- *kaunter bergerak pada hari Sabtu (dua (2) kali sebulan) di taman perumahan. Perkara ini sentiasa dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan dan Jabatan Perhubungan Pelanggan;*
- *pembayaran secara atas talian melalui Jom Pay; dan*
- *rancangan pengebilan bersepadu dengan AKSB bagi menjamin kutipan pengebilan pembedaan.*

Pada pendapat Audit, tunggakan caj pembedaan yang tinggi boleh menjejaskan kedudukan aliran tunai MSSB dalam pengurusan pengendalian dan penyenggaraan LRK awam.

4.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan meningkatkan lagi kecekapan pengendalian dan penyenggaraan LRK di negeri Kelantan, adalah disyorkan supaya pihak-pihak yang terlibat mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:

- 4.7.1. MSSB perlu mengkaji proses pengendalian dan penyenggaraan LRK awam untuk mengurangkan kos yang meningkat tahun demi tahun melalui penggunaan teknologi yang dapat meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dan mengurangkan penggunaan tenaga buruh supaya kebergantungan kepada geran Kerajaan Negeri untuk penyenggaraan dapat dikurangkan;
- 4.7.2. MSSB perlu menyegerakan pelaksanaan cadangan untuk pembahagian tugas Unit Pengendalian dan Penyenggaraan supaya *planned preventive maintenance* dapat dirancang dan dilaksanakan dengan cekap; dan
- 4.7.3. Kerajaan Negeri Kelantan dan MSSB perlu mempercepatkan langkah pengebilan bersepadu dengan perkhidmatan sistem bekalan air untuk mengatasi masalah tunggakan bil pembedaan yang meningkat.

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

5. KIFAALAH SDN. BHD.


5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Syarikat Kifaalah Sdn. Bhd. (KSB) merupakan syarikat berhad menurut syer yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). KSB ditubuhkan pada 28 Mac 2007 di bawah Akta Syarikat 1965. Modal dibenarkan dan modal berbayar KSB ialah RM100,000. KSB beroperasi di alamat No. 4703-B, Taman Maju, Kota Bharu, Kelantan.

5.1.2. Tujuan penubuhan KSB adalah sebagai pengendali bagi satu (1) skim perlindungan insurans kepada warga emas lanjutan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 31 Januari 2007.

5.1.3. KSB telah berdaftar sebagai ejen kepada Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. dalam memasarkan dua (2) jenis perniagaan takaful iaitu takaful keluarga dan takaful am. Sebagai ejen, KSB mendapat komisen berdasarkan peratus nilai jumlah caruman bagi setiap jenis perniagaan. Takaful keluarga merupakan pelan perlindungan insurans secara berkelompok di mana pendaftaran peserta dibuat secara berkelompok di bawah satu (1) polisi tetapi pembayaran manfaat (pampasan) adalah secara individu apabila berlaku kematian pencarum. Di bawah takaful keluarga, terdapat tiga (3) pelan yang diuruskan iaitu takaful keluarga berkelompok (Skim Kifaalah Takaful Warga Emas, Skim Kifaalah Takaful Khaira Ummah), takaful kemalangan diri berkelompok (Skim Kifaalah Takaful Ehsan) dan Takaful Hospitaliti/Pembedahan Berkelompok. Manakala bagi takaful am yang diuruskan oleh KSB meliputi skim insurans kenderaan, kebakaran, kecurian dan lain-lain. Carta di bawah menunjukkan skim insurans yang diuruskan oleh KSB.

CARTA 5.1
SKIM INSURANS YANG DIURUSKAN OLEH KSB



Sumber: KSB

5.1.4. Visi KSB adalah menjadi agensi korporat takaful yang utama kepada Kerajaan Negeri, agensi di bawahnya dan Kelantan keseluruhannya dalam usaha memperkasa agenda kebajikan Kerajaan Negeri, di mana kebajikan rakyat diutamakan, terbela dan keberkatan dicapai. Misi KSB pula adalah menjadi agensi tunggal dalam menawarkan perlindungan takaful ke atas aset Kerajaan Negeri Kelantan, semua jabatan dan agensi di bawahnya serta menjadikan Tabung Kifaalah sebagai model program yang terbaik dengan perkhidmatan yang berkualiti, dinamik dan progresif sejajar wawasan Kerajaan Negeri. Objektif KSB ialah:

- i. memastikan pendaftaran semua warga emas pemastautin di Kelantan dalam skim Kifaalah dan manfaat takaful diurus selia dengan cepat dan efisien bagi memastikan kebajikan rakyat terbela; dan
- ii. menyediakan dan menawarkan perkhidmatan takaful kepada semua jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri Kelantan serta sektor korporat, swasta, badan amal dan lain-lain meliputi takaful am dan takaful keluarga.

5.1.5. Ahli Lembaga Pengarah (ALP) KSB dipengerusikan seorang Ahli MMK dan dianggotai oleh lapan (8) ahli termasuk pengerusi. Empat (4) ALP merupakan wakil Kerajaan Negeri dan tujuh (7) ahli tersebut merupakan pengarah bukan eksekutif dan bebas. Pengurusan KSB diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 17 kakitangan termasuk dua (2) kakitangan kontrak. KSB mengguna pakai Akta Syarikat 1965 di dalam operasi syarikat.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada kedudukan kewangan KSB adalah kukuh, amalan tadbir urusnya adalah baik serta pengurusan aktiviti KSB telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2014 hingga 2016 serta amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2014 hingga bulan November 2017. Bagi pengurusan aktiviti sebanyak dua (2) daripada empat (4) aktiviti telah diaudit iaitu Skim Kifaalah Takaful Warga Emas dan Skim Kifaalah Takaful Khaira Ummah. Justifikasi aktiviti yang dipilih untuk pengauditan adalah kerana kedua-dua aktiviti tersebut menyumbang kepada pendapatan utama syarikat. Pengauditan telah dijalankan di pejabat KSB.

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Penilaian kedudukan kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan KSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 yang telah diaudit dan diberi laporan tanpa teguran oleh Tetuan Wan Nadzir & Co. bagi penyata kewangan tahun 2014 dan 2015 serta Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar bagi penyata kewangan tahun 2016. Penilaian ini melibatkan empat (4) analisis iaitu analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Bagi amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan KSB. Selain itu, pihak Audit menjalankan analisis terhadap data syarikat dan menemu bual pegawai berkaitan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Pemeriksaan fizikal turut dilakukan ke empat (4) Pusat Khidmat DUN yang dipilih bagi menilai pelaksanaan aktiviti berkaitan pengurusan khairat kematian di peringkat DUN.

5.5. RUMUSAN AUDIT

5.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2017 hingga Disember 2017 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan KSB adalah stabil di mana ia mampu menjana pendapatan daripada aktiviti operasi dengan mencatatkan keuntungan bersih sebelum cukai bagi tiga (3) tahun berturut-turut masing-masing berjumlah RM17,568 pada tahun 2014, RM41,131 pada tahun 2015 dan RM77,833 pada tahun 2016. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar antara 1.09 hingga 1.21 bagi ketiga-tiga tahun menunjukkan syarikat berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman. Selain itu, KSB juga mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM260,568 pada akhir tahun 2016.

b. Pengurusan Aktiviti

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti Tabung Kifaalah adalah kurang cekap kerana berlaku kelewatan bayaran khairat kematian kepada waris. Skim Kifaalah Takaful Khaira Ummah juga kurang cekap kerana terdapat bayaran yang dibuat kepada pihak yang tidak layak.

c. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus KSB adalah memuaskan. Namun, masih terdapat keperluan untuk penambahbaikan iaitu penubuhan Jawatankuasa Audit KSB dan pembentangan dan kelulusan rancangan

korporat/pelan strategik dan KPI di dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.

5.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dan tindakan oleh KSB adalah seperti berikut:

- i. bayaran pendahuluan khairat kematian sebanyak RM500 bagi Skim Kifaalah Takaful Warga Emas, tidak dibayar segera kepada waris dan baki khairat kematian RM1,000 lewat/belum dibayar kepada waris;
- ii. perbelanjaan operasi dan pendahuluan kepada KSB tidak menepati tujuan penubuhan Tabung Kifaalah; dan
- iii. pembayaran khairat kematian kepada penama bukan waris.

5.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas KSB telah dibincangkan di dalam *exit conference* pada 20 Februari 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.6.1. Kedudukan Kewangan

5.6.1.1. Penyediaan Penyata Kewangan

- a. Pengurusan Takaful Keluarga Berkelompok Skim Kifaalah Takaful Warga Emas diurus sebagai satu (1) aktiviti tersendiri di mana perbelanjaan dan pendapatan aktiviti ini tidak diambil kira dalam Penyata Kewangan Tahunan KSB. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2013, Penyata Kewangan Tahunan KSB sahaja disediakan. Penyata Kewangan Tahunan Tabung Kifaalah bagi tahun 2007 hingga 2013 hanya disediakan pada tahun 2014 setelah mendapat teguran Jabatan Audit Dalaman PMBK. Sehubungan itu, dua (2) penyata kewangan beraudit disediakan KSB iaitu Penyata Kewangan Beraudit Kifaalah Sdn. Bhd. dan Penyata Kewangan Beraudit Tabung Kifaalah. Yuran juruaudit juga dikenakan secara berasingan bagi kedua-dua Penyata Kewangan KSB dan Penyata Kewangan Tabung Kifaalah tetapi diaudit oleh juruaudit yang sama kecuali penyata tahun 2016 diaudit oleh dua (2) firma audit yang berlainan.
- b. Semakan terhadap penyata kewangan beraudit bagi ketiga-tiga tahun mendapati KSB memperoleh Sijil Tanpa Teguran. Bagaimanapun, keputusan KSB menyediakan penyata kewangan secara berasingan antara KSB dan Tabung Kifaalah adalah tidak selaras dengan kehendak Seksyen 9, *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS) kerana Tabung

Kifaalah merupakan satu (1) aktiviti di bawah kawalan KSB dan bukannya merupakan sebuah entiti.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Tabung Kifaalah dan kedudukan kewangan KSB perlu dilaporkan di dalam satu (1) penyata kewangan beraudit selaras dengan kehendak Seksyen 9 di dalam MPERS.

5.6.1.2. Pendahuluan Daripada PMBK Tidak Dinyatakan Dalam Penyata KSB

- a. Mengikut amalan terbaik, sebarang transaksi yang melibatkan perubahan kedudukan kewangan di antara induk kepada anak syarikat dan sebaliknya perlu dinyatakan di dalam Penyata Kewangan Beraudit syarikat yang berdaftar, yang disediakan dan diserahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengikut standard pelaporan *Malaysian Private Entity Reporting Standard* (MPERS).
- b. Semakan Audit mendapati terdapat wang pendahuluan daripada induk iaitu PMBK berjumlah RM9.86 juta di awal penubuhan KSB pada tahun 2007 tidak dinyatakan di dalam Penyata Kewangan Beraudit KSB, sebaliknya dinyatakan di dalam Penyata Kewangan Beraudit Tabung Kifaalah bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 sebagai liabiliti semasa. Jumlah tersebut merupakan liabiliti jangka panjang syarikat yang perlu dinyatakan dalam penyata kewangan syarikat.

Pada pendapat Audit, wang pendahuluan daripada induk berjumlah RM9.86 juta perlu dinyatakan di dalam penyata kewangan syarikat yang berdaftar, disediakan dan diserahkan kepada SSM mengikut standard pelaporan MPERS.

5.6.1.3. Penilaian Terhadap Prestasi Kewangan

- a. Analisis terhadap kedudukan kewangan KSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti jadual berikut:


JADUAL 5.1
KEDUDUKAN KEWANGAN KSB BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016

BUTIRAN	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)
Pendapatan	853,103	858,845	909,374
Pendapatan Lain	5,385	855	16,370
JUMLAH PENDAPATAN	858,488	859,700	925,744
Belanja operasi	47,497	-	-
Belanja pentadbiran	793,423	818,569	847,911
JUMLAH PERBELANJAAN	840,920	818,569	847,911
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN DIVIDEN	17,568	41,131	77,833
Cukai	8,150	10,812	17,693
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI DAN DIVIDEN	9,418	30,319	60,140
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	6,492	36,811	96,951
JUMLAH ASET	485,546	726,843	764,610
JUMLAH LIABILITI	379,054	590,032	567,659
JUMLAH EKUITI	106,492	136,811	196,951
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	485,546	726,843	764,610

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KSB


- b. Pendapatan utama KSB adalah melalui komisen yang diterima dari syarikat takaful berdasarkan peratusan yang dikenakan terhadap jumlah caruman skim dan yuran pengurusan yang diambil daripada pampasan yang diterima daripada syarikat takaful. Pendapatan lain adalah terdiri daripada hibah bank dan pelarasan pemiutang. Trend pendapatan utama KSB menunjukkan peningkatan daripada RM853,103 pada tahun 2014 kepada RM909,374 pada tahun 2016. Manakala pendapatan lain pada tahun 2016 menunjukkan peningkatan ketara yang berpunca daripada pelarasan jumlah pemiutang yang telah dihapus kira berjumlah RM15,627 dan RM743 adalah hibah bank.
- c. Perbelanjaan KSB terdiri daripada kos operasi dan pentadbiran. Bagaimanapun mulai tahun 2015, kos operasi telah dimasukkan di bawah kos pentadbiran. Perbelanjaan terbesar KSB bagi ketiga-tiga tahun adalah melibatkan pembayaran gaji dan elaun kakitangan yang merupakan 65% hingga 71% daripada jumlah kos. Peningkatan pembayaran gaji sejumlah RM69,856 pada tahun 2016 adalah kerana pembayaran gaji dibuat sebanyak 13 bulan mengikut kalendar Islam, di samping kenaikan gaji tahunan KSB.
- d. Trend pendapatan dan perbelanjaan, trend keuntungan sebelum cukai serta keuntungan terkumpul adalah seperti di carta berikut:

CARTA 5.2
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

CARTA 5.3
TREND KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI
SERTA KEUNTUNGAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016



- e. Analisis Audit terhadap kedudukan aset dan liabiliti syarikat mendapati aset syarikat berada pada tahap memuaskan kerana masih dapat menampung jumlah liabiliti semasa syarikat. KSB tidak mempunyai liabiliti jangka panjang kerana tiada pembiayaan yang diambil oleh KSB. Analisis lanjut mendapati aset semasa syarikat adalah 88.0% hingga 90.2% daripada jumlah keseluruhan aset dan 8.4% hingga 17.7% melebihi liabiliti semasa syarikat. Bagi analisis nisbah kecairan, aset semasa yang melebihi liabiliti semasa menunjukkan keupayaan syarikat dalam menyelesaikan hutang jangka pendeknya. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar antara 1.09 hingga 1.21 bagi ketiga-tiga tahun menunjukkan syarikat berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman. Bagi nisbah kecekapan pula, kutipan hutang adalah tidak cekap iaitu 88 hingga 151 hari bagi tahun 2014 dan 2015 berbanding polisi syarikat iaitu 14 hari. Manakala tiada kutipan hutang bagi tahun 2016 kerana kesemua penghutang dagangan telah dipindahkan kepada lain-lain penghutang. Walaupun tidak cekap dari segi kutipan hutang, tetapi syarikat cekap menggunakan aset tetap untuk menjana pendapatan syarikat kerana pusing ganti aset tetap adalah melebihi satu (1) kali. Nisbah keuntungan syarikat adalah kurang memuaskan kerana margin untung bersih, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti adalah kurang daripada RM0.50. Nisbah keuntungan dapat ditingkatkan sekiranya perbelanjaan syarikat dapat dikurangkan. Bagi nisbah kestabilan pula, KSB bergantung kepada liabiliti bagi pembiayaan aset kerana nisbah hutang adalah melebihi 50%.

- f. Analisis Audit juga telah dijalankan terhadap aliran tunai syarikat KSB bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Aliran tunai syarikat berada pada tahap memuaskan kerana aliran tunai dari aktiviti operasi meningkat hasil daripada penerimaan daripada penghutang. Aktiviti pelaburan pula adalah sederhana melibatkan pembelian aset dan ubah suai pejabat dan tiada aktiviti pembiayaan bagi ketiga-tiga tahun kewangan.

Maklum Balas KSB yang Diterima pada 8 Februari 2018

Penyata Kewangan Tabung Kifaalah diaudit bermula pada tahun 2014 kerana teguran yang telah dibuat oleh Jabatan Audit Dalam PMBK. Walaupun mula diaudit pada tahun 2014, juruaudit luar telah membuat pengauditan dari awal penubuhan akaun Tabung Kifaalah iaitu pada tahun 2007.

Pada pendapat Audit, penyata kewangan KSB tidak menunjukkan kedudukan kewangan sebenar kerana tidak mengambil kira kedudukan kewangan Tabung Kifaalah yang mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM7.81 juta sehingga 31 Disember 2016.

5.6.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan KSB bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Tujuan utama KSB ditubuhkan adalah bagi mengendalikan Tabung Kifaalah. Pendapatan utama KSB adalah melalui komisen yang diterima dari syarikat takaful berdasarkan peratusan yang dikenakan terhadap jumlah caruman skim insurans dan yuran pengurusan yang diambil daripada pampasan yang diterima daripada syarikat takaful. Pengauditan yang dijalankan adalah terhadap dua (2) aktiviti KSB sahaja iaitu Tabung Kifaalah dan Skim Kifaalah Takaful Khaira Ummah.

5.6.2.1. Pengurusan Tabung Kifaalah

- a. KSB telah dipertanggungjawabkan sebagai pengendali bagi skim perlindungan insurans kepada warga emas yang telah diwujudkan sejak tahun 2007. Pelan Takaful ini diperkenalkan bagi membolehkan Kerajaan Negeri membantu keluarga/waris warga emas yang meninggal dunia dengan menyediakan peruntukan tahunan untuk dicarumkan kepada syarikat takaful, iaitu Syarikat Takaful Malaysia Berhad. Nilai caruman yang dikenakan adalah berubah mengikut sebut harga yang ditawarkan oleh syarikat takaful iaitu antara RM25 hingga RM78 bagi setiap peserta di mana nilai caruman

tahunan bagi tahun 2017 ialah RM74. Syarikat takaful hanya menerima caruman bagi peserta yang berumur 60 hingga 75 tahun sahaja dan bayaran pampasan oleh syarikat takaful adalah berjumlah RM4,800 bagi peserta yang berumur 60 hingga 65 tahun dan RM1,500 bagi peserta yang berumur 66 hingga 75 tahun di mana penerima/waris akan mendapat khairat kematian berjumlah RM1,500.

- b. Bagi warga emas yang berumur 76 tahun ke atas, MMK juga memutuskan untuk membantu keluarga/waris warga emas yang meninggal dunia dengan nilai RM1,500. Bayaran sumbangan khairat kematian tersebut dibiayai oleh KSB daripada lebih pampasan berjumlah RM3,300 bagi kematian peserta yang berumur 60 hingga 65 tahun dan peruntukan tambahan daripada Kerajaan Negeri.
- c. KSB telah mewujudkan satu (1) tabung bagi mengurus peruntukan Kerajaan Negeri yang dikenali sebagai Tabung Kifaalah. Antara peranan KSB sebagai pengendali Tabung Kifaalah adalah untuk melaksanakan urusan pentadbiran seperti menguruskan pendaftaran warga emas, permohonan peruntukan tahunan, caruman dan tuntutan daripada syarikat takaful serta urusan pembayaran sumbangan khairat kematian kepada waris. Pendaftaran warga emas dibuat sepanjang tahun oleh Penghulu Mukim. Borang pendaftaran diserahkan kepada KSB melalui 45 Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN). Bagi tempoh dari tahun 2014 hingga bulan November 2017, sebanyak 15,239 warga emas telah didaftarkan dan 15,066 kematian direkodkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.2
PENDAFTARAN DAN KEMATIAN WARGA
EMAS BAGI TAHUN 2014 HINGGA NOVEMBER 2017

UMUR (Tahun)	PENDAFTARAN					KEMATIAN				
	2014	2015	2016	2017	JUMLAH	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
60-65	2,922	2,521	3,593	3,598	12,634	389	401	306	222	1,318
66-75	553	367	496	435	1,851	1,565	1,430	1,442	907	5,344
76 ke atas	210	135	250	159	754	2,418	2,330	2,287	1,369	8,404
JUMLAH	3,685	3,023	4,339	4,192	15,239	4,372	4,161	4,035	2,498	15,066

Sumber: KSB

Nota: Rekod Kematian Adalah Mengikut Tempoh Polisi 7 Februari Hingga 6 Februari Tahun Berikutnya

- d. Bagi tempoh tersebut, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM26.22 juta manakala bayaran caruman kepada syarikat takaful adalah berjumlah RM22.35 juta. Pendapatan daripada syarikat takaful pula adalah berjumlah RM13.57 juta manakala bayaran khairat kematian kepada waris adalah berjumlah RM19.28 juta seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.3
PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI DAN BAYARAN
CARUMAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN NOVEMBER 2017

BUTIRAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Peruntukan Kerajaan	5.00	4.98	8.50	7.74	26.22
Bayaran Caruman	5.54	5.56	5.72	5.53	22.35
PERBEZAAN	(0.54)	(0.58)	2.78	2.21	3.87

Sumber: KSB

JADUAL 5.4
PENDAPATAN DARIPADA SYARIKAT TAKAFUL DAN BAYARAN
KHAIRAT KEMATIAN KEPADA WARIS BAGI TAHUN 2014 HINGGA NOVEMBER 2017

BUTIRAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Pendapatan Dari Syarikat Takaful	3.19	3.88	3.82	2.68	13.57
Bayaran Kepada Waris	4.38	3.50	5.64	5.76	19.28
JUMLAH	(1.19)	0.38	(1.82)	(3.08)	(5.71)

Sumber: KSB

- e. Daripada jadual di atas, Audit mendapati peruntukan daripada Kerajaan Negeri yang diterima oleh KSB tidak dapat menampung jumlah caruman kepada syarikat takaful bagi tahun 2014 dan 2015. Bagaimanapun bagi tahun 2016 dan 2017, jumlah peruntukan daripada Kerajaan Negeri dapat menampung nilai caruman dan dapat membiayai kekurangan caruman pada tahun sebelumnya. Daripada jadual juga menunjukkan bayaran pampasan daripada syarikat takaful tidak mencukupi untuk membayar khairat kematian kepada waris. Keadaan ini antaranya disebabkan pembayaran kepada waris warga emas yang berumur 76 tahun ke atas yang tidak mencarum tetapi pampasan dibayar kepada waris seperti diputuskan oleh MMK.
- f. Semakan terhadap proses bayaran kepada waris mendapati beberapa kelemahan pengurusan Tabung Kifaalah perlu diberi perhatian dan dibuat penambahbaikan oleh KSB kerana telah menyebabkan objektif sebenar penubuhan KSB terjejas. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah pendahuluan RM500 tidak dibayar segera kepada waris dan baki khairat kematian RM1,000 lewat dibayar kepada waris sebagaimana dijelaskan di perenggan berikut:
 - i. **Bayaran Pendahuluan Khairat Kematian**
 - Mengikut amalan, KSB telah menyalurkan dana pusingan berjumlah RM10,000 kepada setiap DUN di peringkat awal Tabung Kifaalah diperkenalkan untuk bayaran pendahuluan kepada waris. Dana pusingan tersebut digunakan sebagai sumbangan segera berjumlah RM500 kepada waris apabila berlaku kematian warga emas.

Sumbangan ini akan diserahkan oleh ahli DUN atau wakilnya kepada waris dan DUN akan menuntut kembali sumbangan ini daripada KSB menggunakan dokumen pengesahan kematian oleh wakil DUN untuk memastikan dana pusingan mencukupi bagi memenuhi tuntutan berikutnya. Bagi tempoh tahun 2014 hingga November 2017, sejumlah RM8.43 juta dana pusingan telah disalurkan kepada 45 DUN iaitu RM2.18 juta bagi tahun 2014, RM2.29 juta bagi tahun 2015, RM2.05 juta bagi tahun 2016 dan RM1.90 juta sehingga November 2017.

- Lawatan Audit dan temu bual telah diadakan bersama kakitangan DUN pada 10 dan 11 Januari 2018 di empat (4) Pusat Khidmat DUN iaitu di DUN Kelaboran, Pasir Pekan, Demit dan Salor. Semakan Audit mendapati DUN Kelaboran dan Pasir Pekan telah membuat bayaran segera pendahuluan RM500 pada hari kematian. Bagaimanapun, DUN Demit hanya membuat bayaran segera pendahuluan RM200 sahaja pada hari kematian dan baki bayaran RM300 dibayar setelah waris mengemukakan dokumen kematian. Manakala DUN Salor tidak membuat pembayaran segera pendahuluan RM500 kepada waris pada hari kematian, sebaliknya pembayaran hanya dibuat apabila tuntutan pendahuluan diterima daripada KSB. Keadaan tersebut berlaku kerana tiada garis panduan dan tiada pemantauan dibuat oleh KSB terhadap pengurusan dana pusingan di setiap DUN. Setiap DUN yang dilawati tidak menyelenggarakan rekod berkaitan transaksi dana pusingan tetapi hanya menyediakan maklumat bayaran kepada waris sahaja. Bayaran segera pendahuluan RM500 kepada waris adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.5
BAYARAN PENDAHULUAN KEPADA WARIS MENGIKUT DUN YANG DILAWATI

DUN	BAYARAN PENDAHULUAN					BAYARAN SEGERA	CATATAN
	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	JUMLAH (RM)		
Kelaboran	74,000	64,000	66,000	49,000	253,000	RM500 pada hari kematian	-
Pasir Pekan	79,500	90,000	99,500	73,000	342,000	RM500 pada hari kematian	-
Demit	88,000	66,000	58,000	52,500	264,500	RM200 pada hari kematian	RM300 dibayar apabila dokumen kematian diterima
Salor	64,000	79,500	36,500	48,000	228,000	Tiada	RM500 dibayar apabila pendahuluan diterima dari KSB

Sumber: KSB

ii. **Baki Khairat Kematian RM1,000 Lewat/Belum Dibayar Kepada Waris**

- Mengikut tujuan Tabung Kifaalah, sumbangan kepada waris yang ditetapkan adalah berjumlah RM1,500. Waris yang telah menerima bayaran pendahuluan RM500 adalah berhak menerima baki RM1,000 selepas melalui proses tuntutan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati sebanyak 8,838 tuntutan masih belum dijelaskan kepada waris berjumlah RM8.84 juta. Tuntutan yang belum dijelaskan tersebut adalah termasuk permohonan yang telah dibuat melebihi setahun iaitu sejak tahun 2015 seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.6
TUNTUTAN RM1,000 YANG BELUM DIBAYAR KEPADA WARIS MENGIKUT TAHUN

TAHUN	BIL. KEMATIAN	JUMLAH (RM)
2015	920	920,000
2016	4,111	4,111,000
2017 (Sehingga November)	3,807	3,807,000
JUMLAH	8,838	8,838,000

Sumber: KSB

Nota: Jumlah Tuntutan Adalah Bagi Januari Hingga Disember Tahun Semasa

- Semakan Audit selanjutnya mendapati punca berlaku kelewatan bayaran baki khairat kematian RM1,000 kepada waris adalah disebabkan tuntutan bayaran daripada syarikat takaful belum diterima sepenuhnya. Bagi tahun 2014 hingga bulan November 2017, sebanyak 5,648 tuntutan telah dibuat kepada syarikat takaful berjumlah RM11.19 juta. Daripada jumlah tersebut, RM2.22 juta masih belum diterima daripada syarikat takaful. Butiran lanjut tuntutan yang belum diterima adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.7
TUNTUTAN YANG BELUM DITERIMA DARIPADA
SYARIKAT TAKAFUL BAGI TAHUN 2014 HINGGA NOVEMBER 2017

TAHUN	PERINGKAT UMUR	KADAR TUNTUTAN (RM)	TUNTUTAN TELAH DITERIMA		TUNTUTAN BELUM DITERIMA	
			BILANGAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN	JUMLAH (RM)
2014	60-65	4,800	225	1,080,000	-	-
	66-75	1,500	1,330	1,995,000	-	-
2015	60-65	4,800	200	960,000	60	288,000
	66-75	1,500	1,374	2,061,000	149	223,500
2016	60-65	4,800	148	710,400	86	412,800
	66-75	1,500	1,307	1,960,500	191	286,500
2017	60-65	4,800	15	72,000	91	436,800
	66-75	1,500	88	132,000	384	576,000
JUMLAH			4,687	8,970,900	961	2,223,600

Sumber: KSB

Maklum Balas KSB yang Diterima pada 8 Februari 2018

Secara dasarnya, KSB hanya tertakluk kepada pengurusan dalaman sahaja iaitu berkaitan dengan pengurusan dokumentasi pendaftaran peserta dan tuntutan kematian. Unit Skim Warga Emas KSB akan memastikan setiap maklumat dan dokumen pendaftaran yang dihantar oleh wakil DUN didaftarkan ke dalam sistem KSB. Manakala untuk tuntutan kematian, Unit Skim Warga Emas KSB akan memastikan pembayaran tuntutan kematian adalah kepada peserta yang telah berdaftar sahaja. Selepas proses semakan dan bayaran dibuat, kakitangan yang terlibat akan menghantar satu (1) salinan senarai nama peserta yang telah menerima bayaran untuk rujukan dan simpanan DUN.

Bagi tuntutan yang belum dibayar oleh syarikat takaful, terdapat tuntutan bayaran yang ditolak oleh syarikat takaful kerana kematian peserta berlaku sebelum tarikh endosmen, nama peserta tercicir daripada caruman atau endosmen, tarikh kematian pada usia 76 tahun, kes kematian tidak dimaklumkan kepada KSB menyebabkan caruman dibuat ke atas peserta yang telah meninggal dunia, pendaftaran dibuat oleh DUN selepas berlaku kes kematian dan dokumen kematian peserta dihantar ke pejabat KSB melebihi 60 hari daripada tarikh kematian.

Pada pendapat Audit, kaedah bayaran pendahuluan RM500 kepada waris tidak cekap kerana tiada garis panduan dan kurang pemantauan oleh KSB. Manakala baki bayaran khairat kematian RM 1,000 yang lewat atau belum dibayar kepada waris telah menjejaskan keberkesanan Program Perlindungan Sosial Warga Emas dan imej Kerajaan Negeri.

iii. Tuntutan Kematian Warga Emas Berumur 60 Hingga 75 Tahun

Sehingga bulan November 2017, sebanyak 48,434 kematian warga emas telah direkodkan. Daripada bilangan tersebut, sebanyak 23,387 (48.3%) kematian adalah melibatkan warga emas yang berumur 60 hingga 75 tahun yang mencarum dengan syarikat takaful. Bagaimanapun, hanya 21,752 tuntutan kematian yang dikemukakan oleh KSB kepada syarikat takaful. Sebanyak 1,635 tuntutan kematian tidak dapat dibuat mengikut skim caruman kerana umur semasa kematian melebihi syarat yang ditetapkan. Penilaian umur yang dibuat oleh KSB untuk tujuan caruman adalah mengikut tahun kelahiran, manakala penentuan umur oleh syarikat takaful bagi tuntutan kematian pula adalah mengikut tarikh kelahiran. Walaupun lebih sehari daripada umur yang

ditetapkan ianya tidak layak untuk dibayar. Mengikut rekod KSB, bagi tahun 2014 hingga November 2017 sebanyak 1,014 tuntutan kematian warga emas tidak dapat dikemukakan kepada syarikat takaful mengikut skim caruman asal melibatkan pampasan berjumlah RM3.15 juta. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada bilangan warga emas yang meninggal dunia tersebut adalah sebenarnya tidak layak menuntut pampasan kerana pihak KSB tidak mengemukakan butiran lengkap seperti tarikh lahir dan tarikh kematian bagi setiap individu. Butiran lanjut bilangan kematian yang tidak dituntut daripada syarikat takaful mengikut rekod KSB adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.8
BILANGAN KEMATIAN DAN TUNTUTAN KEMATIAN

UMUR	BIL. KEMATIAN				JUMLAH	BIL. TUNTUTAN KEPADA SYARIKAT TAKAFUL				JUMLAH	BAKI TIDAK DITUNTUT MENGIKUT CARUMAN ASAL	KADAR PAMPASAN (RM)	JUMLAH PAMPASAN (RM Juta)
	2014	2015	2016	2017		2014	2015	2016	2017				
60-65	389	401	306	222	1,318	225	260	234	106	825	493	4,800	2.37
66-75	1,565	1,430	1,442	907	5,344	1,330	1,523	1,498	472	4,823	521	1,500	0.78
JUMLAH	1,954	1,831	1,748	1,129	6,662	1,555	1,783	1,732	578	5,648	1,014	-	3.15

Sumber: KSB

Maklum Balas KSB yang Diterima pada 8 Februari 2018

Tuntutan kematian warga emas berumur 60 hingga 75 tidak dapat dibuat mengikut skim caruman asal kerana nama tercicir daripada senarai caruman, tarikh kematian pada usia 76 tahun, kes kematian tidak dimaklumkan kepada KSB menyebabkan caruman dibuat ke atas peserta yang telah meninggal dunia, pendaftaran dibuat oleh DUN selepas berlaku kes kematian dan dokumen kematian peserta dihantar ke pejabat KSB melebihi 60 hari daripada tarikh kematian.

Pada pendapat Audit, KSB perlu membayar khairat kematian kepada waris dengan menggunakan dana KSB atau peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan dengan segera bagi mencapai objektif wujudnya Tabung Kifaalah. Pihak KSB juga perlu memperkemaskan pengurusan dokumentasi dan pengurusan di peringkat DUN supaya maklumat adalah lengkap dan kemas kini.

g. Perbelanjaan Operasi dan Pendahuluan Tabung Kifaalah

Tujuan utama penubuhan Tabung Kifaalah oleh Kerajaan Negeri melalui KSB adalah untuk menyalurkan bayaran sumbangan khairat kematian kepada waris dapat dicapai. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati, bagi

tahun 2014 hingga bulan November 2017, KSB telah membelanjakan sejumlah RM225,444 daripada Tabung Kifaalah untuk tujuan operasi dan pentadbiran. Perbelanjaan operasi dan pentadbiran seperti bayaran ubah suai pejabat, bayaran saguhati, keperluan pejabat dan penyenggaraan komputer dengan menggunakan Tabung Kifaalah telah dipersetujui oleh ALP KSB. Perbelanjaan operasi dan pentadbiran ini sepatutnya menggunakan pendahuluan yang telah diberi kepada KSB yang antara lain bertujuan untuk menampung perbelanjaan operasi yang diperolehi daripada Tabung Kifaalah. Sehingga bulan November 2017, baki pendahuluan kepada KSB yang masih belum dijelaskan adalah berjumlah RM312,958. Keadaan ini berlaku kerana tidak ada garis panduan yang ditetapkan mengenai tatacara pengurusan kewangan Tabung Kifaalah. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.9
PERBELANJAAN OPERASI TABUNG
KIFAALAH BAGI TAHUN 2014 HINGGA NOVEMBER 2017

BIL.	JENIS BAYARAN	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	NOV 2017 (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Ubahsuai/Naik Taraf Pejabat	86,930	-	-	-	86,930
2.	Saguhati	13,500	9,000	9,000	9,000	40,500
3.	Keperluan Pejabat (Perabot)	11,585	-	-	-	11,585
4.	Perkhidmatan Sokongan Teknikal	11,470	-	-	-	11,470
5.	Mesin Fotostat	9,500	-	-	-	9,500
6.	Derma dan Sumbangan	7,150	5,500	-	7,000	19,650
7.	Yuran Pengarah	-	-	-	11,574	11,574
8.	Selenggara Komputer/Sistem	-	-	12,150	7,359	19,509
9.	Yuran Profesional	-	-	5,300	-	5,300
10.	Tuntutan Perjalanan Kakitangan	-	-	-	9,426	9,426
JUMLAH		140,135	14,500	26,450	44,359	225,444

Sumber: KSB

JADUAL 5.10
BAKI PENDAHULUAN TABUNG KIFAALAH
KEPADA KSB BAGI TAHUN 2014 HINGGA NOVEMBER 2017

PERKARA	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (HINGGA NOVEMBER) (RM)
Baki Awal	124,593	134,452	271,082	312,852
Pendahuluan Kepada KSB	200,000	206,230	448,700	306,360
Bayaran Balik/Pelarasan	(190,141)	(69,600)	(406,930)	(306,254)
BAKI AKHIR	134,452	271,082	312,852	312,958

Sumber: KSB

Maklum Balas KSB yang Diterima pada 8 Februari 2018

Setiap penggunaan perbelanjaan Tabung Kifaalah adalah dalam makluman ALP kerana kertas cadangan berkenaan perkara berkaitan telah diangkat

dan diluluskan dalam mesyuarat ALP KSB. Perbelanjaan tersebut juga telah dinyatakan dalam bajet tahunan Tabung Kifaalah yang juga telah dibentangkan dan diluluskan dalam mesyuarat ALP KSB.

KSB terpaksa menggunakan pendahuluan Tabung Kifaalah bagi melancarkan operasi syarikat. Kebiasaannya syarikat akan membayar terus kepada akaun Tabung Kifaalah selepas mendapat bayaran komisen daripada bayaran premium tersebut. Mulai tahun 2014, KSB tidak dapat menjelaskan pendahuluan tersebut dalam tahun semasa kerana masalah kekurangan aliran tunai KSB akibat peningkatan jumlah penghutang KSB. Bagaimanapun, pembayaran masih dibuat secara ansuran dan KSB memastikan pendahuluan tersebut selesai dibayar sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, penggunaan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk perbelanjaan selain daripada caruman kepada syarikat takaful dan bayaran khairat kematian adalah tidak menepati hasrat Kerajaan Negeri.

5.6.2.2. Skim Kifaalah Takaful Khaira Ummah

Skim Kifaalah Takaful Khaira Ummah adalah skim insurans yang melibatkan peserta berumur 18 hingga 59 tahun. Skim ini mula diperkenalkan oleh syarikat pada bulan Julai 2011 dan merupakan inisiatif KSB sendiri bagi meningkatkan pendapatan syarikat tanpa melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Di bawah skim ini, nilai caruman tahunan ialah RM30 pada tahun 2011 hingga tahun 2014 dan dinaikkan kepada RM35 pada tahun 2015. Apabila berlaku kematian peserta, syarikat takaful akan membuat pembayaran terhadap tuntutan kematian berjumlah RM6,000 kepada KSB. Daripada jumlah RM6,000 tersebut, RM3,000 akan diberikan kepada penerima pampasan yang dinamakan sebagai bayaran khairat kematian, RM2,000 untuk urusan badal haji, manakala baki RM1,000 adalah bayaran yuran pengurusan yang diambil oleh KSB. Pembaharuan polisi adalah pada 6 Julai setiap tahun dan peserta akan didaftarkan dengan Skim Kifaalah Takaful Warga Emas secara percuma selepas berumur 60 tahun. Bagaimanapun, skim ini telah dihentikan oleh syarikat takaful kerana *unfavourable claim experiences*. Arahan pemberhentian skim tersebut dinyatakan melalui memorandum yang dikeluarkan oleh syarikat takaful bertarikh 11 Julai 2017. Antara kelemahan yang ditemui sebelum skim ini diberhentikan adalah seperti berikut:

- a. Mengikut butiran yang dinyatakan di dalam borang penyertaan jelas menyatakan bahawa bagi peserta beragama Islam, penama adalah orang yang bertanggungjawab membahagikan manfaat takaful kepada waris yang

berhak mengikut hukum faraid. Apabila peserta meninggal dunia, penama perlu mengisi borang tuntutan dan mengemukakan bersama salinan-salinan sijil kematian, kad pengenalan peserta dan permit kubur kepada KSB.

- b. Semakan Audit terhadap 70 baucar bayaran melibatkan 56 kematian peserta di antara tahun 2014 hingga 2017 mendapati 20 baucar berjumlah RM86,753 yang melibatkan 23 kematian telah dibayar kepada penama bukan waris. Penama bukan waris tersebut terdiri daripada pegawai KSB, tabung/kelab, penghulu kampung/mukim dan lain-lain individu. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.11
PEMBAYARAN SKIM KIFAALAH TAKAFUL KHAIRA UMMAH KEPADA BUKAN WARIS

BIL.	DIBAYAR KEPADA	JUMLAH KEMATIAN	JUMLAH BAUCAR	JUMLAH (RM)
1.	Pegawai KSB	9	6	44,735
2.	Sumbangan kepada Tabung/Kelab/Majlis Tindakan DUN	7	7	21,018
3.	Penghulu kampung/Mukim	7	7	21,000
JUMLAH		23	20	86,753

Sumber: KSB

- c. Semakan lanjut Audit ke atas enam (6) baucar berjumlah RM44,735 yang dibayar melalui cek kepada pegawai KSB (penama) mendapati borang pendaftaran peserta tidak mempunyai maklumat hubungan di antara peserta dan pegawai tersebut. Semakan lanjut mendapati pegawai tersebut merupakan pegawai yang bertanggungjawab untuk memastikan wang pampasan diserahkan kepada waris apabila berlaku kematian peserta. Bagaimanapun, pegawai tersebut tidak dapat mengemukakan bukti bahawa wang pampasan telah diserahkan kepada waris simati. Kes yang sama berlaku bagi wang pampasan berjumlah RM21,000 yang diterima oleh penghulu (penama), juga tiada bukti wang pampasan telah diserahkan kepada waris.
- d. Jika peserta memilih untuk membuat sumbangan atau derma kepada mana-mana tabung, kelab atau masjid ia mesti dinyatakan dalam borang pendaftaran. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tujuh (7) baucar bayaran berjumlah RM21,018 yang disumbangkan kepada kelab tidak dinyatakan dalam borang pendaftaran peserta.

Maklum Balas KSB yang Diterima pada 8 Februari 2018

KSB tidak meletakkan sebarang syarat iaitu penerima perlu ada hubungan persaudaraan dengan peserta.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran tuntutan Skim Kifaalah Takaful Khaira Ummah adalah kurang cekap kerana bayaran dibuat kepada penama yang bukan waris dan tiada bukti wang pampasan telah diserahkan kepada waris.

5.6.3. TADBIR URUS

5.6.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Pihak Audit telah menilai amalan tadbir urus syarikat berdasarkan *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG), *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness* April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*Handbook MKD*] dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditor*.

5.6.3.2. Secara keseluruhannya amalan tadbir urus KSB adalah memuaskan berdasarkan beberapa aspek amalan terbaik tadbir urus yang telah diamalkan iaitu pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif serta penyediaan dan pelaksanaan *Standard Operating Procedures*.

5.6.3.3. Manakala aspek amalan terbaik tadbir urus yang tidak diamalkan oleh KSB adalah seperti penemuan Audit berikut:

a. Pengerusi

- i. Mengikut amalan terbaik, Pengerusi hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif serta tidak campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat. Selain itu, tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas. Sebagai tadbir urus baik, Pengerusi juga hendaklah tidak menganggotai jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat untuk mengelakkan risiko konflik kepentingan sepertimana disarankan oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) dalam Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) [*Handbook*].
- ii. Pengerusi syarikat KSB merupakan Ahli MMK Negeri Kelantan yang dilantik sejak 1 Februari 2015. Beliau tidak mempunyai kuasa eksekutif serta campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat. Beliau juga tidak menganggotai mana-mana jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat.

- iii. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus yang tersebut di atas mendapati tiga (3) daripada empat (4) amalan terbaik ini telah dilaksanakan oleh syarikat KSB iaitu Pengerusi Lembaga Pengarah bertanggungjawab memupuk amalan tadbir urus yang baik, kepimpinan dan keberkesanan Lembaga Pengarah hendaklah dilantik, jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) mestilah disandang oleh individu yang berbeza dan Pengerusi tidak menganggotai jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat. [Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) – (*Handbook*) perenggan 2.2(d)].
- iv. Manakala amalan terbaik tadbir urus yang tidak dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - tugas dan tanggungjawab Pengerusi tidak dinyatakan di dalam piagam Lembaga Pengarah (*board charter*) seperti saranan MCCG 2017 *guidance* 1.3 dan *Green Book* perenggan 2.1.3. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tugas dan tanggungjawab beliau telah dinyatakan secara bertulis di dalam surat pelantikan.

b. Lembaga Pengarah

- i. Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, pelan perniagaan (*business plan*) yang mantap, dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan. Pada tahun 2017, KSB dianggotai oleh lapan (8) orang yang merangkumi tujuh (7) pengarah bebas dan seorang pengarah bukan bebas.
- ii. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus bagi Lembaga Pengarah mendapati lima (5) daripada 10 amalan terbaik ini telah dilaksanakan oleh syarikat KSB iaitu komposisi Lembaga Pengarah tidak melebihi sepuluh orang, majoriti komposisi Lembaga Pengarah adalah Pengarah berstatus bebas, tempoh perkhidmatan seseorang pengarah bebas tidak melebihi had tempoh kumulatif sembilan (9) tahun, kedatangan Pengarah ke mesyuarat Lembaga Pengarah melebihi 50% dan semua keputusan perniagaan yang material/signifikan dibuat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah dan bukan secara DCR (Resolusi Lembaga Pengarah).
- iii. Bagaimanapun, berdasarkan amalan terbaik *Green Book* dan MCCG mendapati lima (5) daripada 10 amalan terbaik tidak dilaksanakan oleh KSB seperti berikut:

- Lembaga Pengarah dilantik berdasarkan kepelbagaian kemahiran dan pengalaman yang bersesuaian dengan perniagaan syarikat. [MCCG 2017 *practice* 4.4 & *Green Book* perenggan 1.1.4]. Bagaimanapun, kesemua ahli Lembaga Pengarah tiada kemahiran dan pengalaman yang khusus berkaitan perniagaan insurans;
- Lembaga Pengarah tidak mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat [MCCG 2017 *practice* 3.1];
- Lembaga Pengarah tidak mempunyai piagam Lembaga Pengarah yang jelas menyatakan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah, ahli Lembaga Pengarah secara individu dan pengurusan syarikat serta isu dan keputusan yang tertakluk kepada Lembaga Pengarah [MCCG 2017 *practice* 2.1 *guidance* 2.1]. Bagaimanapun, peranan dan tanggungjawab ahli Lembaga Pengarah KSB telah dinyatakan secara jelas di dalam surat pelantikan;
- Lembaga Pengarah tidak menyediakan dan meluluskan terma rujukan bagi setiap jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Lembaga Pengarah dengan menyatakan peranan dan tanggungjawab dengan jelas [MCCG 2017 *guidance* 2.1 & *Green Book* perenggan 1.2.2]; dan
- Lembaga Pengarah tidak disyaratkan mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks serta mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat.[*Green Book* perenggan 1.4.4]. Semakan Audit mendapati hanya dua (2) daripada lapan (8) orang ahli Lembaga Pengarah menghadiri seminar/kursus pada tahun 2016.

c. Ketua Pegawai Eksekutif

- i. Berdasarkan amalan terbaik, pelantikan dan syarat perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif dinyatakan dengan jelas serta dipatuhi mengikut surat pelantikan dan kontrak perkhidmatan.
- ii. Semakan Audit mendapati pengurusan KSB diketuai oleh Pengurus Besar yang dilantik sejak 8 November 2010. Tugas dan tanggungjawab Pengurus Besar telah dinyatakan di dalam surat pelantikan beliau. Pengurus Besar KSB mempunyai pengalaman kerja selama tujuh (7) tahun di dalam bidang insurans.

d. *Standard Operating Procedures*

- i. *Standard Operating Procedures* (SOP) perlu disediakan dan dikemas kini bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. Mengikut amalan terbaik bagi meningkatkan kawalan pengurusan yang berkesan, syarikat Kerajaan perlu mewujudkan peraturan berkaitan perbelanjaan dan peraturan yang menentukan dengan jelas perkara yang perlu diluluskan atau untuk makluman ALP syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Antara polisi penting yang perlu diwujudkan adalah polisi kewangan. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati SOP KSB telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. SOP Jabatan Kewangan telah diluluskan di dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 10 (1/2012) pada 11 Januari 2012 manakala SOP Jabatan Sumber Manusia dan Pemasaran telah diluluskan pada mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 12 (1/2013) pada 2 Januari 2013.
- iii. Semakan lanjut mendapati kesemua tiga (3) kriteria amalan terbaik telah dilaksanakan oleh KSB iaitu syarikat mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi urusan kewangan syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, syarikat juga mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi aktiviti utama syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan pematuhan SOP yang telah diluluskan yang merangkumi pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat.

e. *Rancangan Korporat/Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama*

- i. Amalan terbaik MCCG 2017 [*practice* 1.1, *guidance* 1.1 & *Handbook* perenggan 2.2 (b)] menyarankan antara tugas Lembaga Pengarah adalah meneliti dan meluluskan pelan strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya. Selain itu, syarikat Kerajaan juga perlu menyediakan dan mengemas kini rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh ALP syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat yang baik dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik serta hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan.

- ii. Semakan Audit mendapati KSB telah menyediakan pelan strategik jangka panjang iaitu bagi tahun 2016 hingga 2020. Antara isi kandungan pelan strategik ini ialah memperkembangkan perniagaan dan produk baru untuk jangka masa panjang, mengoptimumkan kepuasan pelanggan, menambah baik sistem yang sedia ada untuk meningkatkan kecekapan operasi dan pentadbiran serta mengembangkan bakat sedia ada untuk menyokong objektif KSB. Pelan strategik KSB dibahagikan kepada tiga (3) fasa iaitu fasa pertama (2016) adalah fasa pengukuhan, fasa kedua (2017-2020) adalah fasa pertumbuhan manakala fasa ketiga (2020) adalah fasa pengembangan. Maklumat lanjut berhubung pelan strategik KSB adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.12
PELAN STRATEGIK JANGKA PANJANG KSB

BIL	PELAN STRATEGIK	FASA 1 (2016) PENGUKUHAN	FASA 2 (2017-2019) PERTUMBUHAN	FASA 3 (2020) PENGEMBANGAN
1.	Kewangan • memperkembangkan perniagaan dan produk baru untuk jangka masa panjang	• Mengukuhkan kedudukan kewangan KSB • Melaksanakan pengiraan kos/perbelanjaan yang optimum	• Mengukuhkan kedudukan kewangan • Melaksanakan pengiraan kos/perbelanjaan yang optimum • Kawalan dan pemantauan kos yang berterusan	• Menembusi dan meluaskan peluang pasaran di dalam Malaysia • Kawalan dan pemantauan kos yang berterusan • Menembusi dan meluaskan peluang pasaran di Kelantan • Kawalan dan pemantauan kos yang berterusan
2.	Pelanggan • mengoptimumkan kepuasan pelanggan	• Menjadi rujukan utama dan mengamalkan sikap terbuka untuk berinteraksi • Mengamalkan sikap mesra pelanggan • Makluman KSB sebagai ejen korporat tunggal Kerajaan Negeri	• Menjadi rujukan utama perunding takaful dan kewangan islam • Menjadi rujukan utama dan mengamalkan sikap terbuka untuk berinteraksi • Terus mengamalkan sikap mesra pelanggan	• Menaikkan nama KSB sebagai agensi perancangan kewangan Islam yang disegani • Terus menjadi rujukan utama dan mengamalkan sikap terbuka untuk berinteraksi • Menaikkan nama KSB sebagai ejen induk Kerajaan Negeri
3.	Proses dalam • menambahbaik sistem yang sedia ada untuk meningkatkan kecekapan operasi dan pentadbiran	• Memastikan proses dalam berjalan dengan lancar • Menjamin keselamatan dokumen	• Memastikan proses dalam berjalan dengan lancar	• Memastikan proses dalam berjalan dengan lancar • Menjamin keselamatan dokumen
4.	Pembelajaran dan Pertumbuhan • mengembangkan bakat sedia ada untuk menyokong objektif KSB	• Mengenal pasti latihan/kursus yang sesuai untuk semua kakitangan	• Melengkapkan halatuju kerjaya • Melaksanakan pelancaran produk	• Dikenali sebagai perancang kewangan Islam

Sumber: KSB

- iii. Mengikut *Green Book* bahagian 1, perenggan 3.2 & *Handbook* perenggan 3.33 hingga 3.35, sasaran dan pencapaian petunjuk prestasi utama perlu disedia dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

- iv. Semakan Audit mendapati KSB ada menetapkan KPI bagi tahun 2017 dan KPI tersebut diukur berdasarkan empat (4) perspektif iaitu kewangan, pelanggan, proses dalaman dan modal insan. Pendapatan KSB bagi tahun 2017 telah mencapai 104% daripada sasaran iaitu RM925,400 berbanding sasaran yang berjumlah RM891,587. Bagi pengurusan hutang pula KSB gagal mengutip hutang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di dalam KPI iaitu dalam masa 90 hari bagi penghutang Pihak Berkuasa Tempatan dan dalam masa 60 hari bagi lain-lain penghutang. Bagi sasaran penambahan pendapatan pula, KSB telah mencapai 100% sasaran tersebut dengan mendapat sekurang-kurangnya satu (1) perniagaan baru setiap bulan.
- v. Dari segi perspektif pelanggan, KSB telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu telah mengadakan sesi bersama rakan strategik dan pelanggan sebanyak empat (4) kali dalam tempoh 12 bulan. Bagi KPI tunggakan bayaran Skim Kifaalah Takaful Warga Emas bagi tahun 2014 dan 2015 pula, KSB telah menyelesaikan 100% pembayaran tunggakan tahun 2014 dan 95% pembayaran tunggakan tahun 2015.
- vi. Bagi perspektif proses dalaman, KSB telah mengemas kini SOP sumber manusia dan pentadbiran dan telah diangkat untuk kelulusan ahli Lembaga Pengarah. Bagi SOP Kewangan pula, sebanyak 30% telah dikemas kini dan akan diangkat untuk kelulusan ahli Lembaga Pengarah. KSB juga telah mengemaskini teguran audit dalaman berkaitan sumber manusia sebanyak 85% dan berkaitan kewangan sebanyak 80%.
- vii. Dari segi perspektif modal insan pula, kesemua lapan (8) orang pembantu tadbir KSB telah menyertai minima satu (1) kali kursus dan kesemua lapan (8) orang penolong eksekutif dan ke atas telah menyertai sekurang-kurangnya satu (1) kali kursus dalam masa setahun. KPI KSB untuk melaksanakan *retreat* tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan masa dan kewangan. KPI KSB adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.13
PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KSB

BIL.	PERSPEKTIF	SASARAN KPI 2017	SASARAN 12 BULAN	PENCAPAIAN 12 BULAN	VARIANS (%)
1.	Kewangan	Jumlah pendapatan sebanyak RM891,587	RM891,587	RM925,400	104
2.		Pengurusan pembayaran dan kutipan hutang yang terkawal iaitu 90 hari bagi PBT dan 60 hari bagi lain-lain	Pengurusan pembayaran dan kutipan hutang yang terkawal iaitu 90 hari bagi PBT dan 60 hari bagi lain-lain	Tidak dapat dikutip mengikut tempoh yang telah ditetapkan	0
3.		Penambahan pendapatan	Sekurang-kurangnya (satu) 1 perniagaan baru setiap bulan	100% mengikut jadual yang telah ditetapkan	100

BIL.	PERSPEKTIF	SASARAN KPI 2017	SASARAN 12 BULAN	PENCAPAIAN 12 BULAN	VARIANS (%)
4.	Pelanggan	i. Sesi bersama rakan strategik dan pelanggan – empat (4) kali setahun ii. ii) Sesi bersama rakyat - mengikut keperluan seperti pameran dan program Cakna Rakyat	i. Sesi bersama rakan strategik dan pelanggan – empat (4) kali setahun ii. Sesi bersama rakyat-mengikut keperluan seperti pameran dan program Cakna Rakyat – mengikut jemputan DUN	i. Sesi bersama rakan strategik dan pelanggan-lebih empat (4) kali dalam tempoh 12 bulan ii. Telah menyertai hampir keseluruhan Program Cakna Rakyat 2017. DUN Nenggiri merupakan DUN terakhir untuk Program Cakna Rakyat bagi tahun 2017 yang disertai oleh KSB iaitu pada awal bulan September 2017.	100
5.		Pembayaran Wang Tuntutan Skim Kifaalah Takaful Warga Emas	Menyelesaikan bayaran tunggakan tahun 2014 dan 2015	100% pembayaran tunggakan 2014, 95% pembayaran tunggakan 2015 (cek fasa terakhir 2017 telah disiapkan pada 31.12.17 dan agihan kepada DUN terlibat bulan Januari 2018)	95
6.	Proses Dalaman	Mengemaskini “ <i>Standard Operating Procedures</i> ” (SOP) yang sedia ada i. SOP Sumber Manusia dan Pentadbiran ii. SOP Kewangan	i. SOP Sumber Manusia dan Pentadbiran dikemaskini sebanyak 100% mengikut isi kandungan yang telah ditetapkan ii. 100% SOP Kewangan yang telah dikemaskini akan diangkat untuk kelulusan ahli Lembaga Pengarah	i. SOP Sumber Manusia dan Pentadbiran dikemaskini 100% dan telah diangkat untuk kelulusan ahli Lembaga Pengarah ii. 30% SOP Kewangan masih dalam tindakan kemaskini dan akan diangkat untuk kelulusan	70
7.		Mengemaskini fail dan teguran audit dalaman berkaitan dalam sistem Sumber Manusia dan Kewangan	Teguran audit dalaman berkaitan sistem i. Sumber manusia-100% ii. Kewangan-100%	Teguran audit dalaman berkaitan sistem i. Sumber manusia-50% ii. Kewangan-100%	83
8.		Mesyuarat mingguan	Mesyuarat mingguan setiap Khamis bersama kakitangan, mesyuarat pengurusan bersama Pengurus Besar jika ada keperluan	Mesyuarat mingguan setiap Khamis bersama kakitangan, mesyuarat pengurusan bersama Pengurus Besar jika ada keperluan	100

BIL.	PERSPEKTIF	SASARAN KPI 2017	SASARAN 12 BULAN	PENCAPAIAN 12 BULAN	VARIANS (%)
9.	Modal Insan	Jabatan Modal Insan menyediakan perancangan latihan bagi setahun	i. Pembantu Tadbir-minima satu (1) kali yang berbayar ii. Penolong Eksekutif dan ke atas-minima dua (2) kali yang berbayar	i. 8/8 Pembantu Tadbir telah menyertai minima satu (1) kali kursus setahun ii. 8/8 Penolong Eksekutif dan ke atas menyertai sekurang-kurangnya satu (1) kali kursus	100
10.		Mengenal pasti latihan/kursus yang sesuai untuk semua pekerja/ <i>retreat</i>	Menubuhkan jawatankuasa program	Tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2017 kerana kekangan masa dan kewangan	50

Sumber: KSB

viii. Bagaimanapun pelan strategik dan KPI KSB masih belum dibentangkan dan diluluskan di dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah tetapi hanya dibentangkan kepada syarikat induk. Semakan lanjut mendapati kesemua dua (2) kriteria amalan terbaik rancangan korporat/pelan strategik dan KPI tidak dilaksanakan oleh KSB seperti berikut:

- Rancangan Korporat/Pelan Strategik diluluskan dan pelaksanaannya dipantau oleh Lembaga Pengarah. [MCCG 2017 practice 1.1, *guidance* 1.1 & *Handbook* perenggan 2.2(b)]; dan
- Sasaran dan pencapaian petunjuk prestasi utama di sedia dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. [*Green Book* Bahagian 1, perenggan 3.2 & *Handbook* perenggan 3.33 hingga 3.35].

Maklum Balas KSB yang Diterima pada 8 Februari 2018

KSB telah membentangkan KPI sehingga 31 Disember 2017 dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah KSB kali ke 26 (1/2018) yang telah diadakan pada 28 Januari 2018. Manakala untuk Pelan Strategik, pihak pengurusan masih belum mengangkat ke Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah kerana masih dalam proses penambahbaikan.

Pada pendapat Audit, penyediaan pelan strategik KSB adalah tidak selaras dengan saranan amalan terbaik tadbir urus kerana belum mendapat kelulusan Lembaga Pengarah syarikat.

f. Jawatankuasa Audit

i. Mengikut amalan terbaik, Jawatankuasa Audit (JKA) perlu ditubuhkan untuk menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat. Semakan Audit terhadap amalan tadbir urus dalam aspek penubuhan JKA mendapati JKA tidak ditubuhkan di KSB. [MCCG 2017 *intended outcome* 8.0 & *Green Book* perenggan 1.2.1]. Ini menyebabkan tujuh (7) amalan terbaik tadbir urus dalam aspek JKA tidak dapat dilaksanakan oleh KSB seperti berikut:

- Kesemua ahli JKA hendaklah mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan dan dapat memahami perkara di bawah bidang kuasa JKA termasuk proses pelaporan penyata kewangan. [MCCG 2017 *practice* 8.5];
- keanggotaan JKA hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) ahli dan tidak melebihi empat (4) ahli sama ada dalam kalangan Lembaga Pengarah atau orang luar yang memiliki kepakaran kewangan. [*Green Book* perenggan 1.2.3];
- Pengerusi JKA hendaklah Pengarah Bebas dan bukan Pengerusi Lembaga Pengarah. [MCCG 2017 *practice* 8.1 & *Green Book* perenggan 1.2.3];
- JKA hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas sahaja. [MCCCG 2017 *practice* 8.4];
- JKA hendaklah bermesyuarat seperti yang ditetapkan dalam perancangan. [Terma rujukan];
- Laporan JKA hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. [*Green Book Appendix* 3]; dan
- JKA hendaklah mengadakan perjumpaan dengan Ketua Audit Dalaman sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pengurusan syarikat. [*Chartered Institute of Internal Auditors, What Every Director Should Know – How to get the most from your internal audit*, muka surat 5].

g. Audit Dalaman

i. Peranan utama Audit Dalaman (UAD) ialah untuk menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, memastikan dasar Kerajaan dan prosedur yang ditetapkan dipatuhi. UAD juga berperanan untuk

membantu JKA dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.

- ii. Semakan Audit mendapati UAD tidak ditubuhkan di KSB kerana saiz syarikat yang kecil. Tugas Audit Dalaman dijalankan oleh Jabatan Audit Dalaman PMBK yang telah melaksanakan pengauditan terhadap Jabatan Kewangan dan Tabung Kifaalah pada 23 Mac hingga 29 Jun 2014, pengauditan ke atas Jabatan Kewangan KSB pada 6 April 2015 hingga 30 Jun 2015 dan pengauditan terhadap unit pengurusan modal insan KSB pada 4 April 2016 hingga 30 Jun 2016. Bagaimanapun, Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga Penasihat Perbadanan Menteri Besar Kelantan kali ke 15 (1/2015) bersetuju agar Penyata Kewangan Tabung Kifaalah tidak disatukan dengan Penyata Kewangan Kumpulan PMBK mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 dan dipersetujui juga di dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) bilangan 1/2015. Akibat pengasingan tersebut, Audit Dalaman PMBK tidak dapat melaksanakan pengauditan yang berkaitan dengan Tabung Kifaalah.
- iii. Pihak Audit mendapati Jabatan Audit Dalaman PMBK telah melaksanakan satu (1) daripada empat (4) kriteria amalan terbaik iaitu melaksanakan pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus syarikat serta menyarankan penambahbaikan yang dapat membantu nilai tambah aktiviti syarikat. [MCCG 2017 *guidance* 10.1]. Manakala tiga (3) lagi kriteria tidak dilaksanakan kerana ketiadaan Jawatankuasa Audit di KSB iaitu:
 - JKA memastikan Audit Dalaman berfungsi secara bebas. [MCCG 2017 *practice* 10.1];
 - pelantikan/penyingkiran untuk fungsi Audit Dalaman diputuskan oleh JKA. [MCCG 2017 *Guidance* 10.1]; dan
 - skop kerja Audit Dalaman jelas dan diluluskan oleh JKA. [MCCG 2017 *Guidance* 10.1].

Maklum Balas KSB yang Diterima pada 8 Februari 2018

KSB adalah syarikat kecil dan bilangan pekerja adalah tidak melebihi 20 orang pekerja. Jika Unit Audit Dalaman perlu ditubuhkan di KSB, ini menyebabkan pertambahan kos perbelanjaan bagi mengambil pekerja baru dan boleh menyebabkan peningkatan kos yang akan melebihi jumlah bajet

2018 yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah KSB.

Pada pendapat Audit, KSB tidak menubuhkan audit dalaman syarikat selaras dengan saranan amalan tadbir urus terbaik kerana saiz dan organisasi syarikat yang kecil. Selain itu, Audit Dalaman PMBK perlu melaksanakan pengauditan terhadap Tabung Kifaalah kerana Tabung Kifaalah merupakan sebahagian daripada aktiviti yang menyumbang pendapatan kepada syarikat dan bukan merupakan entiti yang berasingan daripada syarikat.

Pada pendapat Audit, KSB tidak membayar dividen kepada Kerajaan Negeri kerana ia telah memberi sumbangan bantuan kecemasan musim sejuk Gaza.

5.7. SYOR

Bagi memastikan objektif penubuhan KSB dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan Lembaga Pengarah serta pengurusan KSB mengambil langkah proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan seperti berikut:

- 5.7.1. mengeluarkan garis panduan pengurusan wang pendahuluan khairat kematian;
- 5.7.2. memastikan bayaran pampasan dapat disalurkan terus kepada pewaris;
- 5.7.3. membincangkan secara terperinci dan memuktamadkan segera mengenai penggunaan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk perbelanjaan selain daripada objektif pemberian Kerajaan; dan
- 5.7.4. meningkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mematuhi amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan pekeliling Kerajaan terutama dalam aspek perancangan strategik, Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit bagi menjaga kepentingan pemegang saham.



BAHAGIAN II

**PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI**

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

6. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

6.1. PENDAHULUAN

6.1.1. Pengurusan kewangan sesebuah organisasi adalah merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama iaitu legaliti dan akauntabiliti. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi serta mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaiannya kepada pegawai yang mewakilkan kuasa.

6.1.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

6.1.3. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama akan diberikan markah bagi tujuan penarafan. Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap penarafan yang Cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Jabatan/Agensi Negeri akan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti jadual berikut:

JADUAL 6.1
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	
80 hingga 89.9	Baik	
70 hingga 79.9	Memuaskan	
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

6.1.4. Penambahbaikan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

6.1.4.1. Pada tahun 2017, kajian semula terhadap pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak dan juga *lessons learnt* daripada pengauditan yang dilaporkan. Antara isu yang dikenal pasti dan dikaji semula adalah:

- a. Auditi dinilai secara menyeluruh dan tidak diklasifikasikan mengikut kriteria yang tertentu seperti peruntukan, bilangan pusat tanggungjawab, perbelanjaan, hasil dan lain-lain;
- b. persampelan Audit tidak mengambil kira saiz sesebuah Auditi; dan
- c. aspek risiko tidak diterapkan dalam pemberian markah dan keberkesanan kriteria.

6.1.4.2. Pindaan kepada Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) telah mengambil kira penambahbaikan berikut:

- a. klasifikasi Kementerian kepada dua (2) kategori iaitu Jabatan Mengakaun Sendiri dan Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri;
- b. persampelan – saiz sampel mengambil kira sampel yang dilaksanakan dalam pengauditan interim penyata kewangan, pengauditan prestasi, tadbir urus dan lain-lain;
- c. setiap kriteria audit diberikan tahap risiko;
- d. tempoh pengauditan bagi Jabatan/Agensi yang dilaksanakan secara pusingan; dan
- e. format pelaporan bagi pengauditan pengurusan kewangan (AI) disediakan dengan berteraskan konsep "ABC" iaitu tepat, padat dan sempurna (*accuracy, brevity and completeness*).

6.1.4.3. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit

Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Jabatan/Agensi Negeri mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri serta membantu pihak

pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko seperti jadual berikut:

JADUAL 6.2
SKALA PEMARKAHAN BERDASARKAN TAHAP RISIKO

SKALA	TAHAP RISIKO	KETERANGAN
3	Tinggi	Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan.
2	Sederhana	Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjejaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.
1	Rendah	Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjejaskan operasi organisasi.

6.1.5. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) pada tahun 2017 menggunakan pendekatan baru iaitu berdasarkan risiko dan prestasi kewangan tahun 2017 sahaja dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 serta tiada perbandingan dibuat dengan prestasi tahun sebelum.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 6.2.1. menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 6.2.2. menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 6.2.3. menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 6.2.4. menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

6.3.1. Bagi Jabatan Negeri, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2017 melibatkan tujuh (7) Jabatan.

6.3.2. Bagi Agensi Negeri penilaian telah dibuat terhadap sembilan (9) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan yang dijalankan melibatkan tujuh (7) Agensi telah dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2017 serta penyata kewangan Agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

6.4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko yang disediakan berasaskan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). ISSAI 4000 *Compliance Audit* menggalakkan amalan tadbir urus organisasi yang baik dengan memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan polisi yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.


6.4.2. Semakan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dipilih. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh dan memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

6.5. PENEMUAN AUDIT

6.5.1. Prestasi Keseluruhan


6.5.1.1. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 14 Jabatan/Agensi Negeri Kelantan bagi tahun 2017 menunjukkan sembilan (9) Jabatan/Agensi mencapai tahap Cemerlang, tiga (3) Jabatan/Agensi pada tahap Baik, satu (1) Jabatan pada tahap Memuaskan dan satu (1) Jabatan pada tahap Kurang Memuaskan. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi secara keseluruhan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.1
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 14 Jabatan/Agensi yang dinilai pada tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 6.2
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI KELANTAN TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

6.5.2. Prestasi Jabatan Negeri Mengikut Kawalan


Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi tujuh (7) Jabatan Negeri mendapati lima (5) daripada lapan (8) kawalan berada pada tahap Cemerlang, dua (2) kawalan berada pada tahap Baik dan satu (1) kawalan berada pada tahap Kurang Memuaskan seperti carta berikut:



Sumber: Jabatan Audit Negara

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi tujuh (7) Agensi Negeri pula mendapati enam (6) daripada sembilan (9) kawalan berada pada tahap Cemerlang dan tiga (3) berada pada tahap Baik seperti carta berikut:

CARTA 6.4
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN AGENSI
NEGERI BAGI TAHUN 2017 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN




Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, empat (4) Jabatan mencapai tahap Cemerlang dan tiga (3) Jabatan berada pada tahap Baik dalam elemen Kawalan Pengurusan. Bagi Agensi Negeri, enam (6) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) berada pada tahap Baik. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 6.5
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi tujuh (7) Jabatan adalah seperti **Carta 6.6**. Manakala tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 51 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi tujuh (7) Agensi adalah seperti di carta berikut:

CARTA 6.6
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN JABATAN



CARTA 6.7
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN AGENSI



- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.3
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Mesyuarat JPKA, JKA, JITU dan JTPK tidak/lewat diadakan mengikut tempoh ditetapkan, tidak membincangkan perkara yang ditetapkan mengikut pekeliling dan minit mesyuarat tidak disediakan.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar ii. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri iii. Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai iv. Jabatan Pertanian	i. Majlis Sukan Negeri ii. Yayasan Kelantan Darulnaim iii. Majlis Daerah Bachok	Mesyuarat tidak diadakan/tidak mengikut tempoh boleh menyebabkan isu berbangkit lewat dikenal pasti dan diambil tindakan.

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
2.	Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali. (AP309)	i. Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai	i. Perbadanan Menteri Besar Kelantan ii. Majlis Daerah Bachok	i. Kehilangan wang/barang berharga lewat dikesan yang boleh menyebabkan membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa. ii. Tindakan pembetulan dan pencegahan tidak dapat diambil menyebabkan isu yang sama berulang dan boleh mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan.
3.	Pusingan/pembahagian tugas tidak dilaksanakan.	i. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	i. Majlis Daerah Bachok	Pusingan tugas tidak dilaksanakan boleh menyebabkan: i. Pegawai selesa dengan tugas sedia ada yang dilaksanakan ii. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud.
4.	Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam tidak/lewat dihantar kepada Urus setia Tatatertib mengikut tempoh yang ditetapkan.	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri ii. Jabatan Pertanian	-	Laporan tidak/lewat dikemukakan boleh menyebabkan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri tidak mempunyai data yang lengkap mengenai tindakan tatatertib yang diambil terhadap penjawat awam.
5.	Pegawai tidak menghadiri kursus/latihan atau kursus/latihan diberi tidak berkaitan dengan tugas yang dilaksanakan.	i. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	-	Pegawai tidak menghadiri kursus /latihan atau kursus/latihan diberi tidak berkaitan dengan tugas dilaksanakan boleh menyebabkan: i. Pengetahuan pegawai mengenai tugas yang dilaksanakan tidak terkini. ii. Kemahiran pegawai tidak dapat ditingkatkan iii. Memberi kesan kepada kualiti kerja dalam jangka masa panjang.

b. Kawalan Bajet


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, kesemua tujuh (7) Jabatan mencapai tahap Cemerlang. Bagi Agensi Negeri, lima (5) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan dua (2) Agensi berada pada tahap Baik. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.8
PENCAPAIAN KAWALAN BAJET JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017




- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Bajet bagi tujuh (7) Jabatan adalah seperti **Carta 6.9**. Manakala tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap Sembilan (9) kriteria dalam Kawalan Bajet bagi tujuh (7) Agensi adalah seperti di carta berikut:

CARTA 6.9
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET JABATAN



CARTA 6.10
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET AGENSI



iii. Kelemahan yang dikenal pasti berlaku adalah seperti jadual berikut:


JADUAL 6.4
KELEMAHAN DALAM KAWALAN BAJET

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Kelulusan viremen/ pindah/ tambahan peruntukan tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus	-	i. Majlis Daerah Dabong	Pindah peruntukan tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus boleh menyebabkan: i. Perbelanjaan tanpa kelulusan ii. Had perbelanjaan melebihi peruntukan iii. Sistem kawalan dalaman yang lemah.

c. Kawalan Terimaan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, enam (6) Jabatan mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, enam (6) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) Agensi berada pada tahap Baik. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.11
PENCAPAIAN KAWALAN TERIMAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017




- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi tujuh (7) Jabatan adalah seperti **Carta 6.12**. Manakala tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi tujuh (7) Agensi adalah seperti di carta berikut:

CARTA 6.12
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN TERIMAAN ABATAN



CARTA 6.13
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN TERIMAAN AGENSI



- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:


JADUAL 6.5
KELEMAHAN DALAM KAWALAN TERIMAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Resit lewat dikeluarkan bagi terimaan melalui mel.	i. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	i. Majlis Daerah Bachok ii. Yayasan Kelantan Darulnaim iii. Majlis Daerah Ketereh	Resit tidak disediakan pada hari yang sama boleh menyebabkan: i. Hasil lewat diakaunkan. ii. "Teeming & Lading"
2.	Proses pungutan tidak dibuat dengan segera dan teratur (tidak dimasukkan ke bank dengan segera).	i. Jabatan Pertanian	-	Proses pungutan tidak dibuat dengan segera dan teratur boleh menyebabkan: i. Hasil lewat diakaunkan dengan tepat. ii. Mendedahkan risiko 'teeming' & 'lading'. iii. Risiko penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai. iv. Risiko kehilangan hasil.
3.	Penyata Penyesuaian Bank/ Hasil tidak disediakan setiap bulan mengikut tempoh yang ditetapkan/ tidak disediakan dengan tepat.	i. Jabatan Perikanan	i. Perbadanan Menteri Besar Kelantan ii. Majlis Daerah Bachok	Penyata Penyesuaian Bank/ Hasil tidak disediakan setiap bulan mengikut tempoh yang ditetapkan/ tidak disediakan dengan tepat boleh menyebabkan: i. Perbezaan hasil tidak dapat dikenal pasti ii. Pelaporan kurang tepat. iii. Ketirisan hasil Kerajaan.

d. Pengurusan Perolehan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) berada pada tahap Baik, satu (1) pada tahap Memuaskan, satu (1) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan dan satu (1) Jabatan pada tahap Tidak Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, empat (4) Agensi mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Agensi berada pada tahap Baik, satu (1) Agensi berada pada tahap Kurang Memuaskan dan satu (1) Agensi pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Perolehan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.14
PENCAPAIAN PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017




- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi tujuh (7) Jabatan adalah seperti **Carta 6.15**. Manakala tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 49 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi tujuh (7) Agensi adalah seperti di carta berikut:

CARTA 6.15
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN



CARTA 6.16
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN AGENSI




- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.6
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/ perkhidmatan melebihi RM20,000 setahun atau had yang ditetapkan dalam Peraturan Kewangan Agensi.	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri ii. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	-	Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/perkhidmatan melebihi RM20,000 setahun boleh menyebabkan: i. Risiko tidak melaksanakan sebut harga (pecah kecil perolehan). ii. Perolehan dibuat dengan pembekal tidak berdaftar. iii. Pembaziran dan penyelewengan dari aspek harga tidak kompentatif dan pemilihan pembekal yang tidak berkelayakan.
2.	Kajian pasaran tidak dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.	i. Jabatan Pertanian ii. Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai	-	Kajian pasaran tidak dibuat boleh menyebabkan: i. Perbandingan harga yang kompetitif dan menguntungkan Kerajaan tidak dibuat. ii. Kerajaan tidak mendapat 'value for money' (harga tidak munasabah).
3.	Proses pengurusan sebut harga melebihi RM20,000 hingga RM50,000 tidak dipatuhi.	i. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian ii. Jabatan Pertanian iii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar	i. Majlis Daerah Bachok ii. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri	Proses pengurusan sebut harga melebihi RM20,000 hingga RM50,000 yang tidak dipatuhi boleh menyebabkan: i. Berlakunya pecah kecil pembelian dan harga barang yang dibeli juga tidak kompetitif menyebabkan kerugian yang akan dihadapi oleh Kerajaan. ii. Menunjukkan kelemahan dalam perancangan perolehan oleh sesuatu Jabatan/Agensi.
4.	Proses pengurusan Sebut Harga melebihi RM50,000 hingga RM500,000 tidak dipatuhi.	-	i. Yayasan Kelantan Darulnaim ii. Majlis Daerah Dabong	Proses pengurusan Sebut Harga melebihi RM50,000 hingga RM500,000 yang tidak dipatuhi boleh menyebabkan: i. Berlakunya pecah kecil pembelian dan harga barang yang dibeli juga tidak kompetitif menyebabkan kerugian kepada Kerajaan. ii. Menunjukkan kelemahan dalam perancangan perolehan oleh sesuatu Agensi.
5.	Perolehan secara Kontrak Pusat tidak dibuat melalui pembekal yang ditetapkan dan kebenaran Perbendaharaan tidak diperolehi terlebih dahulu bagi pembelian yang dibuat luar dari Kontrak Pusat.	i. Jabatan Perikanan ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar	-	Perolehan secara Kontrak Pusat tidak dibuat melalui pembekal yang ditetapkan boleh menyebabkan: i. Jaminan terhadap kualiti, harga dan tempoh pembekalan diragui. ii. Peraturan kewangan tidak dipatuhi.


e. Kawalan Perbelanjaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, kesemua tujuh (7) Jabatan mencapai tahap Cemerlang. Bagi Agensi Negeri, enam (6) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) Agensi berada pada tahap Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:




- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi tujuh (7) Jabatan adalah seperti **Carta 6.18**. Manakala tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 18 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi tujuh (7) Agensi adalah seperti di carta berikut:

CARTA 6.18
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN JABATAN



CARTA 6.19
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN AGENSI



- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:


JADUAL 6.7
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan / Pelarasan tidak dibuat terhadap item yang tidak dapat disesuaikan dalam Penyata Penyesuaian Bank.	-	i. Majlis Daerah Bachok ii. Perbadanan Menteri Besar Kelantan	Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan / Pelarasan tidak dibuat terhadap item yang tidak dapat disesuaikan dalam Penyata Penyesuaian Bank boleh menyebabkan perbelanjaan yang tidak sepatutnya masih kekal dalam vot tidak menggambarkan kedudukan kewangan yang sebenarnya.
2.	Proses bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri ii. Jabatan Perikanan iii. Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai iv. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian v. Jabatan Pertanian	i. Majlis Daerah Bachok ii. Majlis Sukan Negeri	Dokumen sokongan tidak lengkap, melebihi tempoh 14 hari, dibayar kepada penerima yang tidak sah, kod objek tidak tepat boleh menyebabkan kerugian, penyelewengan dan salah guna kuasa.
3.	Bil tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari atau tempoh yang ditetapkan oleh Agensi dari tarikh ia diterima di Bahagian / Unit Kewangan.		i. Majlis Daerah Bachok ii. Majlis Daerah Dabong	Pembayaran melebihi tempoh 14 hari boleh menggambarkan kelemahan kawalan dalaman.

f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, kesemua tujuh (7) Jabatan mencapai tahap Cemerlang. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi mencapai tahap Cemerlang, tiga (3) Agensi berada pada tahap Baik, dua (2) Agensi berada pada tahap Memuaskan dan satu (1) Agensi berada pada tahap Kurang Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.20
PENCAPAIAN PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN
AMANAH DAN DEPOSIT JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017




- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tujuh (7) Jabatan adalah seperti **Carta 6.21**. Manakala tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 24 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tujuh (7) Agensi adalah seperti di carta berikut:

CARTA 6.21
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN
KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT JABATAN



CARTA 6.22
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN
KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT AGENSI



- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:


JADUAL 6.8
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN
KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Salinan resit pembelian, Kad Pendaftaran Kenderaan (Geran) dan Sijil Insuran Komprehensif tidak disimpan dalam Fail Pinjaman Kenderaan / Fail Peribadi Pegawai/ Kad Pendaftaran Kenderaan (Geran) dicap 'Hak Milik Dituntut Kerajaan/ Agensi'.	-	i. Majlis Daerah Bachok ii. Yayasan Kelantan Darulnaim iii. Majlis Daerah Ketereh iv. Majlis Daerah Dabong	Resit asal, Kad Pendaftaran Kenderaan (geran) dan sijil insurans tidak diserahkan untuk simpanan fail peribadi pegawai boleh menyebabkan: i. Kecuaian pegawai bertanggungjawab untuk mendapatkan dokumen berkenaan. ii. Kelemahan pemantauan dan penyeliaan pegawai yang bertanggungjawab.
2.	Jabatan/ Agensi tidak mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bayaran balik bagi Pendahuluan Diri dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	i. Perbadanan Menteri Besar Kelantan	Bayaran balik tidak dibuat mengikut tempoh ditetapkan boleh menyebabkan: i. Bayaran balik tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dan penalti tidak dikenakan. ii. Kawalan dalaman yang lemah. iii. Kehilangan hasil.

g. Pengurusan Aset dan Stor


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, empat (4) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) berada pada tahap Baik, satu (1) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Tidak Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, lima (5) Agensi mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Agensi berada pada tahap Memuaskan dan satu (1) Agensi berada pada tahap Kurang Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.23
PENCAPAIAN PENGURUSAN ASET DAN STOR JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017




- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 64 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi tujuh (7) Jabatan adalah seperti **Carta 6.24**. Manakala tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 98 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi tujuh (7) Agensi adalah seperti di carta berikut:

CARTA 6.24
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR JABATAN



CARTA 6.25
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR AGENSI




- ii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.9
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) tidak bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan/ JKPAK tidak membincangkan agenda yang ditetapkan	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri ii. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian iii. Jabatan Pertanian iv. Jabatan Perkhidmatan Veterinar v. Jabatan Perikanan	i. Perbadanan Menteri Besar Kelantan ii. Majlis Daerah Bachok iii. Majlis Daerah Ketereh iv. Majlis Sukan Negeri	i. Mesyuarat tidak/ lewat diadakan/tidak diadakan mengikut tempoh boleh menyebabkan pemantauan dan keberkesanan terhadap pengurusan aset tidak dapat dilaksanakan. ii. Agenda tidak disediakan/ tidak mengikut peraturan boleh menyebabkan perkara mengenai pengurusan aset tidak dilaporkan.
2.	Perakuan Pegawai Pengawal beserta ringkasan laporan tahunan tidak dikemukakan ke Perbendaharaan mengikut tempoh yang ditetapkan.	i. Jabatan Pertanian ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar	i. Majlis Daerah Bachok ii. Majlis Sukan Negeri iii. Perbadanan Menteri Besar Kelantan	Ringkasan Laporan tahunan tidak disediakan/Laporan tahunan tidak/lewat dikemukakan/Pegawai tidak / lewat memperakukan laporan boleh menjejaskan kredibiliti Pegawai Pengawal.
3.	Jabatan/Agensi tidak melantik Pegawai Penerima yang bertanggungjawab untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima / Pegawai yang bertauliah tidak menjalankan pemeriksaan teknikal aset.	i. Jabatan Pertanian ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar iii. Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai iv. Pejabat Tanah dan Jajahan Machang v. Jabatan Perikanan	i. Majlis Daerah Bachok	Pegawai Penerima tidak dilantik/Lantikan pegawai penerima tidak dimaklumkan serta Pegawai teknikal tidak menjalankan pemeriksaan boleh menyebabkan: i. Aset tidak diterima/diperiksa oleh pegawai yang mempunyai kepakaran ii. Keadaan aset tidak dapat disahkan menyebabkan kerugian sekiranya mengalami kerosakan/tidak mengikut spesifikasi. iii. Tiada pegawai yang boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku ketidakpatuhan semasa penerimaan aset.
4.	Semua harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dengan lengkap dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan/ Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Aset Bernilai Rendah (KEW.PA-3) tidak diselenggarakan dengan lengkap.	i. Jabatan Pertanian ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar iii. Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai	-	Aset tidak/lewat didaftarkan boleh menyebabkan: i. Aset hilang dan boleh disalah guna. ii. Aset tidak dikesan iii. Maklumat aset tidak tepat iv. Kerugian kepada Kerajaan. v. Penyelewengan aset Kerajaan.
5.	Aset yang dibeli tidak digunakan.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar ii. Pejabat Tanah dan Jajahan Machang	-	Aset tidak digunakan/tidak digunakan secara optimum boleh menyebabkan pembaziran wang Kerajaan.
6.	Semua aset tidak diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun/ Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA 10) dan Laporan Pemeriksaan Inventori (KEW.PA-11) yang lengkap tidak disediakan oleh Pegawai Pemeriksa dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan.	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri ii. Jabatan Pertanian	i. Perbadanan Menteri Besar Kelantan ii. Majlis Sukan Negeri	Pemeriksaan Aset tidak dilaksanakan boleh menyebabkan: i. Keadaan fizikal aset tidak dapat disahkan. ii. Kehilangan aset tidak dapat dikesan. iii. Maklumat aset tidak tepat.


h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, satu (1) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) berada pada tahap Memuaskan, satu (1) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan dan empat (4) Jabatan pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan dari aspek elemen Pengurusan Kenderaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan bagi tujuh (7) Jabatan adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.27
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN



iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.10
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KENDERAAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk semua kenderaan yang disemak.	i. Pejabat Tanah dan Jajahan Machang ii. Jabatan Perikanan iii. Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai iv. Jabatan Perkhidmatan Veterinar	i. Majlis Sukan Negeri ii. Majlis Daerah Dabong iii. Perbadanan Menteri Besar Kelantan	Buku Log tidak disediakan/Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini boleh menyebabkan: i. Salah guna kenderaan Kerajaan. ii. Tiada pegawai boleh dipertanggungjawabkan jika ada kes kehilangan/kemalangan/saman. iii. Rekod penggunaan minyak tidak dapat disemak. iv. Kelemahan kawalan dalaman penggunaan kenderaan Kerajaan.
2.	Kad Inden Minyak tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan (Pemegang Kad) setiap masa (kecuali Kad Inden Pegawai Gred Jusa C dan ke atas) melainkan ada keperluan mengisi minyak/ Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa/ Penyata pembelian atau Penyata Kad tidak disemak silang dengan salinan resit dan tidak disahkan oleh Pemegang Kad sebelum pembayaran dilakukan.	i. Jabatan Perikanan ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar iii. Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai iv. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian v. Pejabat Tanah dan Jajahan Machang vi. Jabatan Pertanian	i. Majlis Daerah Ketereh ii. Majlis Daerah Dabong iii. Majlis Sukan Negeri	Kad inden tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan boleh menyebabkan: i. Tiada pegawai yang boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kehilangan kad inden. ii. Salah guna minyak. iii. Kehilangan wang Awam.

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
3.	Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) bagi kenderaan jabatan tidak disimpan selamat oleh Pegawai Kenderaan dan pemandu dengan lengkap / Penyata penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan tidak diterima, dicetak daripada syarikat pembekal KSBTTR dan semakan tidak dilaksanakan oleh Pegawai Kenderaan.	i. Jabatan Perikanan ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar iii. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian iv. Jabatan Pertanian	-	Buku rekod pergerakan dan penggunaan KSBTTR tidak disimpan dengan selamat oleh pegawai kenderaan serta Penyata penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan tidak diterima, dicetak daripada syarikat pembekal KSBTTR dan semakan tidak dilaksanakan oleh Pegawai Kenderaan boleh menyebabkan: i. Manipulasi data. ii. Salah guna KSBTTR. iii. Kehilangan wang awam-jika hilang. iv. Kerugian kepada Kerajaan sekiranya pembayaran adalah tidak wajar. (Kerajaan menanggung kos bagi salah guna kad KSBTTR - kehilangan wang awam).
4.	Semak silang tidak dibuat antara penyata yang dikeluarkan oleh pihak Touch 'n Go (OGL Lite), resit dan rekod manual Kementerian/ Jabatan diselenggara.	i. Jabatan Perikanan ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar	-	Penyata OGL Lite tidak dicetak/Tiada semakan silang penyata OGL Lite, resit dan rekod manual Kementerian/Jabatan boleh menyebabkan: i. Salah guna kad STTN. ii. Tidak dapat dikesan. iii. Kerugian kepada Kerajaan sekiranya pembayaran adalah tidak wajar. (Kerajaan menanggung kos bagi salah guna STTN-kehilangan wang awam).
5.	Penyenggaraan pencegahan dan pembaikan yang dilaksanakan tidak direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14).	i. Jabatan Perikanan ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar iii. Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai iv. Pejabat Tanah dan Jajahan Machang	-	Penyenggaraan kenderaan tidak dilaksanakan/ Penyenggaraan kenderaan tidak direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal boleh menyebabkan: i. Menjejaskan jangka hayat penggunaan kenderaan. ii. Maklumat aset tidak tepat (tiada maklumat kos penyenggaraan).

i. Pengurusan Pelaburan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Agensi Negeri, lima (5) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) Agensi berada pada tahap Baik manakala satu (1) Agensi tidak berkaitan dalam Pengurusan Pelaburan. Pencapaian Agensi dari aspek elemen Pengurusan Pelaburan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 6.28
PENCAPAIAN PENGURUSAN PELABURAN AGENSI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Pengurusan Pelaburan bagi enam (6) Agensi adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.29
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN PELABURAN AGENSI



- iii. Kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti jadual berikut:


JADUAL 6.11
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PELABURAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Bayaran balik pinjaman daripada Kerajaan Negeri tidak dibuat mengikut jadual yang ditetapkan.	-	i. Majlis Daerah Bachok	Bayaran balik tidak dibuat mengikut jadual menyebabkan: i. terdapat peminjam yang tidak membayar balik pinjaman yang diberikan. ii. Caj kelewatan tidak dikenakan kepada peminjam atas kelewatan atau tidak mengikut jadual ditetapkan - kehilangan hasil. iii. Kekangan kewangan kepada agensi untuk melaksanakan aktiviti ditetapkan - kerana aliran tunai masuk tidak mengikut jangkaan ditetapkan iv. kawalan dalaman yang lemah v. ABT yang meningkat.

j. Penyata Kewangan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Agensi Negeri, enam (6) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) pada tahap Memuaskan. Pencapaian Agensi dari aspek elemen Penyata Kewangan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 6.30
PENCAPAIAN PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TAHUN 2017



■ Cemerlang ■ Memuaskan
Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Penyata Kewangan bagi tujuh (7) Agensi adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.31
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENYATA KEWANGAN AGENSI



iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.12
KELEMAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Penyata Kewangan yang dikemukakan untuk diaudit mempunyai kesilapan persembahan, pengiraan dan angka.	-	i. Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	Persembahan Penyata Kewangan tidak menunjukkan kedudukan sebenar kewangan Agensi boleh menyebabkan pihak pengurusan atasan silap membuat keputusan.
2.	Penyerahan penyata kewangan tidak mengikut tempoh yang ditetapkan.	-	i. Yayasan Kelantan Darulnaim	Penyerahan penyata kewangan tidak mengikut tempoh yang ditetapkan dan tidak memohon kelulusan daripada Pejabat Perbendaharaan Negeri boleh menyebabkan pengauditan serta pengesahan Penyata Kewangan lewat dibuat.

6.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Kelantan bagi tahun 2017 berada pada tahap Baik berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Jabatan/Agensi yang perlu meningkatkan dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

6.6.1. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;

6.6.2. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;

6.6.3. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;

6.6.4. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;

6.6.5. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;

6.6.6. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan

6.6.7. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

6.6.8. Pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.

PENGAUDITAN MENGEJUT JABATAN/AGENSI NEGERI

7. PENGAUDITAN MENGEJUT

7.1. PENDAHULUAN

7.1.1. Pengauditan ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang menyatakan Ketua Audit Negara hendaklah mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri, akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu negeri atau Wilayah Persekutuan.

7.1.2. Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 juga menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

7.1.3. Pengauditan Mengejut adalah satu (1) pendekatan Audit yang meliputi pemeriksaan, penyiasatan dan pengauditan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan dan jangka masa pengauditan kepada pihak Auditi.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Pengauditan Mengejut adalah untuk menentukan sama ada penerimaan, kutipan, kawalan perbelanjaan, kawalan aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan yang berada di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan secara teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

7.3. SKOP PENGAUDITAN

7.3.1. Skop pengauditan mengejut meliputi kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan dan kawalan umum. Pengauditan mengejut dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari atau tempoh masa yang sesuai bagi kes-kes tertentu. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan terhadap penerimaan wang, wang panjar, borang hasil yang dikawal dan barang berharga bagi tahun 2017 di 12 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) Kerajaan Negeri seperti jadual berikut.

JADUAL 7.1
PENGAUDITAN MENGEJUT DI PUSAT
TANGGUNGJAWAB/PUSAT KOS KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2017

BIL.	PTJ/ PK KERAJAAN NEGERI
1.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Jeli
2.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan Tumpat
3.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Kota Bharu
4.	Pejabat Pertanian Jajahan Tanah Merah
5.	Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Tanah Merah
6.	Pejabat Agama Jajahan Bachok
7.	Pejabat Tanah dan Jajahan kuala Krai
8.	Pejabat Pertanian Jajahan Tumpat
9.	Pejabat Pengairan dan Saliran Jajahan Bachok
10.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Tanah Merah
11.	Pejabat Perikanan Jajahan Bachok
12.	Pejabat Pertanian Jajahan Pasir Mas

7.4. METODOLOGI

Metodologi pengauditan mengejut adalah melalui pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam, aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan. Semakan terhadap rekod-rekod kewangan, temu bual dengan pihak Auditi, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan ke atas kaunter kutipan dan keadaan peti besi yang sentiasa berkunci. Lawatan dan tinjauan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan/stor juga dilakukan.

7.5. PENEMUAN AUDIT

7.5.1. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/PK Kerajaan Negeri yang Diaudit

7.5.1.1. Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di PTJ/PK Kerajaan Negeri dinilai berdasarkan 79 kriteria melibatkan 42 kriteria di kawalan terimaan, 25 di kawalan perbelanjaan dan 12 kriteria di kawalan umum. Pihak Audit mendapati ketidakpatuhan seperti dalam jadual berikut:

JADUAL 7.2
BILANGAN KRITERIA TIDAK PATUH
MENGIKUT PTJ/ PK KERAJAAN NEGERI YANG DIAUDIT


BIL.	KAWALAN	JUMLAH KRITERIA	KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PTJ/ PK KERAJAAN NEGERI
1.	Terimaan	40	5
2.	Perbelanjaan	25	3
3.	Umum	14	7
JUMLAH KESELURUHAN		79	15

7.5.2. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/PK Kerajaan Negeri yang Diaudit Mengikut Kawalan

a. Kawalan Terimaan

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak tiga (3) PTJ/PK Kerajaan Negeri tidak mematuhi lima (5) kriteria dalam kawalan terimaan. Hasil analisis mendapati:
 - Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan terimaan iaitu sebanyak dua (2) PTJ/PK Kerajaan Negeri tidak terima resit rasmi perbendaharaan untuk jumlah dibankkan.
 - Selanjutnya, dua (2) PTJ/PK Kerajaan Negeri tidak mempamerkan notis pemberitahuan awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar.
 - Ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan terimaan melibatkan satu (1) PTJ/PK Kerajaan Negeri yang tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut, tidak mengeluarkan resit rasmi secara bersiri dan kutipan tidak direkodkan dalam buku tunai dengan segera.
- ii. Kelemahan kawalan terimaan adalah seperti di carta berikut:

CARTA 7.1
BILANGAN PTJ/ PK KERAJAAN NEGERI YANG TIDAK
MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Nota:


- a Resit rasmi dikeluarkan secara bersiri
- b Kutipan direkodkan dalam buku tunai dengan segera
- c Resit rasmi perbendaharaan diterima untuk jumlah dibankkan
- d Semakan dibuat ke atas slip bank/penyata pemungut
- e Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit setelah wang dibayar

iii. Kawalan terimaan yang tidak mematuhi peraturan/pekeliling menunjukkan kawalan dalaman PTJ/PK Kerajaan Negeri yang lemah dan proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya. Kelemahan-kelemahan ini memberi implikasi kepada jumlah pungutan tidak bersamaan jumlah yang dibankkan.

b. Kawalan Perbelanjaan

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak satu (1) PTJ/PK Kerajaan Negeri tidak mematuhi tiga (3) kriteria dalam kawalan perbelanjaan. Hasil analisis mendapati:
 - Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan perbelanjaan adalah mengenai Pesanan Kerajaan lewat dikeluarkan.
 - Selanjutnya, bil yang diterima dibayar melebihi tempoh 14 hari.
 - Bil yang diterima tidak dicap "Tarikh Terima" bagi tujuan pemantauan.

- ii. Kelemahan kawalan perbelanjaan adalah seperti di carta berikut:



Nota:

- a Pesanan Kerajaan dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian (AP 176).
- b Semua bil yang diterima dibayar segera dalam tempoh 14 hari (AP 103 a).
- c Semua bil yang diterima dicap "TARIKH TERIMA" bagi tujuan pemantauan.

- iii. Kelemahan-kelemahan yang ditemui semasa pengauditan mengejut di PTJ/PK Kerajaan Negeri menyebabkan rekod tidak tepat (lebih/kurang) serta tidak kemas kini yang meningkatkan risiko kehilangan wang awam.

b. Kawalan Umum


- i. Analisis Audit mendapati lapan (8) PTJ/PK Kerajaan Negeri tidak mematuhi enam (6) kriteria dalam kawalan umum. Hasil analisis mendapati:
- Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan umum adalah sebanyak enam (6) PTJ/PK Kerajaan Negeri melibatkan kelemahan dari segi kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang oleh pegawai yang sama dan tidak diberi kuasa.
 - Selanjutnya, Ketua Jabatan bagi enam (6) PTJ/PK tidak melaksanakan Pemeriksaan Mengejut di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 309 dalam tempoh enam (6) bulan meliputi pemeriksaan terhadap peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci

atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang berharga.

- Seterusnya, sebanyak empat (4) PTJ/PK Kerajaan Negeri tidak merekodkan dan mengesahkan pengeluaran setem manakala tiga (3) PTJ/ PK tidak menyelenggarakan Daftar Setem.

ii. Kelemahan kawalan umum adalah seperti di carta berikut:

CARTA 7.3
BILANGAN PTJ/ PK KERAJAAN NEGERI YANG
TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN UMUM



Nota:

- a Kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang pegawai yang berlainan dan diberikan kuasa.
- b Ketua Jabatan melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga.
- c Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
- d Peti besi/bilik kebal digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat.
- e Semua terimaan dan pengeluaran telah direkod dan disahkan oleh Ketua Jabatan
- f Stok setem fizikal adalah bersamaan dengan Daftar Setem.

iii. Penemuan Audit di PTJ/PK Kerajaan Negeri menunjukkan kelemahan di kawalan umum melibatkan keselamatan wang tunai/barang berharga serta ketidakpatuhan terhadap AP 309 memberi implikasi kehilangan wang awam/barang berharga. Selain itu, kelemahan ini juga berisiko terhadap penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai di PTJ/PK Kerajaan Negeri.

7.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di pejabat yang diaudit adalah baik berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi tiga (3) kawalan yang diaudit. Ketua PTJ/PK yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di PTJ/PK Kerajaan Negeri agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan di masa akan datang. Sehubungan itu, semua PTJ/PK Kerajaan Negeri di setiap Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- 7.6.1. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- 7.6.2. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- 7.6.3. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- 7.6.4. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- 7.6.5. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
- 7.6.6. Pemeriksaan Mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

12 Jun 2018



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62518 PUTRAJAYA

www.audit.gov.my